



DR 13 TAHUN 2016
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS
PENGGAL KEEMPAT




LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS

PERKHIDMATAN 1BESTARINET
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

LAPORAN
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.	LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG PROJEK PERKHIDMATAN IBESTARINET OLEH KEMENTERIAN PENDIDIKAN	1 - 19
2.	RUMUSAN & SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA	20
3.	AGENDA MESYUARAT	
4.	LAPORAN PROSIDING	
5.	DOKUMEN PEMBENTANGAN	



LAPORAN
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA
WANG NEGARA

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG PERKHIDMATAN 1BESTARINET DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

1. PENDAHULUAN.

Projek Perkhidmatan 1BestariNet oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah sebahagian daripada penemuan audit dalam pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2013 Siri 3 (Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan) yang dibentangkan di Parlimen pada 10 November 2014.

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen mengadakan prosiding untuk membincangkan mengenai isu ini sebanyak tiga kali iaitu pada 17 Mac 2015, 8 April 2015 dan 16 Jun 2015 iaitu dalam prosiding Bilangan 10/2015, 22/2015 dan 26/2015.

2. OBJEKTIF PERBINCANGAN.

Selaras dengan mandat yang diberi di bawah Perkara 77(1) Peraturan-peraturan Majlis Dewan Rakyat, serta Perkara 304(a) Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008), PAC Parlimen telah mengadakan prosiding berhubung Perkhidmatan 1BestariNet Kementerian KPM bertujuan untuk:

- i. penyambungan internet ke 4,176 tapak pengguna lewat disediakan antara 12 hingga 439 hari dari tempoh pelaksanaan yang ditetapkan. Tiada lanjutan masa dan tidak dikenakan denda lewat;

- ii. tahap penggunaan *Virtual Learning Environment* (VLE) oleh guru, murid dan ibu bapa adalah sangat rendah iaitu antara 0.01% - 4.69%;
- iii. *Mini Network Operation Center* (MNOC) tidak beroperasi seperti *real time*;
- iv. Tiada kelulusan teknikal Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT) oleh MAMPU dan KPM tidak melaksanakan *value management*. Jawatankuasa Pemandu Projek dan Jawatankuasa Teknikal Projek tidak diwujudkan di peringkat KPM;
- v. Kajian Keperluan Sekolah tidak dilaksanakan;
- vi. Harga sewaan RM1,000 setahun bagi setiap tapak *1BestariNet Receiver Integrated System* (1BRIS) di seluruh negara adalah tidak munasabah;
- vii. Perkhidmatan *hosting* tidak digunakan sepenuhnya;
- viii. Perisian antivirus yang dibekalkan tidak digunakan. Manakala pengurusan perkhidmatan tapisan kandungan terhadap capaian internet dan pengurusan tampalan (*patch management*) tidak memuaskan;
- ix. Perbelanjaan operasi Pejabat Pengurusan Projek sejumlah RM157,940 melebihi peruntukan yang ditetapkan; dan

- x. Pembayaran Program Pengurusan Perubahan bagi 6 peserta kontraktor, 3 peserta FrogAsia, penginapan dan makan minum bagi ahli keluarga peserta dan tuntutan melebihi kelayakan pegawai Kerajaan yang menyalahi peraturan kewangan sedia ada.

3. SKOP DAN METODOLOGI.

- 3.1 Prosiding PAC Parlimen tertumpu kepada isu-isu utama yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara di Perenggan 12 Perkhidmatan 1BestariNet KPM dengan skop prestasi kewangan dan aktiviti serta tadbir urus syarikat ini.
- 3.2 Metodologi prosiding PAC Parlimen adalah dengan menyemak dokumen yang berkaitan, menemu bual pegawai yang terlibat dengan Perkhidmatan 1BestariNet KPM termasuk Ketua Setiausaha (KSU), Pegawai-pegawai kanan KPM.
- 3.3 Memanggil wakil daripada Kementerian Kewangan, Jabatan Akauntan Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) bagi memberikan maklumat tambahan kepada PAC Parlimen.

4. LATAR BELAKANG PERKHIDMATAN 1BESTARINET.

Perkhidmatan 1BestariNet adalah satu inisiatif KPM hasil daripada makmal NKEA-CCI EPP6 diterajui PEMANDU bagi menggantikan dan menambahbaik sistem rangkaian teknologi komunikasi massa (ICT) di semua sekolah di Malaysia berikutan perkhidmatan ICT SchoolNet ditamatkan bulan Disember 2010.

1BestariNet merupakan perkhidmatan rangkaian “*End to End*” (E2E) dan *Virtual Learning Environment* (VLE) dengan 10,000 buah sekolah di seluruh Malaysia dilengkapi akses Internet berkelajuan tinggi dan platform pembelajaran maya yang mengaplikasikan jaringan Internet berkelajuan tinggi serta akses kepada penyelesaian pendidikan bersepadu bertaraf dunia.

EPU, Jabatan Perdana Menteri (JPM) dengan kerjasama pakar runding Boston Consulting Group (BCG) melaksanakan kajian impak projek SchoolNet dan Peranan ICT dalam Pendidikan tahun 2010 dengan 22 cadangan penambahbaikan ICT;

KPM melaksanakan *proof of concept* (POC) teknologi capaian Internet merangkumi *Asymmetric Digital Subscriber Line* (ADSL), *Fiber Optic*, *Wireless* dan *Very Small Aperture Terminal* (VSAT) di 109 buah Sekolah Menengah Kebangsaan, Sekolah Berasrama Penuh (SBP/Sains), Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Sekolah Kurang Murid.

KPM kemudian membentangkan cadangan pelaksanaan 1BestariNet kepada EPU, JPM pada mesyuaratnya Bil. 12/2011 bertarikh 28 Mac 2011 dan memutuskan projek ini, dilaksanakan dengan segera melalui tender terbuka dengan mengambilkira komponen VLE untuk mempercepatkan pendekatan e-pembelajaran bersepadu yang lebih berkesan.

Pelaksanaan 1BestariNet menggunakan model 5 + 5 + 5 tahun dan mesti menyediakan peruntukan bagi menaik taraf dan peningkatan teknologi sekali setiap 5 tahun. Justifikasi dan tujuan perlanjutan akan mengambilkira elemen *Service Level Agreement* (SLA) yang diberikan *Internet Service Provider* (ISP).

Atas persetujuan EPU, anggaran peruntukan untuk 1BestariNet bagi tempoh:

- 5 tahun pertama berjumlah RM347 juta setahun (RM1.735 billion);
- 5 tahun kedua berjumlah RM295 juta setahun (RM1.475 billion);
- 5 tahun ketiga berjumlah RM251 juta setahun (RM1.255 billion);
atau
- secara keseluruhannya, RM4.465 billion bagi tempoh 15 tahun.

Lembaga Perolehan KPM telah memutuskan Projek 1BestariNet dilaksanakan dalam tempoh 15 tahun dengan harga RM4.08 bilion. JTICT Bil. 13/2011 pada 21 Oktober 2011 telah mencadangkan tempoh kontrak dibuat selama 5 tahun dan perlu disemak antara dua dan tiga tahun.

JTICT MAMPU juga mencadangkan supaya 1BestariNet diintegrasikan dengan rangkaian ENet serta mengasingkan pembangunan infrastruktur dari pembangunan *content* 1BestariNet.

Bagaimanapun Kementerian Kewangan (MoF) melalui surat bertarikh 23 November 2011 memuktamadkan tender 1BestariNet bernilai RM663 juta bagi tempoh dua tahun enam bulan.

5. HASIL PERBINCANGAN DAN PENEMUAN.

PAC Parlimen meneliti isu-isu perkhidmatan 1BestariNet seperti berikut:

5.1 Kelewatan Penyambungan Internet.

Penyambungan capaian internet ke 4,176 buah sekolah lewat disiapkan antara 12 hingga 439 hari daripada tempoh pelaksanaan yang telah ditetapkan iaitu 30 Mac 2013. Selain itu, tiada kelulusan lanjutan masa diberikan dan tiada denda lewat dikenakan kepada

kontraktor oleh KPM walaupun telah melepasi tempoh pemasangan yang ditetapkan.

Maklum Balas KPM.

Pihak kontraktor berhadapan masalah dengan pihak SACOFA di Sarawak dan juga beberapa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Sabah untuk mendirikan menara 1BRIS.

Daripada 10,000 buah sekolah, lebih 8,000 sekolah telah disambungkan dengan capaian internet di seluruh Malaysia.

5.2 Tahap Penggunaan VLE Yang Rendah.

Di bawah 1BestariNet, sekolah-sekolah dilengkapi dengan penyelesaian bersepadu yang membolehkan pengajaran, pembelajaran, kolaborasi dan pengurusan pentadbiran dijalankan di internet melalui *Frog VLE*, yang boleh diakses di sekolah atau di mana-mana sahaja tempat yang mempunyai capaian internet.

Kos keseluruhan VLE adalah berjumlah RM513.31 juta yang terdiri daripada lesen aplikasi VLE sejumlah RM250 juta serta pengurusan dan penyenggaraan VLE sejumlah RM262.81 juta selama dua tahun enam bulan.

Hasil analisis terhadap penggunaan VLE berdasarkan login pelajar, guru dan ibu bapa di seluruh Malaysia bagi tempoh 1 hingga 30 Mac 2014 mendapati penggunaan VLE adalah amat rendah seperti berikut:

- Pelajar antara 0.17% hingga 0.63%.
- Guru antara 0.57% hingga 4.69%.
- Ibu bapa antara 0.01% hingga 0.03%.

Maklum Balas KPM.

1BestariNet dilaksanakan dalam beberapa fasa. Bagi fasa pertama interim satu, KPM lebih menumpukan kepada penyediaan infrastruktur. Peringkat kedua pula tumpuan diarahkan kepada penggunaan oleh guru-guru dan ia mengambil masa yang lama dalam mengubah kaedah pengajaran oleh guru-guru ini di sekolah.

KPM juga telah mewujudkan sebanyak 351 *champion schools*. *Champion schools* ini, bertujuan untuk mengajar dan memberi bimbingan kepada sekolah-sekolah yang lain dalam penggunaan VLE. Guru-guru di sekolah tersebut dilatih sehingga mahir dalam penggunaan VLE.

Sasaran baru KPM adalah berdasarkan lengkungan S. Fasa permulaan adalah sangat rendah tetapi pihak KPM hampir kepada 600 pelajar menggunakan VLE bagi satu pelajaran dalam satu minggu. Berdasarkan sasaran yang ditetapkan, satu juta pelajar akan menggunakan VLE sekali seminggu sekurang-kurangnya. Pada tahun akan datang, pihak KPM menyasarkan 3.5 juta murid akan menggunakan VLE sekurang-kurangnya seminggu sekali.

5.3 Perkhidmatan Penyediaan Perkakasan Dan Aplikasi Pemantauan Bagi Perkhidmatan 1BestariNet.

Mini Network Operation Center (MNOC) disediakan oleh kontraktor di Pejabat Pengurusan Projek adalah bagi membolehkan pemantauan pelaksanaan 1BestariNet secara atas talian oleh Kerajaan.

Selain itu, MNOC yang disediakan mestilah berkeupayaan melakukan pemantauan rangkaian yang berterusan meliputi perkara-perkara berikut:

- a. Status Semasa Lokasi (up/down)
- b. *Real Time Network Monitoring*
- c. *Bandwidth and Network Monitoring*
- d. *Performance and Availability Monitoring*; dan
- e. *Bandwidth Utilization*.

Semakan mendapati MNOC tersebut tidak mempunyai tiga daripada fungsi yang telah dinyatakan di dalam kontrak iaitu *Real Time Network Monitoring*, *Bandwidth and Network Monitoring* dan *Performance and Availability Monitoring*.

Maklum Balas KPM.

Penggunaan *cache 'i-purse'* bagi memantau prestasi dan keupayaan (*performance and availability*) capaian melalui data center di Sentul.

5.4 Pematuhan Kepada Proses Perolehan.

Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2009 mengenai Garis Panduan Tatacara Memohon Kelulusan Teknikal Projek ICT Agensi Kerajaan menetapkan, permohonan projek ICT yang tidak melibatkan pembangunan sistem aplikasi bernilai RM3 juta atau lebih hendaklah mendapat kelulusan teknikal JTICT.

Semakan mendapati KPM tidak mengemukakan permohonan kelulusan teknikal sebaliknya hanya mengemukakan kertas makluman kepada JTICT MAMPU pada 3 Oktober 2011 selepas proses perolehan 1BestariNet dilaksanakan.

JTICT MAMPU hanya mengambil maklum dan perhatian disertai dengan ulasan kepada KPM melalui surat bertarikh 4 November 2011.

Pekeliling EPU, JPM, Bil. 3 Tahun 2009 bertarikh 29 Disember 2009 menetapkan supaya semua projek bernilai RM50 juta dan ke atas melalui proses *value management*.

Semakan mendapati projek 1BestariNet tidak melalui proses *value management* seperti mana yang ditetapkan dalam pekeliling tersebut.

Berdasarkan Perenggan 5 Komponen Pengurusan Projek ICT Bahagian (b) di bawah Struktur Tadbir Urus, Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU bertarikh 5 Mac 2010 menyatakan setiap projek ICT hendaklah mempunyai struktur tadbir urus yang jelas terma rujukannya bagi memantau kemajuan pelaksanaan projek ICT.

Struktur tadbir urus utama dalam pelaksanaan setiap projek ICT adalah pembentukan dua jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pemandu Projek dan Jawatankuasa Teknikal Projek.

Semakan mendapati Jawatankuasa Pemandu Projek dan Jawatankuasa Teknikal Projek tidak diwujudkan bagi projek 1BestariNet.

Maklum Balas KPM.

KPM telah mengadakan mesyuarat bersama MAMPU yang telah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah MAMPU ketika itu iaitu Dato' Dr. Nor Aliah bagi membincangkan mengenai projek 1BestariNet. MAMPU juga telah terlibat sama dalam kajian Boston Consulting Group (BCG) yang mengesyorkan projek 1BestariNet dilaksanakan selepas kegagalan SchoolNet. Selepas mendapat kelulusan Majlis Ekonomi Negara, KPM bersama MAMPU dan Kementerian

Komunikasi dan Multimedia (KKMM) telah menubuhkan satu jawatankuasa teknikal untuk membina spesifikasi dan skop untuk kontrak 1BestariNet.

Pegawai-pegawai Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) KPM tidak sedar wujudnya pekeliling berkenaan *value management lab* (VML) berdasarkan Pekeliling Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Bil. 3 Tahun 2009.

Oleh itu, BPM KPM tidak melaksanakan VML sepertimana yang dikehendaki oleh pekeliling tersebut.

5.5 Kajian Keperluan Sekolah.

Dalam klausa 4.1 Kontrak 1BestariNet, menyatakan bahawa kontraktor hendaklah menjalankan kajian keperluan (*requirement study*) sekolah untuk semua sekolah bagi tujuan menentukan lokasi fizikal sebenar pemasangan *Yes Zoom* dan kesediaan tapak pengguna.

Laporan kajian tersebut hendaklah dibentang dan didokumenkan dalam format yang telah ditetapkan untuk dikembalikan kepada Kerajaan.

Semakan mendapati kajian keperluan sekolah tidak dilakukan bagi semua sekolah. Makluman daripada pihak sekolah yang dilawati juga mendapati tiada maklumat kajian keperluan sekolah diambil oleh kontraktor dari sekolah.

Maklum Balas KPM.

Kajian keperluan sekolah telah dilaksanakan oleh pihak kontraktor dan telah menghantar laporan tersebut kepada pihak KPM.

Kajian keperluan sekolah juga telah dilaksanakan secara atas talian oleh pihak kontraktor.

5.6 Status Pembayaran Sewaan Tapak 1BRIS.

Pesuruhjaya Tanah Persekutuan telah mengeluarkan Garis Panduan Pengurusan Penyewaan Tanah Persekutuan Oleh Kementerian/Jabatan Pengguna (KJP) Bagi Ruang Bangunan (Premis) yang berkuat kuasa mulai 24 April 2013. Garis Panduan ini telah menetapkan dasar penyewaan seperti berikut:

- I. Mana-mana ruang bangunan termasuk kawasan lingkungannya;
- II. Kadar sewaan hendaklah ditentukan oleh nilai Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta (JPPH); dan
- III. Pengurusan pungutan hasil dan penyelenggaraan Akaun Deposit hendaklah diselenggara oleh KJP mengikut peraturan dan Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa.

KPM telah memohon pandangan dan ulasan JPPH mengenai kadar sewaan bulanan yang wajar diberikan kepada kontraktor pada 13 Februari 2012.

KPM juga melalui surat Bil. KP(BBPA)800-2/8/23/1(12) bertarikh 28 Februari 2012 telah bersetuju dengan cadangan pihak kontraktor untuk memasang struktur 1BRIS di sekolah-sekolah seluruh Malaysia dengan menyenaraikan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh kontraktor termasuk tempoh kuatkuasa penyewaan bermula daripada 1 Mei 2012 hingga 30 Jun 2014 (26 bulan) bagi 3,203 buah sekolah yang terlibat.

Bagaimanapun, pihak kontraktor telah memohon pertimbangan KPM untuk menukarkan tempoh kuatkuasa penyewaan daripada 1

Mei 2012 hingga 30 Jun 2014 kepada tarikh siap pemasangan 1BRIS di sekolah yang terlibat.

Namun, KPM telah menolak permohonan tersebut dan mengekalkan tempoh sewaan asal.

JPPH melalui surat rujukan JPPH:IP T(S) 175/24/135/002/19-1/RO bertarikh 14 Januari 2013 telah mengesyorkan kadar sewaan bulanan sejumlah RM1,200 bagi setiap tapak 1BRIS.

Berdasarkan kepada kadar sewaan yang disyorkan tersebut, KPM telah membuat tuntutan bayaran sewaan tertunggak sejumlah RM32.27 juta bagi 2,445 tapak 1BRIS bagi tempoh 11 bulan iaitu bermula 1 Mei 2012 hingga 31 Mac 2013 dan tiga bulan serta wang cagaran berjumlah RM8.80 juta melalui surat rujukan Bil. KP(BBPA)800-2/8/17/1 Jld.2(50) bertarikh 27 Mac 2013.

Semakan terhadap Minit Mesyuarat Perjanjian Penyewaan Tapak Bagi Sekolah-sekolah Seluruh Malaysia bertarikh 2 Julai 2013 mendapati, pihak kontraktor enggan membayar sewaan tapak struktur 1BRIS kerana berpendapat bahawa persetujuan yang dicapai melalui terma yang termaktub dalam kontrak bagi peletakan struktur 1BRIS di kawasan sekolah adalah secara percuma berdasarkan Klausula 27.7 dan 27.10 Kontrak 1BestariNet. Bagaimanapun, JAN mendapati klausula tersebut hanya menyentuh perihal kebenaran mendirikan dan keselamatan struktur 1BRIS yang dipertanggungjawabkan kepada Kerajaan, manakala kos mendirikan 1BRIS adalah merupakan tanggungjawab kontraktor.

Menurut maklum balas Penasihat Undang-undang (PUU) KPM berhubung perkara tersebut, walaupun di dalam dokumen kontrak perjanjian tidak menyebut mengenai sewaan tapak tetapi ia perlu mengambil kira peraturan dan garis panduan sedia ada untuk penggunaan tapak tersebut.

Pihak Pejabat Pengurusan Projek berpendapat KPM hanya membeli perkhidmatan, oleh itu segala urusan yang melibatkan menara 1BRIS adalah di bawah tanggungan pihak kontraktor.

Semakan lanjut JAN mendapati, Mesyuarat Jawatankuasa Perlanjutan (Khas) Penyewaan dan Penguatkuasaan Harta Tanah Persekutuan Bil. 1/2014 pada 14 Februari 2014 memutuskan kontraktor dikenakan kadar sewaan berjumlah RM1,000 setahun bagi setiap tapak 1BRIS.

Pada 25 Februari 2014, KPM telah memohon pandangan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (Persekutuan) (JKPTG) melalui surat rujukan Bil. KP(BPPA)800-2/8/17/1 Jld.5 (61) mengenai penyewaan tapak tersebut atau kebenaran pengecualian penyewaan tapak sekiranya ada berkenaan hal tersebut.

Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) melalui suratnya bertarikh 13 Mac 2014 telah memaklumkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perlanjutan (Khas) Penyewaan dan Penguatkuasaan Harta Tanah Persekutuan Bil. 1/2014 bertarikh 14 Februari 2014 dengan menyatakan sewaan sejumlah RM1,000 setahun bagi pelaksanaan projek 1BestariNet di sekolah-sekolah terpilih seluruh Malaysia.

Kenyataan PTP dalam surat tersebut bercanggah dengan keputusan yang dinyatakan di dalam minit mesyuarat berkenaan kerana tidak menyatakan dengan spesifik bahawa sewaan tersebut adalah bagi setiap tapak setahun.

Bagaimanapun, berdasarkan surat tersebut, KPM telah menuntut sewaan tapak 1BRIS kepada kontraktor sejumlah RM2,166.67 bagi tempoh 1 Mei 2012 hingga 30 Jun 2014 dan wang cagaran 3 bulan sejumlah RM250.

Pihak kontraktor telah menjelaskan bayaran sewaan bagi tempoh 1 Mei 2012 sehingga 30 Jun 2014 (2 tahun 2 bulan) berserta wang cagaran 3 bulan sewaan berjumlah RM2,416.67.

Bayaran sewaan tersebut bercanggah dengan kadar yang sepatutnya dibayar iaitu sejumlah RM3.20 juta setahun bagi 3,203 tapak 1BRIS seperti yang telah diputuskan oleh Mesyuarat

Jawatankuasa Perlanjutan (Khas) Penyewaan dan Penguatkuasaan Harta Tanah Persekutuan Bil. 1/2014 di atas.

JAN telah mengemukakan surat kepada PTP bagi mendapatkan penjelasan mengenai kadar sewaan tapak 1BRIS di seluruh sekolah-sekolah yang terlibat seluruh Malaysia melalui surat Bil. AUDIT/SAK&P:ICT/147/430/24(25) bertarikh 11 Julai 2014.

PTP melalui suratnya Bil. JKPTG/SPHP/931/1/15-3 JLD 8 (76) bertarikh 18 Julai 2014 telah memaklumkan bahawa kadar sewaan tapak 1BRIS adalah RM1,000 setahun bagi setiap tapak sekolah yang terlibat dengan pelaksanaan 1BestariNet.

Kadar sewaan baru ini ditetapkan susulan daripada permohonan pengecualian sewaan tapak oleh KPM.

Maklumbalas Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) Dalam Prosiding PAC Parlimen Bertarikh 8 April 2015, Bilangan 22/2015.

JKPTG difahamkan bahawa perjanjian mengenai 1BestariNet antara Kerajaan Persekutuan melalui KPM dengan YTL telah ditandatangani melibatkan 2,117 tapak yang telah dibangunkan.

Berdasarkan rekod JKPTG, ketika perbincangan KPM dan YTL tidak melibatkan JKPTG walaupun ia melibatkan tanah. Sepatutnya KPM perlu melibatkan JKPTG dari awal.

Wakil JKPTG hanya hadir semasa mesyuarat penyewaan bersama pihak Audit. Oleh sebab ianya melibatkan sekolah, JKPTG memberi kuasa pada KPM untuk menguruskan sendiri sewaan.

KPM menentukan kadar dan sebagainya tetapi perjanjian mesti dengan persetujuan perjanjian tanah sewa.

Perjanjian sewa ini belum dilaksanakan. Oleh itu KPM merujuk kepada JKPTG kerana mengikut penilaian, nilainya adalah RM1,200 sebulan setiap tapak.

Jadi, KPM mencadangkan atas permintaan YTL untuk mengurangkan kadar tersebut.

JKPTG telah bersetuju kadar sewaan adalah RM1,000.00 setahun setiap tapak. Ini kerana JKPTG merujuk kepada klausa dalam perjanjian konsesi tersebut. Dalam perjanjian konsesi tidak menyebut sewaan. Perjanjian menyatakan "*Kerajaan mesti menyediakan tapak*". Oleh sebab itu JKPTG mengambil kira perkara tersebut.

5.7 Perkhidmatan *Hosting* Terurus.

Mengikut Klausa 4.3(b) Kontrak 1BestariNet, kontraktor hendaklah menyediakan prasarana ICT yang mempunyai keupayaan pemprosesan 1,000 *core* dan keupayaan storan sebanyak 300 *Terra Bytes* (TB) untuk menampung keperluan *hosting* semua aplikasi KPM.

Semakan mendapati, KPM mempunyai lebih daripada 50 aplikasi. Namun demikian, tidak kesemua aplikasi berkenaan ditempatkan di dalam perkhidmatan *hosting* 1BestariNet. Sehingga Disember 2013, hanya tujuh aplikasi dengan 93.77 TB (31.3%) daripada 300 TB kapasiti storan telah digunakan.

Maklumbalas KPM.

Peruntukan *Hosting Terurus* ialah komponen storan dan kapasiti pemprosesan adalah mencukupi untuk menampung keperluan aplikasi-aplikasi atas talian KPM.

Bagaimanapun, dalam program *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) yang dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bersama KPM, pemindahan aplikasi-aplikasi atas talian seperti Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM), Sistem Maklumat Murid (SMM), Sistem Maklumat Pengurusan Penyelidikan (EMis) dan sebagainya yang berkaitan dengan pengurusan sekolah ditangguhkan untuk mengelakan keperluan migrasi aplikasi daripada tapak hosting asal ke Pusat Data 1Bestarinet.

Ini kerana dalam program NBOS KPM dikehendaki untuk menintegrasikan kesemua aplikasi atas talian di sekolah ke dalam Sistem Pengurusan Sekolah (SPS) agar guru dan warga sekolah lain tidak perlu untuk mengulangi kemasukan data dalam pelbagai aplikasi. Pengintegrasian data bagi SPS, Emis dan Sistem Maklumat Guru (SMG) dijangka selesai dilaksanakan 30 September 2014.

Bagi keperluan storan, KPM hanya menggunakan 31% daripada storan yang telah diperolehi. Pengurangan ini adalah akibat daripada pengintegrasian pangkalan-pangkalan data KPM dalam program NBOS.

(Sumber maklumbalas : Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 Siri 3)

5.8 Perkhidmatan Pengurusan Keselamatan Terurus

Klausa 4.4(b) Kontrak 1BestariNet menyatakan, kontraktor hendaklah menyediakan lesen antivirus yang mencukupi bagi semua komputer yang didaftarkan dalam daftar harta modal Kerajaan.

Bagaimanapun sehingga April 2014 hanya 27,462 (6.9%) daripada 400,000 lesen antivirus telah digunakan di sekolah-sekolah.

Klausa 4.4(d) Kontrak 1BestariNet menyatakan kontraktor hendaklah menyediakan perkhidmatan *pengurusan tampalan* bagi semua aplikasi yang dipasang dalam komputer yang didaftarkan dalam daftar harta modal kerajaan tertakluk kepada bilangan maksimum 400,000 lesen.

Semakan mendapati, tiada maklumat bilangan lesen yang telah digunakan oleh sekolah-sekolah.

Hasil lawatan JAN mendapati, komputer di sekolah-sekolah tidak dipasang dengan perisian *pengurusan tampalan* oleh pihak kontraktor. Selain itu juga, pihak sekolah tidak mengetahui berkenaan perisian *pengurusan tampalan* ini.

Mengikut Klausa 4.4(c) Kontrak 1BestariNet, kontraktor hendaklah menyediakan perkhidmatan tapisan kandungan bagi semua capaian dari rangkaian 1BestariNet ke internet.

Hasil semakan mendapati perkhidmatan ini tidak memuaskan kerana masih terdapat beberapa laman web terlarang seperti memuat turun permainan (*games*) dan carian imej lucah.

Ini disebabkan tapisan kandungan yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor adalah berbentuk "*blacklist*" dan bukan berbentuk "*whitelist*" seperti yang diminta oleh pihak KPM.

Maklum Balas KPM.

Lesen antivirus tidak digunakan kerana sekolah telah dibekalkan dengan *chromebook* yang mana sudah ada antivirus.

5.9 Pejabat Pengurusan Projek 1BestariNet.

- i. Pejabat Pengurusan Projek 1BestariNet hanya mula beroperasi pada bulan Mac 2012 dan tuntutan perbelanjaan

Pejabat Pengurusan Projek sejumlah RM607,440 bagi tempoh Mac hingga Disember 2012 telah dibayar oleh Kerajaan kepada kontraktor.

Bagaimanapun, kadar tuntutan pembayaran utiliti, sewaan, bekalan dan bahan, penyenggaraan dan perkhidmatan lebih tinggi daripada kadar sebenar yang ditetapkan dalam kontrak.

Perbezaan kadar tuntutan bagi setiap perkara tersebut di atas telah menyebabkan perbelanjaan melebihi peruntukan sejumlah RM157,940 bagi tempoh Mac hingga Disember 2012.

Perbezaan ini berlaku kerana pihak kontraktor menjumlahkan peruntukan bulan Disember 2011 dengan peruntukan tahun 2012 iaitu 13 bulan dan seterusnya dibahagikan dengan 12 bulan.

- ii. Dalam program *Change Management* pihak Pejabat Pengurusan Projek mengadakan Program Kesedaran dan Jati Diri Untuk Ahli-ahli Pejabat Pengurusan Projek yang pada 19 hingga 21 Disember 2012 di Park Royal Penang Resort, Pantai Batu Feringhi, Pulau Pinang dengan perbelanjaan sejumlah RM164,048.

Peserta program tersebut terdiri daripada 12 ahli Pejabat Pengurusan Projek, 6 pegawai YTL dan 3 pegawai FrogAsia.

Semakan mendapati perbelanjaan program ini telah diluluskan oleh pegawai Pejabat Pengurusan Projek tanpa dokumen sokongan yang lengkap.

Kos bagi 6 pegawai YTL Communications Sdn Bhd dan 3 pegawai FrogAsia Sdn Bhd telah ditanggung di bawah peruntukan pengurusan perubahan ini. Senarai nama peserta melibatkan YTL Communications Sdn Bhd dan FrogAsia Sdn Bhd

Semakan lanjut terhadap dokumen yang diluluskan oleh kontraktor dan Pejabat Pengurusan Projek mengenai butiran kos keseluruhan program mendapati kos yang melibatkan ahli keluarga peserta seperti penginapan dan makan minum turut dibiayai sepenuhnya daripada program ini.

Selain itu, kadar sewa bilik hotel yang dikenakan adalah melebihi kelayakan pegawai Kerajaan yang telah ditetapkan di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3 Tahun 2005 JAN juga mendapati kos lain seperti pembelian t-shirt dan buah-buahan telah dibayar di bawah peruntukan tersebut.

Maklumbalas KPM.

Bagi pembayaran untuk hari keluarga dan yang tidak sepatutnya, KPM telah membuat tuntutan balik. YTLC telah membayar balik sebanyak RM157,000.00

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA



**RUMUSAN & SYOR
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

- ❖ **Bilangan 10/ 2015 pada Selasa 17 Mac 2015**
- ❖ **Bilangan 22/2015 pada Rabu 8 April 2015**
- ❖ **Bilangan 26/2015 pada Selasa 16 Jun 2015**

6. RUMUSAN PAC PARLIMEN.

- 6.1** Isu yang berbangkit adalah berpunca daripada kelemahan pengurusan kontrak.
- 6.2** PAC Parlimen tidak boleh menerima alasan yang dikemukakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia mengenai ketidaksedaran mengenai pekeliling berhubung *Value Management Lab*.

7. SYOR PAC PARLIMEN.

- 7.1** PAC Parlimen memutuskan supaya Jabatan Audit Negara (JAN) melakukan audit susulan secara keseluruhan berhubung sama ada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh pihak JAN dibuat retifikasi kerana banyak perbelanjaan kerajaan meragukan.
- 7.2** Disamping itu juga, PAC Parlimen mahu JAN melaksanakan kajian keberkesanan terhadap pelaksanaan projek 1BestariNet.
- 7.3** PAC Parlimen akan melakukan lawatan ke sekolah-sekolah bandar dan luar bandar.
- 7.4** JAN diminta untuk meneliti semula dokumen perjanjian kontrak 1BestariNet bagi memastikan kepentingan Kerajaan dilindungi.

AGENDA MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

- ❖ **Bilangan 10/ 2015 pada Selasa 17 Mac 2015**
- ❖ **Bilangan 22/2015 pada Rabu 8 April 2015**
- ❖ **Bilangan 26/2015 pada Selasa 16 Jun 2015**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BIL 10/2015 PADA SELASA 17 MAC 2015
DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2, BANGUNAN PARLIMEN**

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
17 Mac 2015 (Selasa) 11.00 pagi	Perkhidmatan 1 BestariNet	Kementerian Pendidikan

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BIL 22/2015 PADA RABU 8 APRIL 2015
DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2, BANGUNAN PARLIMEN**

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
8 April 2015 (Rabu) 11.00 pagi	Prosedur Kawalan Penyewaan Tanah Persekutuan	1. Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar 2. Ketua Pengarah Tanah & Galian

LAMPIRAN A6**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BIL 26/2015 PADA SELASA 16 JUN 2015
DI BILIK JAWATANKUASA 2, BANGUNAN PARLIMEN**


TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
16 Jun 2015 (Selasa) 2.30 petang	Perkhidmatan 1BestariNet <i>(susulan daripada Mesyuarat PAC Bil 10/2015 pada Selasa 17 Mac 2015)</i>	Kementerian Pendidikan <ul style="list-style-type: none">• Yang Berbahagia Datuk Dr Rosli Bin Mohamed (Mantan Ketua Setiausaha mulai 2010 hingga 2013)• Yang Berbahagia Tan Sri Abd Ghaffar Bin Mahmud (Mantan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia mulai November 2010 hingga Disember 2013)• Yusni Afindi Bin Lukman (Mantan Ketua Sekretariat Project Management Office 1Bestarinet)

LAPORAN PROSIDING

- ❖ **Bilangan 10/ 2015 pada Selasa 17 Mac 2015**
- ❖ **Bilangan 22/2015 pada Rabu 8 April 2015**
- ❖ **Bilangan 26/2015 pada Selasa 16 Jun 2015**

Bil.10

**Selasa
17 Mac 2015**



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Mengenai:

Perkhidmatan 1BestariNet

- Kementerian Pendidikan

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KETIGA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK JAWATANKUASA 2, TINGKAT 1 BLOK A
PARLIMEN MALAYSIA
SELASA, 17 MAC 2015**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed - *Pengerusi*
YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]
YB. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]
YB. Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]
YB. Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]
YB. Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]
YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]
YB. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]
YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]
YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
YB. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]

Tidak Hadir [*Dengan Maaf*]

YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

URUS SETIA

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha
(Perundangan dan Prosiding)]
Encik Nasrul Izani bin Ramli [Penolong Setiausaha (Perundangan dan Prosiding)]
Encik Ahmad Johan bin Afandi [Pegawai Khas Pengerusi Jawatankuasa]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara

YBhg. Datuk Haji Anwari bin Suri [Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)]
Tuan Haji Mohd Said bin Supar [Timbalan Pengarah]
Puan Carolina Muyang Lileng [Ketua Penolong Pengarah Audit]
Encik Anuar Sidik bin Nordin [Penolong Pengarah Audit]
Encik Mazri Nazip bin Bidi@Bidin [Penolong Juruaudit]

samb/-

Kementerian Kewangan

Encik Rosli bin Yaakub [Timbalan Setiausaha (Bahagian Strategi Korporat dan Komunikasi)]

Jabatan Akauntan Negara

Puan Maslina binti Kamarudin [Ketua Penolong Pengarah]

Jabatan Perkhidmatan Awam

Encik Ali Badaruddin bin Abd Kadir [Timbalan Pengarah Kanan (Bahagian Perkhidmatan)]

Encik Mohamad Fauzi Md Isa [TPBK(O)B]

Unit Perancang Ekonomi

Dr. Mohd. Gazali bin Abas [Pengarah UPE]

SAKSI**Kementerian Pendidikan**

YBhg. Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad [Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan]

YBhg. Dato' Sri Dr. Khair bin Mohamad Yusof [Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia]

YBhg. Dato' Haji Raihan bin Sharif [Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Pelajar)]

YBhg. Dato' Khairil bin Awang [Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Dasar dan Pembangunan Pendidikan)]

Encik Zaidi bin Yazid [Pengarah (Teknologi Pendidikan)]

Tuan Haji Shahid-din bin Mohd Khatib [Setiausaha Bahagian (Perolehan dan Pengurusan Aset)]

Tuan Haji Shamsuddin bin Hassan [Timbalan Pengarah (Pembangunan Pendidikan Bestari)]

Encik Teoh Boon Hai [Ketua Penolong Pengarah (Sektor Pembastarian Sekolah, Teknologi Pendidikan)]

Tuan Haji Mokhtar bin Abdullah [Timbalan Setiausaha Bahagian (Perolehan) (Perolehan dan
Pengurusan Aset)]

Tuan Haji Wan Yusoff bin Wan Yaacob [Setiausaha Bahagian (Pengurusan Maklumat)]

Puan Fazidah binti Idris [Penasihat Undang-undang]

Puan Hajah Zainun binti Taib [Setiausaha Bahagian (Audit Dalaman)]

Encik Abdullah bin Mad Yunus [Pengarah (Pengurusan Sekolah Harian)]

LAPORAN PROSIDING

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL KEDUA**

Selasa, 17 Mac 2015

Bilik Jawatankuasa 2, Tingkat 1 Blok A, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.29 pagi

*[Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed
mempengerusikan Mesyuarat]*

Tuan Pengerusi: Selamat pagi dan selamat datang saya ucapkan kepada Jawatankuasa PAC serta Datuk Haji Anwari, Timbalan Ketua Audit Negara serta wakil-wakil daripada kementerian. Pada pagi ini, mesyuarat kita khusus untuk membincangkan mengenai perkhidmatan 1BestariNet iaitu satu projek dikelolakan di bawah Kementerian Pendidikan yang telah disebut dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 Siri 3.

Sebelum itu, saya hendak minta tolong Datuk Anwari. Tadi PAC telah berbincang mengenai isu 1MDB dan kita hendak mengadakan pertemuan dengan Ketua Audit Negara secepat mungkin, kalau boleh dalam minggu ini untuk membincangkan mengenai skop dengan *timing* audit yang dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara kepada Syarikat 1MDB. Ini kerana kita hendak menguruskan kerja PAC dengan kerja Ketua Audit Negara supaya ia dapat dijalankan dengan cara profesional, tidak bercanggah dan selari. Tujuannya untuk memastikan pengauditan 1MDB ini akan dapat dijalankan dengan lancar dan mencapai kepada objektifnya. Jadi, kalau boleh Datuk Anwari sampaikan mesej kepada Ketua Audit Negara, kalau boleh Ketua Audit Negara bertemu dengan kami secepat mungkin, kalau boleh dalam minggu ini. Jadi, itu sahajalah. Terima kasih.

Jadi kembali kepada perkhidmatan 1BestariNet ini. Projek perkhidmatan 1BestariNet ini merupakan satu inisiatif di antara Kementerian Pendidikan dengan YTL Communications Sdn. Bhd. Ia bertujuan untuk mengganti dan menambahbaik sistem rangkaian ICT di sekolah-sekolah dan ia juga merupakan satu penambahbaikan kepada perkhidmatan SchoolNet yang berakhir pada 31 Disember 2010. Jadi, projek 1BestariNet ini melibatkan lebih kurang 10,000 buah sekolah yang dilengkapi dengan akses internet berkelajuan tinggi dan akses kepada penyelesaian pendidikan bersepadu yang bertaraf dunia. Melalui penilaian tender terbuka, Lembaga Perolehan kementerian telah memutuskan projek 1BestariNet dilaksanakan dalam tempoh 15 tahun dengan harga RM4.077 bilion.

Jadi, Laporan Ketua Audit Negara pada tahun lepas telah mengenal pasti beberapa isu dan kelemahan iaitu mengenai penyambungan internet ke tapak pengguna yang lewat disiapkan, Jawatankuasa Pemandu Projek dan Jawatankuasa Teknikal yang tidak diwujudkan di peringkat kementerian, kajian keperluan sekolah tidak dijalankan dan maklum balas soal selidik oleh sekolah-sekolah mendapati prestasi capaian jalur lebar tidak memuaskan.

Jadi, kelemahan ini saya rasa seriuslah untuk projek yang bernilai besar dan perlu disiasat oleh PAC dengan lebih lanjut. Sebelum kita mulakan sesi ini, saya minta Datuk Anwari untuk memberikan ulasan selanjutnya.

Datuk Haji Anwari bin Suri [Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed Pengerusi PAC Persekutuan, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Dato' Seri, Datuk-datuk, Ahli-ahli PAC, tuan-tuan dan puan-puan, pegawai-pegawai kanan daripada JPA, EPU, Jabatan Akauntan Negara dan juga Kementerian Kewangan. Bersama-sama saya ialah *team* audit yang telah menjalankan projek 1BestariNet. Bersama saya Tuan Haji Mohd Said bin Supar, kemudian Puan Carolina Muyang Lileng, Encik Anuar Sidik dan Encik Mazri Nazip. Saya ada *PowerPoint* yang saya akan tunjukkan.

So tadi Tuan Pengerusi telah- minta maaf Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, Timbalan Pengerusi PAC. Tadi disebut bahawa 1BestariNet merupakan satu inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama YTL Communications Sdn. Bhd. untuk menggantikan dan menambahbaik sistem rangkaian ICT di sekolah-sekolah. Jadi, memang benarlah disebut projek ini melibatkan 10,000 buah sekolah yang dilengkapi dengan akses internet berkelajuan tinggi dan platform pembelajaran maya yang mengaplikasikan jaringan internet berkelajuan tinggi serta akses kepada penyelesaian pendidikan bersepadu bertaraf dunia.

1BestariNet akan mengubah platform pendidikan di Malaysia serta merapatkan jurang digital di antara murid di kawasan bandar dan luar bandar dengan menyediakan pendidikan berteraskan internet yang berkualiti kepada semua rakyat Malaysia. Inisiatif kerajaan ini bakal menjadikan Malaysia negara pertama di dunia yang dilengkapi dengan akses internet mudah alih 4G dan VLE sedia ada di semua sekolah seluruh Malaysia. Projek ini mempunyai impak sebagai pemangkin utama kepada penebusan internet serta unjuran dalam peningkatan pendapatan negara.

Cadangan penambahbaikan dan penggantian sistem rangkaian ICT KPM hasil dari makmal *National Key Economic Areas* (NKEA) di bawah tajuk *Communications Content and Infrastructure* (CCI) *Entry Point Projects 6* (EPP 6) yang diterajui oleh PEMANDU pada Disember 2010. Projek ini merupakan projek komited Kementerian Pendidikan Malaysia dan dikategorikan sebagai projek sambungan bagi tempoh 15 tahun. KPM memberi keutamaan kepada projek ini kerana ia di bawah ETP dan memberi impak besar kepada ekonomi negara.

Untuk makluman, cadangan pelaksanaan 1BestariNet telah dibentangkan oleh KPM pada Mesyuarat Majlis Ekonomi Bil.12/2011 bertarikh 28 Mac 2011. Majlis Ekonomi telah memutuskan supaya projek ini dilaksanakan dengan kadar segera sebagaimana disebut tadi melalui tender terbuka dengan mengambil kira komponen VLE untuk mempercepatkan pendekatan *e-learning* bersepadu yang lebih berkesan. Pelaksanaan 1BestariNet menggunakan model 5+5+5 setahun dan peruntukan mesti disediakan bagi menaiktaraf dan meningkatkan teknologi sekali setiap lima tahun. Justifikasi dan tujuan

pelanjutan akan mengambil kira elemen tahap perkhidmatan (SLA) yang diberikan oleh *Internet Service Provider*. So anggaran tadi telah disebut peruntukannya, RM4.465 bilion.

Tuan Pengerusi: Slaid ini ada orang yang *control* atau tidak?

Datuk Haji Anwari bin Suri: Ada, ada.

Tuan Pengerusi: Maknanya, Datuk sebut tadi tanpa ikut slaid ya?

Datuk Haji Anwari bin Suri: Saya secara *detail* dalam *Audit Report*.

Tuan Pengerusi: Secara *detail*, okey. Slaid ini Datuk tambah lagi. Okey.

Datuk Haji Anwari bin Suri: Tidak panjang sangat. Bagi pembiayaan pelaksanaan projek ini, KPM telah memperuntukkan RM310 juta kepada *First Rolling Plan* Rancangan Malaysia Kesepuluh tahun 2011 iaitu di bawah 08100 - Bahagian Teknologi Pendidikan Projek SchoolNet sebanyak RM196 juta, broadband sekolah sebanyak RM102 juta dan *Local Area Network* sebanyak RM12 juta. Bagi pembiayaan projek ini bagi tahun 2012 dan berikutnya, KPM telah mengemukakan permohonan peruntukan dalam *Second Rolling Plan* Rancangan Malaysia Kesepuluh iaitu berjumlah RM347 juta setahun.

Jadi melalui penilaian tender terbuka, Lembaga Perolehan KPM telah memutuskan projek 1BestariNet dilaksanakan dalam tempoh 15 tahun dengan harga RM4.077 bilion. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal ICT MAMPU Siri 13/2011 pada 21 Oktober 2011 telah mencadangkan tempoh kontrak dibuat selama lima tahun dan perlu disemak setiap dua tahun hingga tiga tahun. JTICT MAMPU juga mencadangkan supaya 1BestariNet diintegrasikan dengan rangkaian EGNNet serta mengasingkan pembangunan infra daripada pembangunan *content* 1BestariNet. Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 23 November 2011 telah memuktamadkan tender 1BestariNet bernilai RM663 juta bagi tempoh dua tahun dan enam bulan.

■1140

YTL Communications Sdn. Bhd. telah mendapat tawaran 1BestariNet untuk menyediakan infra sambungan jalur lebar berserta VLE untuk 10,000 buah sekolah dalam tempoh dua tahun enam bulan mulai 13 Disember 2011 hingga 12 Jun 2014. Kontrak 1BestariNet yang bernilai RM663 juta telah ditandatangani melalui Nombor Kontrak: KPM/41/2011/06/0003 pada 7 Mei 2012. Kontrak ini untuk makluman Yang Berhormat telah ditandatangani oleh Dato' Dr. Rosli Mohamed (KSU KPM), Dato' Yeoh Seok Hong- *Executive Director* YTL Communications Sdn. Bhd. - tarikhnya 9 Mei 2012. Saya bawa kontrak kalau hendak ditengoklah.

Komponen kos kontrak 1BestariNet yang pertama Capaian Lebar Jalur ada tiga buah komponen berjumlah RM1 juta, RM87 juta, RM5 juta. Kemudian, Perkhidmatan Hosting Terurus berjumlah RM11.47 juta, Perkhidmatan Keselamatan Terurus berjumlah RM20 juta, Perkhidmatan Perkakasan dan Aplikasi Pemantauan 1BestariNet berjumlah RM10 juta, Pengurusan Perubahan dan Sokongan ICT di sekolah-sekolah berjumlah RM2.99 juta, Perkhidmatan Persekitaran Pembelajaran Maya (VLE) berjumlah RM250.50 juta, Pengurusan dan Penyenggaraan Aplikasi VLE berjumlah RM262.81 juta dan *Project Management Office* (PMO) berjumlah RM11.62 juta.

Tuan Pengerusi: Ini Datuk untuk pecahan RM250 juta, Item Lapan ini iaitu VLE dengan RM262 juta untuk aplikasi VLE, ada ia punya *detail* ya?

Datuk Haji Anwari bin Suri: Ada.

Tuan Pengerusi: Ini ditentukan pakai VOQ ikut tajuk subjek, tajuk skop itu dengan kadar harga ataupun ia ditentukan secara *lump sum*?

Encik Anuar Sidik bin Nordin [Penolong Pengarah Audit]: Yang bagi Nombor Lapan, Perkhidmatan Persekitaran Pembelajaran Maya (VLE) itu ialah lesen untuk dua tahun enam bulan bagi 10,000 buah sekolah dan juga bagi bilangan Nombor Sembilan, Pengurusan dan Penyenggaraan Aplikasi VLE ini membuat untuk penyenggaraan *database* VLE dan juga *create ID* dan *password* untuk pengguna VLE, untuk ibu bapa guru dan murid-murid.

Tuan Pengerusi: Soalan saya tadi begini. Macam *software* yang aplikasi Perkhidmatan Persekitaran Pembelajaran Maya ini, ia buat secara *lump sum* ataupun dibuat ikut sekolah? Maksudnya ia kali 10,000 sekolahkah atau macam mana? Pakai *user* apa nama dia...

Encik Anuar Sidik bin Nordin: Bilangan pengguna.

Tuan Pengerusi: Bilangan penggunakah atau pakai...

Encik Anuar Sidik bin Nordin: Secara *lump sum*. Sama ada diguna atau tidak diguna akan dibayar sejumlah itulah.

Tuan Pengerusi: Oh! Okey.

Datuk Haji Anwari bin Suri: *Next*, kita pergi kepada gambar rajah *architecture* rangkaian 1BestariNet. Saya jemput secara *detail*.

Encik Anuar Sidik bin Nordin: *Assalamualaikum* dan selamat pagi. Saya akan menerangkan berkenaan dengan *architecture* rangkaian 1BestariNet. Terdapat dua buah komponen utama 1BestariNet iaitu rangkaian dan juga VLE iaitu pembelajaran maya. Bagi mengakses VLE, komputer dan *laptop* di sekolah akan dihubungkan melalui dua jenis capaian internet yang utama iaitu menggunakan CPE iaitu 4G dan juga VSAT. Dua lagi jenis capaian lain yang tidak termasuk dalam kontrak yang telah dipasang oleh kontraktor ialah *Asymmetric Digital Subscriber Line* (ADSL) dan juga OCPE. Ini dua buah komponen yang tidak termasuk dalam kontrak yang digunakan oleh kontraktor untuk menyambung internet ke sekolah.

Tuan Pengerusi: Saya tidak faham. Dia pakai ADSL juga?

Encik Anuar Sidik bin Nordin: Dia pakai ADSL dan juga OCPE. Dua jenis ini tidak termasuk dalam kontrak yang dinyatakan.

Tuan Pengerusi: So dia dibayar cara apa?

Encik Anuar Sidik bin Nordin: Dibayar sama seperti penggunaan CPL iaitu 400 lebih- 450 lebih kurang.

Tuan Pengerusi: Macam mana disambung, dia pakai apa?

Encik Anuar Sidik bin Nordin: Diguna *line*. Guna kabel- talian daripada TMNet punyalah. Dia sewa. Sewa bulan.

Tuan Pengerusi: Menggunakan talian daripada TM? Okey. Akan tetapi dalam kontrak dia kata dia boleh *supply* semua pakai *wireless* sahaja.

Encik Anuar Sidik bin Nordin: Sepatutnya dalam kontrak ada CPE yang guna *wireless* dan juga VSAT.

Tuan Pengerusi: Maknanya dia tidak patuh kontraklah?

Encik Anuar Sidik bin Nordin: Tidak patuh kontrak.

Tuan Pengerusi: Ada bayaran lebihlah?

Encik Anuar Sidik bin Nordin: Bayaran masih sama seperti yang dibayar termaktub dalam kontrak yang menggunakan CPE.

Tuan Pengerusi: Maknanya...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *That part of alternative ya?*

Encik Anuar Sidik bin Nordin: Ya.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Ada *part* dia tidak dapat memberikan *wireless*, dia cari alternatif untuk menyampaikan...

Tuan Pengerusi: Tidak, tetapi maknanya, soalnya, kalau dia sudah *promise* bahawa dia boleh *deliver* secara *wireless* dan dia di *award* kontrak itu kerana komitmen dia untuk bekal secara *wireless*, kalau dia bekal secara ADSL maknanya dia sudah langgar kontraklah.

Encik Anuar Sidik bin Nordin: Okey bagi OCPE yang dihubungkan melalui *1BestariNet Receiver Integrated System* iaitu *tower* yang dipasang di persekitaran sekolah. Untuk akses VLE juga internet menggunakan teknologi 4G. Keseluruhan rangkaian ini adalah di dalam *1BestariNet virtual private network* dan di dalam *1BestariNet virtual private network* ini juga terdapat *content flattening, patch management, antivirus, Mini Network Operation Centre, helpdesk, hosting* dan juga *Project Management Office* bagi pemantauan projek *1BestariNet* ini. Sekian.

Tuan Pengerusi: Hendak tanya. Siapakah yang buat skop untuk kontrak ini? Wakil konsultan atau kementerian sendiri buat?

Encik Anuar Sidik bin Nordin: Skop ini dibincangkan dengan kerjasama pakar runding Boston Consulting Group untuk melaksanakan Kajian Impak SchoolNet itulah.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi yang rangka skop, *specifications* kontrak yang digunakan untuk tender ini maknanya, hasil daripada perbincangan Boston Consulting Group itu dengan kementerian lah?

Encik Anuar Sidik bin Nordin: Boston Consulting Group sebagai pakar runding untuk penggunaan internet di sekolah tetapi untuk kontrak ini secara keseluruhan dibincangkan dengan kontraktor dan juga PUU kementerian.

Tuan Pengerusi: Maknanya kementerian hanya *rely* pada kontraktor?

Encik Anuar Sidik bin Nordin: Dengan kerjasama kontraktor.

Tuan Pengerusi: Kontraktor mana?

Encik Anuar Sidik bin Nordin: Kontraktor YTL.

Tuan Pengerusi: Maknanya skop ditentukan lepas tender diluluskan?

Encik Anuar Sidik bin Nordin: Sebelum.

Tuan Pengerusi: Itu pakai *specification* apa?

Encik Anuar Sidik bin Nordin: Sebelum tender, ada dicadangkan beberapa *specification* yang akan digunakan untuk projek 1BestariNet ini. Para petender akan membentangkan mereka punya skop-skop yang akan digunakan...

Tuan Pengerusi: Soalan saya, kementerian buat skop lepas itu tenderkah ataupun kementerian ambil skop yang kontraktor bagi?

Encik Anuar Sidik bin Nordin: Okey. Bagi skop untuk 1BestariNet, kementerian yang buat. Akan tetapi yang untuk kontrak itu adalah bersama dengan kontraktor.

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: Ada POC ya?

Encik Anuar Sidik bin Nordin: Ada POC.

Datuk Seri Reezal Merican: *How many penender for POC, POC berapa?*

Encik Anuar Sidik bin Nordin: 19.

Tuan Pengerusi: Betul. Lepas POC pun *their scope for the tender* atau *specification* mesti ada. *And* kementerian buat sendiri? Kalau kementerian buat sendiri dan projek ini tidak berjaya, kementerian boleh disalahkan. 100%.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: *Itu was based on what? Tender itu dia ada skop, dia ada specificationkah atau macam mana? Tender dia.*

Encik Anuar Sidik bin Nordin: Okey. Bagi *specification* tersebut, UPE, JPM dengan kerjasama pakar runding Boston Consulting Group telah melaksanakan kajian impak projek SchoolNet yang terdahulu. Dari situ, dia mengeluarkan *specifications* bagi 1BestariNet.

Tuan Pengerusi: *Proof of concept* pun, *you* kena ada *the full specification* dahulu, lepas itu *you* ada *try run pilot project*, lepas itu baru *you go into the full blown project*. Kalau *you* tidak ada *the pilot project*, *you* buat POC atas apa ini? POC atas kertaskah? Kalau POC atas kertas, saya boleh buat, tanpa ada POC yang dibuat secara *live*. Lepas itu projek ini *dirushkan*. Nampak *rush* betul-betul ini.

Encik Anuar Sidik bin Nordin: Bagi projek 1BestariNet, tiada *pilot project* yang dilaksanakan.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]

Datuk Seri Reezal Merican: Kita hendak tahu tadi, apa yang Tuan Pengerusi tanya, masa *during* POC itu, ia ada *specified scope of works together with all* inikah, ataupun *it is by the presentation* of penender? *And then how the evaluation is conducted* kalau *by the evaluation of* penender sebab *it comes with the different characters of scope*.

■1150

Encik Mazri Nazip bin Bidi@Bidin [Penolong Juruaudit]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, mungkin- di sinilah. Saya dari Jabatan Audit juga. Okey... *[Disampung]* Jaga *slide, slide*. Okey Tuan Pengerusi. Selepas kajian impak oleh pihak Boston itu, pihak kementerian telah mewujudkan satu *team Jawatankuasa Teknikal* yang akan mewujudkan satu spesifikasi skop yang akan dijadikan dalam tender 1BestariNet ini.

Jadi bila telah siap jawatankuasa itu, skop-skop spesifikasi yang telah ditetapkan, ia akan buat satu dokumen tender dan barulah ia dipanggil tender. Selepas tender dinilai semua, tender yang telah dipilih itu sahaja yang dijalankan POC, satu-satunya tender yang dipilih itu yang dijalankan POC. Jadi kalau berbalik kepada soalan Tuan Pengerusi tadi, memang spesifikasi-spesifikasi itu telah disediakan dahulu oleh pihak kementerian, barulah *ditender out* kepada petender-petender.

Tuan Pengerusi: Yang *advise* kementerian, Boston Consulting?

Encik Mazri Nazip bin Bidi@Bidin: Itu kajian impak yang sebelum *tender specification* itu dibuat. Kajian itu untuk mencadangkan beberapa penambahbaikan daripada projek SchoolNet yang sebelum itu. Jadi apa-apa kelemahan dalam SchoolNet itu telah dibuat kajian impak oleh pihak Boston tadi dan mereka telah mengeluarkan 22 penambahbaikan. Jadi daripada cadangan-cadangan penambahbaikan itu sebagai panduanlah kepada Jawatankuasa Teknikal untuk menetapkan skop-skop spesifikasi untuk 1BestariNet ini.

Tuan Pengerusi: Okeylah, nanti kita kena minta Kementerian Pendidikan untuk beri nama-nama siapa jawatankuasa penilaian yang buat skop tender itulah. Kalau mereka buat skop itu tidak betul, maknanya projek ini pun mungkin ada masalahlah kerana itu.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Encik Rosli bin Yaakub [Timbalan Setiausaha (Bahagian Strategi Korporat dan Komunikasi)]: Buat kajian, dia bagi satu *framework* sahaja...

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Tuan Pengerusi saya tanya, tender ini *based on what?* Adakah semua orang yang *tenderer* ini, dia datang dengan dia punya *own concept proposal* and *then* dengan macam *the framework by Boston* itu, dia datang dengan *proposal* dia, *then* beri kepada kerajaan dan kerajaan pula ada *technical team* untuk nilaikan konsep itu? Ataupun kerajaan yang buat konsepnya, panggil penender ini untuk *submit* itu?

Tuan Pengerusi: Daripada sekarang ini apa yang saya faham, maknanya kementerian buat *framework*, selepas itu dari situ, pilih dia punya kontraktor. Akan tetapi kalau yang spesifikasi *detail* baru beri kepada kontraktor... *[Disampuk]* Itulah, kita pun nanti hendak kena minta senarai siapa penenderlah. Hendak tengok mereka punya kebolehan jugalah, okay?

Datuk Haji Anwari bin Suri: Terima kasih. So Yang Berhormat, pengauditan antara bulan Oktober 2013 hingga April 2014, kami mendapati projek 1BestariNet belum mencapai objektif sepenuhnya iaitu menyediakan infrastruktur sambungan lebar jalur berserta pembekalan VLE untuk 10,000 buah sekolah dalam tempoh dua tahun enam bulan bermula sebagaimana saya sebut tadilah. So kita dapati terdapat beberapa kelemahan sebagaimana disebut oleh Yang Berhormat tadi.

- (i) penyambungan internet ke 4,176 tapak pengguna lewat disiapkan antara 12 hingga 439 hari dari tempoh pelaksanaan yang telah ditetapkan. So tiada lanjutan masa dan tidak ada dikenakan denda lewat;

- (ii) tiada kelulusan teknikal JTICT oleh MAMPU dan KPM tidak melaksanakan *value management*. Jawatankuasa Pemandu Projek dan Jawatankuasa Teknikal Projek tidak diwujudkan di peringkat KPM. Ada kesilapan butiran bilanan tapak pengguna lebar jalur, asas di dalam dokumen kontrak;
- (iii) kajian kumpulan sekolah tidak dilaksanakan sebelum penyambungan internet ke sekolah-sekolah;
- (iv) sebanyak 89.1% daripada 46 buah sekolah yang diuji dan 70.3% dari 491 maklum balas soal selidik oleh sekolah mendapati capaian lebar jalur tidak memuaskan. Sebanyak 58% dari 501 buah sekolah memaklumkan capaian 1BestariNet tidak meliputi keseluruhan kawasan sekolah manakala teknologi rangkaian menggunakan ADSL dan OCPE menyalahi terma-terma kontrak;
- (v) harga sewaan RM1,000 setahun bagi setiap tapak *1BestariNet Receiver Integrated System (1BRIS)* di seluruh negara adalah tidak munasabah;
- (vi) perkhidmatan *hosting* tidak digunakan sepenuhnya;
- (vii) perisian antivirus yang dibekalkan tidak digunakan manakala pengurusan perkhidmatan tapisan kandungan terhadap capaian internet dan pengurusan tampalan (*patch*) tidak memuaskan;
- (viii) *Mini Network Operation Centre (MNOC)* tidak beroperasi secara *real time*;
- (ix) tahap penggunaan VLE oleh guru, murid dan ibu bapa sangat rendah iaitu hanya 0.01% hingga 4.69%. So kami pun ada datalah untuk hari semalam;
- (x) perbelanjaan operasi pejabat pengurusan program (PMO) sejumlah RM157,940 melebihi peruntukan yang ditetapkan; dan,
- (xi) pembayaran Program Pengurusan Perubahan (*change management*) bagi enam orang peserta kontraktor, tiga orang peserta *FrogAsia*, penginapan dan makan minum bagi ahli keluarga peserta dan tuntutan melebihi kelayakan pegawai kerajaan yang menyalahi peraturan kewangan sedia ada. So di sini ada *improper payment*. So untuk makluman semua, pihak Kementerian Pendidikan telah mengambil tindakan proaktif dengan mengenakan surcaj dan sebagainya.

Itu sahaja dan saya jemput..

Tuan Pengerusi: Bayaran yang dibuat setakat ini berapa banyak?

Datuk Haji Anwari bin Suri: Puan Carolina akan membentangkan secara *detail*.

Tuan Pengerusi: Saya hendak tahu bayaran setakat inilah. Berapa banyakkah kita bayar?

Puan Carolina Muyang Lileng [Ketua Penolong Pengarah Audit]: Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pengerusi PAC Persekutuan), Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw (Timbalan Pengerusi PAC Persekutuan), Yang Berhormat Dato Sri, Datuk-datuk, Ahli-ahli PAC sekalian, wakil-wakil daripada agensi pusat, Kementerian Kewangan, Jabatan Akauntan Negara dan juga EPU.

Isu berkenaan dengan berapakah jumlah bayaran yang telah dibayarkan sebenarnya 100% telah dibayarkan kerana kontrak pun sudah selesai. Okey... [Disampuk] Apa dia? *Total is RM663 million.*

Tuan Pengerusi: *But I thought the first phase only three hundreds and something million, sahaja.*

Puan Carolina Muyang Lileng: Tidak, untuk kontrak ini dua tahun setengah jumlah kontraknya ialah RM663 juta... [Disampuk] Ya, dua tahun setengah. Ya untuk *list* yang telah disenaraikan tadi.

Tuan Pengerusi: So, dua tahun setengah, maknanya bila masa yang kontrak ini di... ia tidak ada...

Puan Carolina Muyang Lileng: Dua tahun...

Tuan Pengerusi: Dia tidak ada bayaran ikut *success rate*kah?

■1200

Puan Carolina Muyang Lileng: *For example, kalau for VLE license, dia telah jelaskan, ia mengikut- ada dia punya tempoh. Pemasangan itu dia akan berdasarkan kepada UAT, kalau pemasangan internet. So we have- okay let me see...*

Tuan Pengerusi: Maksud saya begini, bila *you* pasang jalur lebar, maknanya, jalur lebar itu bayaran dia dibuat apabila sudah terbukti jalur lebar itu memenuhi *speed* yang dijanjikan.

Puan Carolina Muyang Lileng: Tidak, selagi dia...

Tuan Pengerusi: Dipasang sahaja, terus bayar? Walaupun *slow* pun bayar juga?

Puan Carolina Muyang Lileng: Ya *but they have to test first*, UAT semua itu bukan, UAT punya *requirement* perlu dipenuhi.

Tuan Pengerusi: Ya, *the common complaint is the thing is slow. So the steps* hendak bayar, itu maknanya *just* pasang sahaja, lepas itu bayarlah sama ada *deliver the speed or not?*

Puan Carolina Muyang Lileng: Ya. *They just pay because the problem is that. As long as PMO....*

Tuan Pengerusi: Tidak, *performance* lah. *Pay by performance.*

Puan Carolina Muyang Lileng: *Because* bila PMO sudah mengesahkan dia telah membuatkan *what we call UAT, user requirement SAP* sudah dibuat, dia sudah hantar kepada kementerian, kementerian akan bayar berdasarkan kepada borang-borang yang telah disahkan oleh PMO, begitu.

Tuan Pengerusi: Sebab itu saya kata tadi, kalau dia punya *payment is determine by performance*, maknanya *if you fix the line and the line must achieve a certain speed, then only you pay. If you just* pasang sahaja dan macam itu, saya boleh pasang sahaja. Tajuk dia adalah *to deliver the internet access*, bukannya pasang *line*. So sekarang ini dia tidak *achieve* pun *speed* dia tetapi bayar.

Encik Anuar Sidik bin Nordin: Untuk makluman Tuan Pengerusi, bagi *Service Level Agreement* (SLA) untuk internet, tiada *guarantee* untuk *performance* tetapi hanya untuk *availability* sahaja.

Tuan Pengerusi: Kelemahan *specification* dialah. Itu memang salah kementerian dan Boston Consulting jugalah. Boston Consulting pun *lend them name, what.*

Dr. Mohd. Gazali bin Abas [Pengarah UPE]: Tuan Pengerusi, saya daripada Unit Perancang Ekonomi. Saya rasa tidak adil untuk menyebut nama Boston Consulting Group dalam kes ini kerana dia tidak ada kena-mengena dengan 1BestariNet. Dia projek sebelumnya.

Tuan Pengerusi: SchoolNet?

Dr. Mohd. Gazali bin Abas: Ya, dia menilai kesan SchoolNet sebelumnya.

Tuan Pengerusi: Maknanya, *specification* ini 100% Kementerian Pendidikan buatlah? Salah merekalah, ya?

Dr. Mohd. Gazali bin Abas: Ya.

Tuan Pengerusi: Okey, sudahlah. Itu sahaja yang saya hendak tahu. Itu satu. Tadi *delivery of the internet connection, broadband connection*. Kedua, *software*. *Software* pakai atau tidak pakai pun bayar juga?

Encik Anuar Sidik bin Nordin: Ya. Bagi lesen untuk VLE sama ada diguna atau tidak dan juga penyelenggaraan VLE sama ada pakai atau tidak akan tetap dibayar.

Tuan Pengerusi: Maknanya kalau *broadband* tidak jalan, VLE tidak jalan?

Encik Anuar Sidik bin Nordin: Ya, tidak jalan.

Tuan Pengerusi: Jadi tidak pakai tetapi bayar? Okey.

Encik Anuar Sidik bin Nordin: Dia sama macam Microsoft Office. Sama ada kita guna atau tidak guna, kita akan bayar lesen dialah.

Tuan Pengerusi: Ini macam pasang, bayar. Sudah *deliver the software*, bayar. Sama ada boleh pakai atau tidak pakai, bukan masalah.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *User requirement*.

Tuan Pengerusi: Sebab itu saya tanya tadi, *that is why payment by user* kah atau *payment lump sum*, bukan? Maknanya *it is a payment lump sum* lah. *Actually* benda ini sepatutnya dia tengok *payment by user* juga. Maknanya tidak semua sekolah akan pakai. Buat apa hendak caj untuk semua sekolah. Maknanya *it is a stage contract* lah bukannya daripada awal terus *deliver* terus bayar. Sepatutnya tengok *implementation period*.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Sebelum ini yang kita faham, skop tidak menyatakan bahawa sama ada *performance* itu diambil kira ataupun tidak. Skopnya kira pasang, *available*, bayar. *Is that what you say, is it?*

Puan Carolina Muyang Lileng: *Yes, that is right*.

Tuan Pengerusi: *That is why* hendak cari siapa hendak salahkan ini. So, *it is* Kementerian Pendidikanlah pasal mereka tidak buat skop itu betul-betul.

Puan Carolina Muyang Lileng: *Excuse me, actually this is on the part of what we call* pemasangan capaian internet. Nanti kita akan pergi kepada VLE yang mana ada kaitan lagi macam mana capaian VLE itu sendiri.

So on the internet it is, maybe I should go to the first issue berkenaan dengan penyambungan internet ke sekolah. Kalau ikut contract 1BestariNet, sepatutnya ia akan menyambungkan semua 10,000 buah sekolah dengan capaian internet iaitu tempohnya satu tahun tiga bulan untuk dia sambungkan iaitu dari 13 Disember sehingga 30 Mac 2013. Apa yang kita dapati bahawa, penyambungan yang tidak dibuat dengan sepenuhnya sehingga 30 Mac 2013. So, ada kekurangan iaitu 417 lagi sekolah yang belum lagi disambungkan. Di sini kita lihat mengapa tidak disambungkan. Alasan yang diberi oleh kementerian adalah macam Sarawak dan Sabah for example, they have problem with the state PBT, dia tidak boleh menyambungkan di situ. Akan tetapi again, they should look into this problem before they connect. They should have pilot test. The problem is there is no pilot test yang dibuat untuk projek ini.

Sebenarnya kalau ada pilot test, saya rasa benda ini tidak akan berlaku yang mana you can deliver 100% untuk setiap, maybe you put on stages. But then seluruh negeri you put 10,000 school, of course definitely you cannot deliver because Sarawak and Sabah you have to look into the infrastructure. How is it in the longhouse for example that using VSAT. It is not that easy. So YES is not available in Sarawak, only in Semenanjung.

Even we went to places like Terengganu, those interior part where there is some places where there is no internet. They cannot also sambung boleh guna. Dia boleh sambung, dia boleh hantar dia punya OCPD semua itu tetapi dia tidak boleh pakai. So for example, one school in Sarawak that we went in particular, dia pakai VSAT. So what happen is that zero point something dia punya capaian dia itu. So people will get very fed up. School that cannot use, so what they do, they use their own. So government is paying actually for the access but then they cannot use it. So they are very frustrated.

Tuan Pengerusi: Sekolah yang di kawasan saya di Johor Bahru pun, kawasan kota raya pun speed dia baru tidak sampai dua megabyte.

Puan Carolina Muyang Lileng: Selain daripada itu, bila tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan, tiada lanjutan masa juga dibuat. Anyway, setakat based on Yang Berhormat Tuan Pengerusi, berdasarkan kepada maklumat yang diperoleh daripada AG's dashboard setakat 15 Januari 2015, bayaran sejumlah RM2.4 juta telah diterima oleh kementerian, dia telah mendapatkan wang.

Tuan Pengerusi: Ini selepas KSU barukah atau KSU yang signed?

Puan Carolina Muyang Lileng: KSU baru. Selepas Laporan Audit dibuat.

Tuan Pengerusi: KSU baru. Maknanya masa projek yang lambat tahun 2011, tidak ada tindakan diambil? Sebelum KSU baru masuk, tidak ada tindakan diambil? Dia punya Project Management Office dia luluskan juga bayaran dan juga tidak dikenakan denda lewat.

Datuk Haji Anwari bin Suri: Ketua Audit Negara tidak masuk isu ini tetapi akan dibayarlah.

Puan Carolina Muyang Lileng: Kita belum masuk. It is because we go in and we told them that there is delay in the project and then we calculate how much delay, how much has been delivered. Selepas itu baru kementerian kira berapa banyak yang perlu dituntut daripada...

Tuan Pengerusi: Ini siapa yang jadi ketua PMO masa itu, saya rasa kita kena ambil tindakan pada dia pasal langsung tidak buat kerja ini.

Datuk Haji Anwari bin Suri: Ini pihak JPA ada jawapan, saya rasa.

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Tuan Pengerusi, saya nampak ini skop utama 1BestariNet ini, *Project Management Office* dengan *Program Management Office*, sama ya masa itu?

Puan Carolina Muyang Lileng: PMO project.

Datuk Wee Jeck Seng: PMO itu? *Project Management Office* dengan *Program Management Office*, sama?

Puan Carolina Muyang Lileng: Mungkin sama.

Datuk Wee Jeck Seng: Sama? Jadi di dalam itu, pegawai yang di dalam untuk jaga tugas ini siapa ya?

Puan Carolina Muyang Lileng: Pegawai yang ditugaskan untuk menjadi PMO ialah pegawai daripada kementerian sendiri. *Then* selain daripada itu, dia juga ada *contract staffs* yang dia ambil dari luar *but the thing is that this PMO, they stay in their contractor* punya premis.

Datuk Wee Jeck Seng: Kalau pegawai, dia punya caj bayaran RM11 juta ini.

Puan Carolina Muyang Lileng: RM11 juta itu adalah untuk *some of it is for their management of the office like* sewaan, utiliti, *electricity and also the contract staffs* salarylah.

Datuk Wee Jeck Seng: Sebahagiannya adalah daripada orang luar? Kata tadi ada pegawai kerajaan.

Puan Carolina Muyang Lileng: *No, I means* pegawai kerajaan dibayar oleh kerajaan gaji dia, tidak dibayar oleh *this* YTL. *I mean not paid through this fund* dia punya gaji. Pegawai kerajaan tetap dibayar di bawah gaji kerajaan tetapi gaji *contract workers* dibayar melalui peruntukan ini.

■1210

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Puan Carolina Muyang Lileng: PMO sendiri. PMO yang mengesahkan- so dia tuntutan daripada YTL.

Encik Rosli bin Yaakub: Tuan Pengerusi, apa Yang Berhormat tanya tadi, kalau kita tengok dalam *page 4*, satu item di dalam *Project Management Office*. Saya dimaklumkan pegawai-pegawai kerajaan daripada Kementerian Pendidikan diambil oleh YTL duduk dalam ini. Pegawai itu dibayar oleh kerajaan tetapi dalam masa yang sama, pegawai itu bekerja *on behalf* kontraktor dan dia ...

Puan Carolina Muyang Lileng: *No, excuse me. Actually* PMO tugas sebenarnya, fungsinya itu adalah dia sebagai pengantara. *They are just doing the management of the project which are actually they are representative of the government. They are looking after the government interest but the problem with this PMO, what we look at it is they are more towards contractor. So they stayed in the contractor building, they are not staying in the Kementerian Pendidikan* punya bangunan.

Tuan Pengerusi: *But the head of the PMO is from* kementerian?

Puan Carolina Muyang Lileng: *Yes, he is one of the* pegawai daripada kementerian.

Tuan Pengerusi: *He is paid by the company?*

Puan Carolina Muyang Lileng: *No, paid by the government. His salary is still like us also... [Disampuk] Only allowances are paid through PMO punya peruntukan. Kalau dia pergi buat kursus whatever, then they claimed through this.*

Tuan Pengerusi: Jadi maknanya mungkin ada *conflict of interest* lah oleh pegawai kerajaan, pegawai-pegawai Kementerian yang duduk dalam PMO ini. Tidak jaga kepentingan kerajaanlah.

Datuk Seri Reezal Merican: *How many?*

Puan Carolina Muyang Lileng: *It was 16 of them. Around 16 of them tetapi selepas itu I think in 2013 ia dibubarkan bulan Oktober, all the PMO, tugas PMO telah diambil alih oleh Bahagian Teknologi Pendidikan. So yang lama itu sudah dikeluarkan dan yang baru sahaja yang ada. Sekarang ini semua projek ini dijaga oleh Bahagian Teknologi Pendidikan.*

Tuan Pengerusi: *List ahli PMO itu you ada?*

Puan Carolina Muyang Lileng: Ada.

Tuan Pengerusi: Nanti beri pada kita.

Datuk Seri Reezal Merican: *From the Kementerian Pendidikan headed by whom?*

Puan Carolina Muyang Lileng: *I mean PMO?*

Datuk Seri Reezal Merican: Ya.

Puan Carolina Muyang Lileng: *Headed by one officer. Bosnya Encik... [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Cikgu DG44.*

Tuan Pengerusi: Oh! DG. Dia dalam sektor perkhidmatan pendidikan?

Puan Carolina Muyang Lileng: *Yes and they are few others yang dalam itu juga pegawai-pegawai kerajaan.*

Datuk Seri Reezal Merican: Bukan PTD lah, *he is not PTD?*

Puan Carolina Muyang Lileng: *No, not PTD, all Education punya staff.*

Encik Rosli bin Yaakub: Mereka tidak ada *expertise* dalam ini tetapi dia boleh mengesahkan kerja. *16 of them, 16 orang.*

Tuan Pengerusi: Maknanya ini untuk saya, KSU Kementerian Pendidikan yang lama ini langsung *failed* dalam dia punya *planning*. Letakkan orang yang tidak ada kemahiran dalam PMO, *planning specification* pun main sambil lewa sahaja. Selepas itu pembayaran pun tidak dibuat dengan berhemah ikut pencapaian.

Puan Carolina Muyang Lileng: Okey *excuse me*. Nama pegawai yang *lead the ...*

Datuk Haji Anwar bin Suri: Boleh lawatlah di *data center* di ...

Datuk Seri Reezal Merican: *Just out of the matter. Rightly before he joins PMO, was he at kementerian or was he is teaching?*

Puan Carolina Muyang Lileng: *He was the officer. We heard that he is the officer in one of the DG in the office. At that time he was not teaching, he was already in the office.*

Datuk Seri Reezal Merican: *In the office as what?*

Puan Carolina Muyang Lileng: *As one of the...*

Datuk Seri Reezal Merican: Pegawai Khas DG?

Puan Carolina Muyang Lileng: Yes.

Datuk Seri Reezal Merican: Pegawai Khas to DG?

Puan Carolina Muyang Lileng: *What do you mean?*

Datuk Seri Reezal Merican: *To Director General. Is that what you mean? No? I want to know...*

Puan Carolina Muyang Lileng: *We did not check dia punya background but we know that he is- we just...*

Encik Ali Badaruddin bin Abd Kadir [Timbalan Pengarah Kanan (Bahagian Perkhidmatan)]:
DG ini kod kepada perkhidmatan.

Puan Carolina Muyang Lileng: *Oh! Sorry... [Ketawa].*

Encik Ali Badaruddin bin Abd Kadir: Perguruan siswazah dipanggil DG.

Datuk Seri Reezal Merican: Tidak apa. *What is the designation then?*

Encik Ali Badaruddin bin Abd Kadir: Pegawai biasa sahaja.

Datuk Seri Reezal Merican: Pegawai biasa sahaja. Dalam kementerian?

Encik Ali Badaruddin bin Abd Kadir: Dalam Kementerian Pendidikan.

Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Akan tetapi dalam tempoh dua tahun selepas itu ditukarkan kepada Bahagian Teknologi?

Encik Ali Badaruddin bin Abd Kadir: Macam ini, apabila kementerian KSU baru masuk, dia semak dan dia dapati tidak sesuai dan juga pegawai yang dilantik itu sebenarnya dia pun dah *resign* daripada kerajaan selepas ...

Datuk Haji Anwari bin Suri: So Tuan Pengerusi, perubahan telah dibuat selepas teguran Audit.

Tuan Pengerusi: Itulah masalahnya pegawai dari Jabatan Pendidikan pun tidak ada pengalaman dalam pengurusan kontrak macam PTD punya pegawai. Itu pun satu masalah jugalah.

Datuk Seri Reezal Merican: Semua 16 orang pegawai itu *under* DG?

Puan Carolina Muyang Lileng: *No, they are not DG. Some of them are contract staffs. They just appointed them to do the administrative works for the Project Management Office itu.*

Tuan Pengerusi: *Contract staffs?* Bukannya pegawai tetap?

Puan Carolina Muyang Lileng: Bukan, kontrak.

Tuan Pengerusi: Hendak jaga projek yang sepatutnya lima belas tahun punya pelaksanaan?

Puan Carolina Muyang Lileng: *That is the problem.*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Carolina Muyang Lileng: Sebenarnya *contract staffs* yang diambil untuk *this* PMO sahaja.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: *Paid by KPM or...?*

Puan Carolina Muyang Lileng: *Paid by the project. RM11 million itu.*

Datuk Seri Reezal Merican: *Paid by the project?*

Tuan Pengerusi: Siapa yang ...

Puan Carolina Muyang Lileng: Yang membayarnya adalah daripada YTL yang membuat bayaran gaji mereka. *Then after that...*

Tuan Pengerusi: Yang pilih mereka kementerian ...

Puan Carolina Muyang Lileng: *Claim* daripada kerajaanlah.

Datuk Seri Reezal Merican: Dia punya *sense of diligence definitely to the company*.

Datuk Wee Jeck Seng: Pegawai yang dilantik, dibayar oleh YTL? Macam itu?

Puan Carolina Muyang Lileng: Yes, bila YTL sudah dibayar gaji, *the contract staffs*, dia akan buat *claim* kepada kerajaan... *[Disampuk]* Untuk daripada RM11 bilion itulah... *[Disampuk]* Semua *by* kementerian, bukan YTL.

Tuan Pengerusi: Jadi soalnya sekarang ini yang rekomen pegawai kontrak ini adalah orang kementerian ataupun kontraktor?

Puan Carolina Muyang Lileng: *It is* kementerianlah.

Tuan Pengerusi: Kementerian *recommend*. Dari manakah diambil?

Puan Carolina Muyang Lileng: *They are the one who recruit and then they put them there*.

Tuan Pengerusi: Dari manakah diambil? Diambil daripada *private sector* atau diambil daripada...

Puan Carolina Muyang Lileng: *Because the staffs seems to be quiet young, some of them are very young staffs*.

Tuan Pengerusi: *I know. That is why there is my question whether they commended by the contractor and then kementerian second the recommendation* lepas itu ambil mereka, lepas itu kontraktor yang dibayar...

Puan Carolina Muyang Lileng: Kerajaan yang ambillah.

Tuan Pengerusi: Itu sudah *big conflict of interest* kalau begitu. Belum tengok lagi latar belakang mereka yang diambil kerja kontrak ini sama ada betul-betul ada pengalaman teknikal atau tidak.

Datuk Seri Reezal Merican: Hendak tahu soal lantikannya ke dalam PMO itu dibuat oleh siapa, satu. *And then* RM11.6 milion ini yang *under* PMO ini, maknanya *the budget accounted for including wages* mereka ini sekalilah?

Puan Carolina Muyang Lileng: Yes.

Datuk Seri Reezal Merican: *Is that?* Kalau boleh dapat *breakdown* RM11.6 milion.

Puan Carolina Muyang Lileng: Ada dia punya *breakdown*, berapa gaji satu PMO itu, ada... *[Disampuk]* *Based on the grade* lah they pay them. Okey, next.

Sekarang kita pergi kepada *Virtual Learning Environment* iaitu penggunaan VLE oleh guru, murid dan ibu bapa adalah sangat rendah iaitu antara 0.01% sehingga 4.69%. Ini kita buat melalui kajian yang telah kita buat daripada YES *monitoring system*. Kita dapati ini ialah tahap penggunaan dalam kalangan guru-guru.

Bila kita lihat VLE ini sebenarnya iaitu berdasarkan Klausula 4.7 Kontrak 1BestariNet, kontraktor hendaklah menyediakan pelantar pelan pembelajaran yang mempunyai kerangka yang berupaya untuk mengurus dan menyimpan objek pembelajaran (*learning object*) dalam bentuk imej, video atau teks yang dibangunkan oleh pengguna KPM bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran berasaskan kokurikulum kebangsaan.

Di bawah 1BestariNet, sekolah-sekolah dilengkapi dengan penyelesaian bersepadu yang membolehkan pengajaran, pembelajaran, kolaborasi dan pengurusan pentadbiran dijalankan iaitu menerusi *Frog-VLE* yang boleh diakses di sekolah atau di mana-mana sahaja yang mempunyai capaian internet.

■1220

So meaning that everywhere you are around Malaysia, you can access this actually as long as you have the password. Actually, parents they give the access, there is ID and password is given to the teachers, students and also parents. So each of the parent, mother and father itu dia ada ID password. So all of us actually will have and our children are having one. This is the one that is the costs that RM250 million for the licenses alone they give, they pay for this, a lump sum payment. Dia buat you pakai atau tidak pakai...

Tuan Pengerusi: Maknanya bukan *lump sum*, dia kira *per user*.

Puan Carolina Muyang Lileng: *Yes per user, tetapi the amount they pay one go.*

Tuan Pengerusi: Betul. *When you charge per user that means you charge on the number of user. Lump sum* maknanya boleh minta diskaun lagi. Maknanya tidak semua *parent* akan guna pada waktu yang sama ataupun...

Puan Carolina Muyang Lileng: *Actually...*

Tuan Pengerusi: *You boleh hadkan dia punya akses- pasal RM250 million is a lot of money for something that has not been used. Selepas itu satu lagi saya tanya, PMO sendiri, dia tidak ada bajet untuk pendidikan user- user education?*

Puan Carolina Muyang Lileng: *Actually they have change management. Under this also they have change management whereby they have to train the teachers. They have champion schools. What they do before the implementation of the VLE, initially they have training for the teachers and then at the same time, they also choose the champion student to learn the VLE and then baru dia balik ke sekolah dan mengajar yang lain. But the problem is, this programme we realize that, it is not really an ongoing programme by this school. It is up to the initiative of the school to teach their students. But there are some school- what they do when they come back, every Friday they will have this lesson on using VLE.*

Ada sesetengah sekolah langsung tidak ada buat apa-apa. Ada *some initiative, one good example that I see even* macam di Sarawak, yang saya lihat pada tahun 2014, yang mana bila kita pergi buat pengauditan, *there one school in town.*

Actually they are not provided with the computer by the government. But they did it at their own initiative yang mana the student who are been chosen as champion and also the teacher who have been chosen as champion, the teachers will teach the teacher how to use the VLE, how to use and how to put that dashboard because each teachers should have the dashboard and each students have their own dashboard. So they communicate there apa-apa bahan pembelajaran yang dia telah buat itu, dia akan masuk dalam dashboard, students boleh akses dan students juga buat begitu. So anything to do it in fact tujuan sebenarnya untuk students dengan teachers communicate. We as parents, we see how our children are performing. Dia ada buat dashboard dia sendiri. So what these people do is that the student will teach the student, dia kata lebih senang. Begitu dia berjaya walaupun dia pakai internet sendiri, bukan pakai YES.

Ada juga sesetengah sekolah di Terengganu, yang mana dia buat competition among students to use it. That is good, but there are some they do not because the knowledge very low. So, itulah menyebabkan penggunaannya kurang, and some of the teachers also complaint that they do not have time...

Tuan Pengerusi: Kalau begitu you cakap, sepatutnya tender ini dipecah kepada dua sahaja. Pembekalan dia punya bahan belajar itu dengan perkhidmatan jalur lebar ini patut- jalur lebar itu tidak payah dibuat pun tidak apa, boleh akses sendiri. Kalau Sarawak boleh akses sendiri, takkan di Kuala Lumpur tidak boleh akses sendiri.

Puan Carolina Muyang Lileng: Pada asal sebenarnya, 1BestariNet is just the rangkaian but then later on they add in the VLE as one of item inside the...

Tuan Pengerusi: I know but to me, the coverage in Semenanjung Malaysia of internet is very good. Tidak payah hendak buat rangkaian yang lain. On top of that, hendak service sekolah ini. Itu satu. Kedua, sudahlah servis sekolah ini tidak memuaskan juga, satu hal. Selepas itu ditambah lagi dengan modul pembelajaran yang diambil oleh kementerian kepada course ini dan disatukan sebagai satu kontrak. Sepatutnya tidak payah. Provision of broadband and provision of the school VLE software can be separate.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Tuan Pengerusi, ini hendak tanyalah. Training untuk parents ada atau tidak dia buat dalam content itu?

Puan Carolina Muyang Lileng: Actually kalau ikut dalam kontrak itu...

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: They must.

Puan Carolina Muyang Lileng: They have to train the parents as well. But then what we get back from the school is they do not have time to teach the parents.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Who say that?

Puan Carolina Muyang Lileng: I means the school because they have- You see the teacher yang mengajar untuk menggunakan VLE ini sebenarnya he is also a teacher and he has his own curriculum in the school. So he will teach the teachers, he will teach the students and also sepatutnya parents but they said we lets the students know first, baru kita ajar parents.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Ada atau tidak?

Puan Carolina Muyang Lileng: *So far* tidak ada yang...

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Okey, walaupun tidak ada *parents*, PIBG ada atau tidak mereka pergi ajar sekurang-kurangnya sebagai inisiatif?... Tidak ada ya?

Puan Carolina Muyang Lileng: *ID password* sahaja. Ada *parents* yang memang dia beri *ID and password* sahaja.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *I know. I understand about this one because the parents supposed to know they can lihat results* anak dia dari rumah. *That was the idea. I know.*

Seorang Ahli: Tidak ada, dia tidak berilah.

Puan Carolina Muyang Lileng: *So because ID* yang dia bayar itu pun termasuk *parents*. *Just to share, for example like Sabah and Sarawak, I am from the longhouse. So my longhouse there, there is no internet. We have VSAT only and the parents there they are not even educated. So how are they going to use the ID and password and yet we are paying for it. Itu sahaja yang saya maksudkan...*

Tuan Pengerusi: Itu soalan saya tadi, *whether you charge per user or you charge lump sum. In this case is not lump sum, it is per user walaupun the user does not used.*

Puan Carolina Muyang Lileng: *Okay next... [Disampuk] I am from Baram.*

Tuan Pengerusi: Lain-lain lagi ini, fokus kepada isu-isu yang besarlah.

Puan Carolina Muyang Lileng: Okey. Penemuan berkenaan dengan perkhidmatan penyediaan perkakasan dan aplikasi pemantauan iaitu *Mini Network Monitoring Centre*. *Mini network* ini sepatutnya dia *supplykan - it should work on real time*. Buat *real time monitoring of the activities*. Selepas itu ia sepatutnya ada *connection* dengan *Bandwidth and Network Monitoring* dan juga *Performance and Availability Monitoring*. Akan tetapi, kesemua fungsi ini tidak dimasukkan ke dalam *network monitoring system* ini. Oleh sebab dia sudah bayar dan ini merupakan satu pembaziran, kita tidak gunakan tetapi *we pay for it. Then, sampai ke hari ini pun tidak ada.*

So baru-baru ini dalam maklum balas dia kepada kita, dia buat menggunakan *cache 'i-purse'*, yang mana dia hendak *monitor* iaitu lihat *performance* dan *availability of the* capaian melalui daripada dia punya *data center* di Sentul. *But then again, it is outside the contract. It is not within the contract.* Sepatutnya bila *you* sudah macam dia punya minimum itu, *it is just like* kita punya *monitor* ini, kita boleh lihat sepatutnya *real time*. Apa yang berlaku di sekolah itu, mana sekolah, berapa bilangan sekolah yang digunakan, sepatutnya dia boleh tunjuk. Kalau 1,000 yang pakai...

Tuan Pengerusi: *No.* Saya dahulu Direktor Telekom sembilan tahun. Saya tahu berapa kos '*knock*', apa '*knock*' boleh buat. Ini bukan '*knock*'; ini goblok ini *[Ketawa]*

Puan Carolina Muyang Lileng: Ya *[Ketawa]* So itulah isunya di sini, benda ini tidak dimasukkan di dalam *monitoring system* dia. *Okay next.* Ini tadi berkenaan dengan lebar jalur yang mana ia adalah sangat rendah. Masih rendah juga. *Okay next* sebab tadi kita sudah cerita.

Next, tadbir urus. *The next issue is* berkenaan dengan tadbir urus iaitu tiada kelulusan teknikal. Sepatutnya setiap projek ICT mengikut pekeliling MAMPU iaitu perlu pergi melalui Jawatankuasa Teknikal untuk meluluskan. Akan tetapi masalah dengan 1BestariNet, ia tidak pergi melalui Jawatankuasa Teknikal dan ia tidak menjalankan *value management* juga.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: *Then* kalau sudah tidak ada MAMPU semua itu, MAMPU pun tidak ambil peduli dan...

Puan Carolina Muyang Lileng: *Actually for your information*, MAMPU hanya dimaklumkan selepas tender dibuat. So MAMPU cuma dimaklumkan melalui kertas makluman saya. So MAMPU *respond back*.

■1230

Itu yang dia tadi seperti mana yang Datuk *mention earlier on*, *that MAMPU respond back*. *They said you should integrate certain system* itu kepada 1BestariNet tetapi apa yang dicadangkan oleh MAMPU tidak diambil kira *and then the project goes on something like that*. So, MAMPU hanya dimaklumkan sahaja. *It is already done*. *I think Kementerian Kewangan at the same time is also dimaklumkan juga berkenaan perkara inilah*. Okey *next*.

Tuan Pengerusi: MAMPU mampu kah tidak? Pasal apa Kementerian Pendidikan tidak layan pun [Ketawa]

Puan Carolina Muyang Lileng: *Next*.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Tuan Pengerusi: Tidak, tidak. Soalan *simple*. Projek ini tahun 2011 bukan diluluskan?

Puan Carolina Muyang Lileng: Yes.

Tuan Pengerusi: Masa itu program *value management* sudah dilaksanakan oleh EPU atau belum?

Puan Carolina Muyang Lileng: Ada.

Tuan Pengerusi: Tidak, tidak pakai mike jawab [Ketawa]

Dr. Mohd. Gazali bin Abas: *Value management* kita buat bagi semua projek melebihi RM50 juta, projek Rancangan Malaysia Kesepuluh. Akan tetapi asalnya projek ini di bawah *operating expenditure*. Oleh sebab itu tidak melalui *value management*. Agaknya pada masa itu...

Tuan Pengerusi: Tidak, tidak. Macam mana projek boleh lalu *operating expenditure*? You beli CAPEX apa.

Dr. Mohd. Gazali bin Abas: Asalnya daripada projek asal sebelum ini di bawah dia projek sebelumnya SchoolNet. SchoolNet itu di bawah *operating expenditure* asalnya.

Tuan Pengerusi: Okey.

Dr. Mohd. Gazali bin Abas: Jadi dengan sebab itu, saya pun tidak berapa pasti kenapa dia tidak datang ke *value management*. Mungkin dengan sebab dia tidak di bawah DE pada asalnya.

Tuan Pengerusi: Tidak, tidak. Dia kontrak baru. Dia bukan kontrak penyambungan SchoolNet, dia kontrak baru... [Disampuk] Which is also wrong lah. Macam mana Kementerian Kewangan? Ini you beli barang.

Dr. Mohd. Gazali bin Abas: Saya daripada EPU, saya bukan Kementerian Kewangan.

Tuan Pengerusi: [Ketawa]

Dr. Mohd. Gazali bin Abas: Jadi kalau tidak dirujuk pada kita, kita pun tidak tahu macam mana pula...

Tuan Pengerusi: Akan tetapi Kementerian Kewangan mesti tahu ini daripada OPEX daripada CAPEX.

Dr. Mohd. Gazali bin Abas: Saya tidak tahu Kementerian Kewangan sama ada ada wakil di sini atau tidaklah [Ketawa]

Tuan Pengerusi: Kita ini punya banyak isu sudah buka, yang tidak ada dalam Laporan Ketua Audit Negara [Ketawa]

Encik Rosli bin Yaakub: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi: Memang sepatutnya kena melalui *value management* pasal dia kontrak baru tahun 2011. *Value management* telah dilaksanakan tahun 2010.

Encik Rosli bin Yaakub: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi: Tahun 2011. Maknanya kalau sudah laksana tahun 2011, maknanya projek ini sebagai kontrak baru patut dilaksanakan dengan input *value management* tetapi tidak buat. Oh! Maknanya EPU pun orang tidak hormat lah? MAMPU orang tidak hormat, EPU orang tidak hormat, kasihanlah *you all* [Ketawa] MAMPU dimaklumkan sahaja. PAC memang tidak hormat pun. Akan tetapi sekarang ini kita bagi hormatlah.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *Final approval for this project* ini datang daripada mana?

Datuk Seri Reezal Merican: MoE MoA?

Puan Carolina Muiyang Lileng: Ada, Kementerian Kewangan.

Tuan Pengerusi: Jawatankuasa Ekonomi, Majlis Tindakan Ekonomi Negara atau MTEN.

Datuk Haji Anwari bin Suri: Disebut dalam Jawatankuasa Ekonomi.

Tuan Pengerusi: MTEN. MTEN luluskan.

Datuk Haji Anwari bin Suri: Luluskan tarikh tadilah.

Tuan Pengerusi: EC luluskan projek ini. Cuma EC tidak dimaklumkan ataupun tidak prihatin mengenai pelaksanaannya. Itu sebab berterabur pelaksanaan ini. EC luluskan sahaja atas *paper, on paper but it is not thoroughly challenge, it is not thoroughly scrutinize* ya dari segi pelaksanaan sebab itu jadi begini.

Datuk Haji Anwari bin Suri: So untuk makluman Yang Berhormat, projek ini disambung dengan kos yang ada lagilah. Tambahan kos ini.

Tuan Pengerusi: Ada tambahan kos lagi?

Datuk Haji Anwari bin Suri: Yes.

Tuan Pengerusi: RM1 bilion lebih lah.

Puan Carolina Muyang Lileng: RM1.4.

Tuan Pengerusi: Bilakah lulus?

Puan Carolina Muyang Lileng: *Three years. Ia punya sambungan- the new contract kita tidak dimaklumkan bila ia start lagi. Should be by...*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Bilakah yang tandatangan kontrak?

Puan Carolina Muyang Lileng: Yang mana itu, yang baru?

Seorang Ahli: Yang baru.

Puan Carolina Muyang Lileng: *We are not aware of it yet. We are not inform but we heard that is going to be...*

Tuan Pengerusi: *So this is second phase ataupun...*

Datuk Seri Reezal Merican: *Continuation...*

Tuan Pengerusi: *...Continuation first phase?*

Puan Carolina Muyang Lileng: Ia bersambunglah. *Continuation by...*

Datuk Seri Reezal Merican: *Is it granted by EC again?*

Puan Carolina Muyang Lileng: *We have not go into that detail yet. We have not going for the new contract... [Disampuk]*

Datuk Haji Anwari bin Suri: Soalan ini boleh ditanyalah.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Carolina Muyang Lileng: Yes. Sambungan kepada kontrak *because the project ini-project 1BestariNet is 15 years. 15 years, so it should be five years, five years, five years but then for the first portion ini dia buat two and half years. 63. So the next three years itu mungkin sudah RM1.4 bilion.*

Dato' Kamaruddin bin Jaffar: Akan tetapi itu part of the RM4- berapa bilion itulah?

Puan Carolina Muyang Lileng: *This is more for the VLE lagi balik, the license. They have to pay for the license, they have to pay for the penyelenggaraan. These are the main portion.*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *On the AG's side, just now you are saying that five years, five years, five years. So this two and half years come from where?*

Puan Carolina Muyang Lileng: *Because mula-mula mereka memang cadangkan untuk lima tahun untuk tahun pertama, untuk tempoh pertama but then dicadangkan oleh Kementerian Kewangan kerana MAMPU mengatakan it should be, not be one five years one go because kita baru lagi dengan projek ini. It is two and half years and it should be monitored at least two to three years once. So bila performance bagus mungkin kita sambungkan lagi macam- that is the rationale behind them.*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *What did the contract says? The contract says is five years or two and half years?*

Puan Carolina Muyang Lileng: Yang kontrak yang dia tandatangan ini telah diputuskan ini *two and half years. Akan tetapi projek ini, keseluruhan projek itu yang dia kata...*

Tuan Pengerusi: Akan tetapi projek ini gagal macam mana boleh sambung lagi?

Puan Carolina Muyang Lileng: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Saya takut jadi macam isu AES nanti. AES, kontrak *disigned* dan sekarang ini tuntutan yang dilaporkan dalam *online media* kata kerajaan kena bayar sampai RM1 bilion kerana kontrak sudah *signed*. Projek ini projek 15 tahun. Jadi, kontrak yang *disigned* itu bukan 15 tahun lah?

Puan Carolina Muyang Lileng: *No, no.*

Tuan Pengerusi: Hanya dua tahun setengah ya?

Puan Carolina Muyang Lileng: *Yes.*

Tuan Pengerusi: Akan tetapi *the new contract is supposed to be based on the success of the old contract* ataupun tidak ada? *Just after complete the first contract, then just continue the second contract?*

Puan Carolina Muyang Lileng: Yang Berhormat *you have to ask the kementerian*lah macam mana dia hendak...

Tuan Pengerusi: *I asked you to verify.*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Ya, you kena *verify*.

Datuk Seri Reezal Merican: *You have to.*

Tuan Pengerusi: Maknanya tidak ada *performance based* punya approval to go to the second contract lah?

Datuk Seri Reezal Merican: *The lanjutan RM1.1 bilion ini is a- I mean coming from the entire 4.4 original RM4.4 bilion lah. Right?*

Puan Carolina Muyang Lileng: *Yes, yes.*

Datuk Seri Reezal Merican: *And then as what they has been agreed, they will be a model 5+5+5.*

Puan Carolina Muyang Lileng: *Yes.*

Datuk Seri Reezal Merican: Akan tetapi di sini *based on your findings said* justifikasi untuk tujuan pelanjutan *will take a key element which is about perkhidmatan SLA* yang diberikan oleh *internet*. *I mean are they any other element that will be a determinant factor before perlanjutan itu diberi? Is there any? I am quite sure* takkan dia bagi *blanket* pelanjutan saja.

Puan Carolina Muyang Lileng: Tidak ada *detailnya* itu.

Datuk Seri Reezal Merican: Tidak ada?

Datuk Haji Anwari bin Suri: Tidak ada *detail... [Disampuk]*

Puan Carolina Muyang Lileng: Belum, belum lagi. Dia belum tandatangan lagi kontrak baru.

Datuk Haji Anwari bin Suri: Maklumat tambahan.

Puan Carolina Muyang Lileng: Maklumat sahaja.

Tuan Pengerusi: Kesimpulannya, projek ini tidak memuaskanlah?

Puan Carolina Muyang Lileng: Memang.

Tuan Pengerusi: *Fail* atau tidak *fail*?

Puan Carolina Muyang Lileng: Tidak mencapai objektif.

Tuan Pengerusi: *No, no. Fail* atau tidak *fail*? *That is the point.*

Puan Carolina Muiyang Lileng: Tidak *fail* lah.

Tuan Pengerusi: Pasal *the contract is signed*, bayar based on *delivery* sahaja. Bila *deliver*, dibayar.

Datuk Haji Anwari bin Suri: So tidak memuaskannya.

Tuan Pengerusi: Ya?

Datuk Haji Anwari bin Suri: Tidak mencapai objektif.

Tuan Pengerusi: Tidak, tidak. Soalan saya gagal atau tidak gagal?

Datuk Haji Anwari bin Suri: Ia masih berjalan.

Tuan Pengerusi: Masih berjalan dan disambung tetapi orang tidak pakai.

Datuk Haji Anwari bin Suri: Daripada segi *implementation* gajallah. Akan tetapi masih berjalanlah.

Tuan Pengerusi: *Implementation* gagal.

Datuk Haji Anwari bin Suri: Akan tetapi masih berjalanlah.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Pencapaian gagal...

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Pencapaian gagal.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Tidak capai matlamat.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Sebab kalau sekolah yang ada dipasang pun, ia punya internet itu tidak cukup.

Datuk Haji Anwari bin Suri: So, dari segi *auditing*, objektif kita samaada mencapai objektif yang telah ditetapkan. Sekarang *conclusion* kita, tidak mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Tuan Pengerusi: *Passing rate* kah *failing rate*? 50% *above* kah, 50% *below*?

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Tidak tercapailah.

Tuan Pengerusi: Ini adalah- *so that is why the next question must ask the kementerian after this is why you issue new contract*, bukan? Itu sahaja. *They say the contract* tidak gagal, *we say* gagal. Okey ada lagi?

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Ada sedikit sahaja ini. Ini audit VLE Puan Audit ya. Di bawah VLE ini...

■1240

Ia punya skop itu ada atau tidak, yang dia suruh buat *maybe in certain school* di bandar khususnya *environment* dia itu, *virtual learning environment* yang mana ada *special room they have to produce with all the suasana* macam *you are a part of the suasana* pembelajaran dalam *special room* yang ada dalam skop ini.

Puan Carolina Muiyang Lileng: *Actually*, dia tidak ada yang *specify, they have to have a special room for a VLE*. Sebenarnya, VLE ini adalah satu platform yang mana *student* ini gunakan untuk pembelajarannya. *So when they have the training, so they should use it to put all the bahan-bahan pembelajaran di dalam itu and then they will learn online. So it is up to their initiative* sebenarnya kalau cikgu itu pandai, bahan yang telah dia letak di *dashboard* dia, dia boleh gunakan.

Kalau kita IT *literate*, kita sudah pandai guna IT, *actually when you present to the student in the school*, itu interpretasi saya lihatlah. Di mana macam mana kita buat *PowerPoint* sini, kita mengajar dengan *PowerPoint*, *so we will teach the student how to use it and the same time the student will respond to you online*.

So the platform, itu sahaja untuk dia belajar. So dia guna itu kena masuklah selalu apa bahan dia, macam mana. *But they do not really have a specific classroom but then to do that, they do in the lab because all the lab have all their computer*, dia ada *Thin Client* they call it and then they have *Chromebook* yang mana dia boleh gunakan untuk dia capai internet dan belajar. Itu alat yang dia boleh gunakanlah di sekolah dan di rumah pun dia boleh pakai. *Not only in schools. Okay, next, we go to payment 1BestariNet*.

Okay, the next one is berkenaan dengan 1BestariNet Receiver Integrated System (1BRIS). *This is the tower* yang mana kita dapati bahawa keputusan yang telah dibuat iaitu sewaan bagi 1BRIS. 1BRIS ini adalah untuk capaian internet, dia guna *zoom* itu supaya dia dapat mencapai internet. *So beberapa buah sekolah yang telah dipasangkan 1BRIS iaitu sama ada it is on the ground, or it on the top of the building or even at the water tank*, dia letak di situ. *So, what happen is that the rental* bagi pemasangan 1BRIS ini yang telah diputuskan oleh PTP iaitu RM1,000 setahun yang keputusan terakhir, RM1,000 setahun bagi setiap tapak. *Okay*, dia punya *history*, dia adalah daripada mulanya sewaan telah diputuskan oleh JPPH iaitu RM1,200 setiap tapak sebulan. Akan tetapi *what happen is that* kementerian ada membuat tuntutan kepada kontraktor tetapi kontraktor enggan membayar dengan alasan bahawa dalam kontrak tidak disebutkan berkenaan dengan sewaan.

Okay, and then they were mentioning about certain clause in the contract concept. But actually that particular clause that they specified hanya menyentuh berkenaan dengan kebenaran untuk membina 1BRIS ini di sekolah-sekolah berkenaan sahaja dan juga kos pembinaan pemasangan adalah di bawah tanggungan kontraktor. *So itu sahaja*, tidak ada menyentuh berkenaan sewaan semua itu. *Then the contractor argue, they do not want to pay. So up to then, they was none. And then later on, the Jawatankuasa Perlanjutan (Khas) Penyewaan dan Penguatkuasaan Harta Tanah Persekutuan juga bersidang dan memutuskan bahawa kadar sewaan adalah RM1,000 setahun bagi setiap tapak. So they have already* putuskan jawatankuasa ini tetapi bila dia keluarkan surat daripada Pesuruhjaya Tanah, dia keluarkan surat yang menyatakan kadar sewaan tapak adalah sebanyak RM1,000 setahun bagi pelaksanaan 1BestariNet.

So interpretasi di sini salah yang mana daripada setiap tapak setahun, menjadi RM1,000 untuk keseluruhan tapak itu. Bermaknanya, *you have 245 tapak, you only pay RM1,000 per year which is only when you calculate is RM2.45 per tapak. So then* bila kita Audit masuk, kita nampak surat ini, so kita merujuk kepada PTP lagi balik, kita tanya, *"What actually is the actual rate yang sepatutnya dibayar?"* So dia putuskan, dia kata *rate* yang sebenarnya adalah RM1,000 setahun, setapak. Kita lagi bila kita lihat ini, kita nampak seolah-olah macam RM1,000 *per year per tapak pun, it is too cheap* berbanding dengan apa yang dibayar oleh *service provider* yang lain di luar sana.

Tuan Pengerusi: Okey tidak apa. Kita akan panggil KPTG untuk hendak jawab soalan ini.

Puan Carolina Muyang Lileng: *Okay.*

Tuan Pengerusi: Pasal itu berkaitan dengan dulu hendak tanya juga pasal Bintang Walk itu, macam mana KPTG boleh bagi kelulusan kepada YTL hendak buat Bintang Walk atas laluan jalan kaki di Bukit Bintang itu. Itu saya masuk sini ya. Hendak panggil KPTG hendak tanya soalan ini.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Tentang *tower*. Adakah mengetahui tentang keselamatan kerana saya ada penduduk di taman perumahan mengadakan *tower*, mereka sudah bising tentang keselamatan? Adakah ini selamat untuk ada di sekolah untuk mengadakan *tower* seperti ini?

Puan Carolina Muyang Lileng: Untuk makluman, *so far, according to our* ini, tidak ada lagi kes yang berlaku *but* memang *is a concern of all parents* berkenaan dengan tahap keselamatan iaitu daripada *radiation* itu. *So people are talking about that. But then based on the feedback they gave us, the radiation is still low. So it is not* membahayakan kepada penduduk di persekitaran itu *but then you look at the tower they actually is very close to the school building. If there is in case of a strong wind, it might drop, we do not know but then physically you look at it, it is not really safe. But whether they look into the safety, we are not being inform of that but we look at it, is not really safe in certain places.*

Tuan Pengerusi: Satu lagi perkara, yang tadi yang sewa tapak ini, memang tidak ada dalam kontrak?

Puan Carolina Muyang Lileng: Ia tidak ada.

Tuan Pengerusi: Itu pun kena panggil LA untuk kementerian juga kenapa tidak masuk dalam kontrak. Satu lagi soalan, *tower* ini digunakan secara peribadi oleh syarikat atau tidak?

Puan Carolina Muyang Lileng: *Actually for your information*, dia tidak cakup dalam *tower* ini untuk boleh diguna pakai oleh orang luar *but the radius of the tower*, dia punya kemudahan *20 meters*. Empat kilometer...

Tuan Pengerusi: Maknanya hendak kena *verify* dengan mereka jugalah sama ada mereka pakai untuk kegunaan syarikat sendiri atau tidaklah. Itu pun kena panggil juga bahagian kontrak kementerian kenapa tidak masukkan benda itu. Maknanya, khusus hanya untuk... [Disampuk] Pasal *we are paying for the network is our network*.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: *Sharing it.*

Tuan Pengerusi: *Yes, we are not sharing it.* Okey, itu isu tambahanlah.

Puan Carolina Muyang Lileng: *Okay, this is another issue regarding also something like* pembaziran juga iaitu berkenaan dengan *hosting*... [Disampuk]

Tuan Pengerusi: *I did not realize* ia kait-mengait dengan banyak kementerian dan jabatan ini. Aduh! Ada apa lagi?

Puan Carolina Muyang Lileng: *Okay, next is regarding* Perkhidmatan *Hosting* Terurus iaitu perkhidmatan *hosting* tidak digunakan sepenuhnya. Kita tengok penggunaan *hosting* yang rendah iaitu 31.3% merupakan satu pembaziran kepada kerajaan.

Okay, the next one is berkenaan dengan Perkhidmatan Pengurusan Keselamatan Terus iaitu perisian antivirus, berkenaan dengan antivirus yang mana yang digunakan adalah hanya 27,462 daripada 400,000 lesen yang telah dibekalkan kepada sekolah-sekolah. Alasan yang diberi adalah dia tidak gunakan antivirus ini kerana sekarang ini sekolah dibekalkan dengan Chromebook yang mana sudah ada antivirus. Itu kemudian. This is a later project and then also the Thin Client also they already have the antivirus but...

■1250

Tuan Pengerusi: *Chromebook was a later project?*

Puan Carolina Muyang Lileng: *To support the 1BestariNet.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: *New contract or...*

Puan Carolina Muyang Lileng: *New contract. It is another contract.*

Tuan Pengerusi: *New contract?*

Puan Carolina Muyang Lileng: *Yes.*

Tuan Pengerusi: *Syoklah. Beri sikit lepas itu tidak cukup inilah, tambah lagi. Lepas itu tambah apa lagi?*

Puan Carolina Muyang Lileng: *That is why when you look at the cost of antivirus ini juga after campur dengan line so it is some pembaziran juga bila tidak digunakan bersama dengan pengurusan tampalan. Semua itu tidak digunakan. So alasan dia samalah, because they already have this incorporated dalam dia punya Chromebook at the same time dengan think client. Think client is a desktop yang digunakan, ia panggil Thin Client. Another project. Think client is another project, Chromebook is another project.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *...It is another project?*

Puan Carolina Muyang Lileng: *Ya. I Thin Client dengan- ia ada dua projek.*

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: *Siapakah pegawai bertanggungjawab?... [Disampuk] KSU.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *Was the contract value for the Chromebook dan Thin Client lagi?*

Puan Carolina Muyang Lileng: *Pardon. Contract value for Chromebook, I am not sure of the ... because itu...*

Tuan Pengerusi: *It is okay, you can go and find out. I think today we would not call them because there are so... [Disampuk]*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *We...*

Tuan Pengerusi: *We would not because this one is so long. Maybe we postponed into another day tetapi... [Disampuk].*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *Habiskan ini dululah.*

Tuan Pengerusi: *Ya, habiskan ini. Get information on the Chromebook punya contract. Tadi satu lagi apa tadi?*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *Thin Client.*

Tuan Pengerusi: Apa?... *Thin Client*. Dapatkan maklumat itu ya.

Datuk Wee Jeck Seng: Tuan Pengerusi, sebelum itu saya hendak tahu juga. Kata tadi yang skop utama 1BestariNet itu, item 7 dan item 8 itu, Pengurusan Perubahan dan Sokongan ICT dengan Perkhidmatan Persekitaran Pembelajaran Maya (VLE) itu, dibayar tiap-tiap tahun ataupun dalam konteks tiap-tiap tahun ataupun dalam dua tahun setengah untuk jumlah nilai itu?

Puan Carolina Muyang Lileng: *You means the license*.

Datuk Wee Jeck Seng: *No, no. You see* bayaran itu, RM2 ke RM3 juta- dalam konteks itu dia bayar setahun sekali kah ataupun dua tahun setengah?

Encik Anuar Sidik bin Nordin: Bagi lesen untuk VLE, dibayar sebanyak RM100 ribu bagi setahun, RM100 juta setahun. Maksudnya ini dua tahun setengah, maksudnya RM250 juta... *[Disampuk]* *Public contact* itu saya tidak semak lagi dia punya *contact interimnya* tetapi ini harga untuk dua setengah tahunlah.

Datuk Wee Jeck Seng: Dua setengah tahun?

Puan Carolina Muyang Lileng: Ya, dua kali bayar. Dua kali bayar, bukan?... *[Bercakap kepada Encik Anuar Sidik bin Nordin]*.

Encik Anuar Sidik bin Nordin: Dua kali bayar.

Puan Carolina Muyang Lileng: Ia sebenarnya begini. Bila dia dah sambungkan kepada internet, bila dia dah buat sambungan internet itu, sepatutnya dia beri CD, so sekolah itu sendiri perlu *install* ke dalam *desktop* komputer-komputer yang ada di sekolah itulah. Akan tetapi ada sesetengah itu dia tidak masukkanlah *because* dia kata *sometime* internet dia akan jadi hendak *slow* bila dia masukkan antivirus.

Datuk Madius bin Tangau: *School* yang sudah pakai?

Puan Carolina Muyang Lileng: Ya, *school* yang sudah pakai. *So you see, even though you do not use, you still have- because this is a license. You pay once so it is a waste of money to the government*lah.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Carolina Muyang Lileng: *Yes*.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Jadi sekolah yang tidak gunakan.

Puan Carolina Muyang Lileng: Sekolah yang tidak gunakan. *Then* selain daripada itu, bila kita tidak ada - ada juga tapisan kandungan ini sepatutnya menapis web-web terlarang. Akan tetapi bila kita *check*, banyak web yang terlarang masih boleh diakses oleh *students* dengan gambar-gambar yang adalah. *So this is not good for the students and at the same time*, ini adalah kerana dia gunakan *'blacklist'*.

Tuan Pengerusi: *Overload*lah.

Puan Carolina Muyang Lileng: *'Blacklist* itu' dia *blocked* mana-mana *website*...

Tuan Pengerusi: *Overload* lah. Ditengok lucah lepas itu dia tidak dapat akses yang pembelajaran punya modullah.

Puan Carolina Muyang Lileng: *[Ketawa]* Kalau dia pakai 'whitelist' mungkin lebih baguslah. So now kementerian kata akan gunakan 'whitelist' after thislah.

Encik Rosli bin Yaakub: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

...Tuan Pengerusi, saya ingat, saya nampak ada tiga kos yang tersembunyi- pertama, antivirus ini. Keduanya ialah item 8 dalam- item 8 dan nombor 9. Kita tengok item 8 dan 9 ini walaupun konsepnya dua tahun setengah, katakanlah guru-guru dan ibu bapa menggunakan juga perkhidmatan itu, jadi mungkin akan dibayar tetapi tidak dinyatakan dalam *first draft*. *First draft* kata...

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Tuan Pengerusi: Itu saya kata pasal *specification* tadi. Memang kalau kementerian buat *specification* ini memang hancurlah. Sudahlah buat *specification* pun hancur, letak orang untuk *manage* di PMO pun hancur juga, orang yang tidak ada kena-mengena. Jadi memang sama ada sengaja dibuat atau bodoh *[Ketawa]*

Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah: Tuan Pengerusi, pasal PMO ini saya tidak berapa- *actually I want to retract* jugalah, tanya *very clearly about the PMO* ini tadilah, *if you do not mind*- 16 orang ya? Pegawai kerajaan berapa orang?

Puan Carolina Muyang Lileng: Sepuluh orang pegawai kerajaan.

Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah: Yang kontrak berapa orang? Yang dibayar YTL berapa orang?

Puan Carolina Muyang Lileng: Sepuluh orang kakitangan kerajaan dan enam orang kakitangan kontrak.

Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah: Sepuluh orang kakitangan kerajaan yang bayar *and they are not paid by* YTL langsung?

Puan Carolina Muyang Lileng: Memang dia punya gaji itu dibayar oleh kerajaan. Pegawai kerajaan dibayar oleh kerajaan, yang kontrak itu sahaja yang dibayar di bawah peruntukan 1BestariNet tetapi elaun yang macam dia pergi buat kursus *or whatever* itu semua dibayar melalui peruntukan yang RM11 juta tadilah.

Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah: *They are paid by project fund* lah?

Puan Carolina Muyang Lileng: Ya. *Project fund. They are paid by project fund.*

Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah: Gaji dia pun entah-entah masa itu pun dia sudah bayar oleh *project fund*.

Puan Carolina Muyang Lileng: Ya. *For the contract staffs only.*

Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah: Okey, okey.

Datuk Haji Anwar bin Suri: Ada isu...

Puan Carolina Muyang Lileng: Apakah dia? Ada juga isu nanti berkenaan dengan PMO *towards the end*, okey. Okey, *next...* *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Banyak lagi? Ingat sudah habis.

Puan Carolina Muyang Lileng: Belum, masa ada lagi... [Disampuk] So yang ini ada berkenaan dengan pengurusan pejabat pengurusan (PMO) iaitu berkenaan dengan bayaran utiliti, sewaan.

So what happen is that kita nampak bahawa bayaran bagi- *take example one of it is* sewaan ya, yang mana peruntukan yang telah diperuntukkan untuk utiliti, sewaan, hospitaliti, bekalan untuk tahun 2012 adalah lebih daripada yang telah ditetapkan dalam kontrak. Ada dalam jadual, *for example* sewaan. Sewa pejabatnya RM30 ribu sebulan *but* bila YTL tuntutan daripada kerajaan, *what happen is that because in fact PMO office only operated* ini Mac 2012 tetapi sebelum itu tidak ada. Memang telah ada peruntukan untuk sewaan ini pada tahun 2011 yang mana *what they do is that, they add in* tahun 2012, 12 bulan dia tambah dengan Disember punya peruntukan *divide by twelve*. So tiga belas bulan punya peruntukan dibahagi dengan dua belas *so* jadi bila *come to* tuntutan, dia jadi RM32 ribu sebulan untuk sewaan. So kita nampak ini adalah *plus other things else is come together* RM157,940.

So bila kita bangkitkan benda ini, kita nampak dia memang lebih daripada peruntukan. Kontraktor kata dia tidak melebihi peruntukan yang ada untuk tahun tersebutlah tetapi *why should they add* Disember 2011? Itu yang menyebabkan harga dia lebih tinggi sedangkan dia tidak menyewa lagi bangunan itu.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi dipakai

Puan Carolina Muyang Lileng: [Ketawa] Sama juga dengan yang lainlah, utiliti juga dia caj begitu, *electricity*...

Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah: Tahun 2011, PMO *office* tidak pernah wujud?

Puan Carolina Muyang Lileng: Tidak, belum lagi. Kontrak sudah ada tetapi dia belum *operate* lagi.

Tuan Pengerusi: Belum lagi?

Puan Carolina Muyang Lileng: Belum lagi. Sewaan itu dia hanya *start* menyewa Mac 2012.

Tuan Pengerusi: Jadi dia *claim per contract* lah walaupun tidak buat lagi pejabat itu. *Actually, ethically they should not because they have not set up the office yet...*

Puan Carolina Muyang Lileng: Yes.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi dia pakai bajet itu untuk hendak *justify* dia punya *payment*.

Puan Carolina Muyang Lileng: *Not only that*. Macam *electricity* dan *water*, dia tidak pakai pun tetapi dia *claim* macam itu juga.

■1300

'Encik Rosli bin Yaakub': Tuan Pengerusi, saya hendak tanya sikit boleh? Masa masuk dalam kontrak itu, sewa pejabat itu JPPH tentukan *rate*?

Puan Carolina Muyang Lileng: JPPH itu sudah ditetapkan. *We did not check on...* [Disampuk] Tidak ada. *I think it is already incorporated* dalam kontrak dia sahajalah.

Tuan Pengerusi: *It is actual term. They are claiming it even though ethically they should not.*

Encik Rosli bin Yaakub: Maknanya, sepatutnya kalau kadarnya... [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Berapa sebenarnya kadarnya tetapi dia tidak buat.

Puan Carolina Muyang Lileng: Tapak *office* yang disewa itu ialah pejabat di dalam bangunan YTL sendiri di Sentul Raya, YTL punya bangunan.

Tuan Pengerusi: Saya rasa kena panggil bekas KSU dengan *PMO team* yang laksanakan sebab ini nampak macam mereka ini *for whatever reason*, orang kata sama ada berat sebelah ataupun bodoh [Ketawa]

Puan Carolina Muyang Lileng: *Okay the next one, this is the last one. Okay the last one is regarding the PMO Office* juga berkenaan dengan Pengurusan Perubahan dan Sokongan ICT- *Change Management* iaitu yang mana satu program yang dinamakan Program Kesedaran dan Jati Diri. Sejumlah RM164,048 yang telah diadakan di *Park Royal Penang Resort* pada 19 hingga 21 Disember 2012, telah diluluskan tanpa dokumen sokongan. *So this is some kind of improper payment.* Selain daripada itu kos bagi sembilan pegawai kontraktor telah ditanggung di bawah peruntukan Pengurusan Perubahan ini yang mana ia ada FrogAsia dan juga VLE punya orang. Kos keseluruhan program turut melibatkan kos penginapan dan makan minum ahli keluarga peserta.

Tuan Pengerusi: Ahli keluarga pun ada?

Puan Carolina Muyang Lileng: Ada. Ahli keluarga PMO dan juga kadar sewa bilik hotel yang dikenakan adalah melebihi kelayakan pegawai kerajaan yang telah ditetapkan di dalam Pekeliling Perbendaharaan iaitu RM1,000 satu bilik. *So it is already over the government rate.* Walau bagaimanapun, tuntutan telah dibuat oleh kementerian. Tuntutan kepada kontraktor dan kontraktor akan membayar kosnya. *I think* itu sahaja [Ketawa]. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, memang projek ini menyinggung saya. Tiap-tiap kali menara dinaikkan, saya dipanggil, tiap-tiap kali. Saya nampak daripada awal lagi tidak dilaksanakan dengan baik. Saya memang berasa semua yang terlibat terutamanya Ketua Setiausaha dipanggil kerana ramai yang terlibat, kementeriannya bukan sahaja Kementerian Pendidikan, kementerian lain lagi, jabatan lain lagi, ramai. Kita tidak boleh benarkan projek dilaksanakan dengan sedemikian seolah-olah kita tidak ada *accountability* langsung. Memang satu projek yang menyakitkan hati saya.

Tuan Pengerusi: Okey ada apa-apa lagi?

Puan Carolina Muyang Lileng: *I just want to wrap up* apa yang saya bagi tadi. *I think all this problem arise because* kajian keperluan sekolah itu tidak dilaksanakan. Tujuan kajian keperluan sekolah adalah untuk mengkaji di mana letaknya zon yang telah dibuat dan macam mana penyambungan internet itu sesuai atau tidak. *So if they have done all these kajian* sebelum itu, *I think* capaian internetnya saya rasa lebih bagus lagi.

Tuan Pengerusi: *I do not agree with you. To me the content should be separate, different. Provision about them different, software different.* Apa yang saya tidak suka ini, Jawatankuasa MTEN macam bohong, tipu projek ini. Mereka lulus, lepas itu mereka punya *approval* digunakan untuk laksanakan projek ini. Macam *you* kata tadi, *the user's need statement*, tidak ada, tidak dibuat dulu, terus sudah panggil kontraktor pakai MTEN punya *approval*. Jadi saya hendak cadangkan...

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Tuan Pengerusi, *let me.*

Tuan Pengerusi: Okay.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Carolina Muyang Lileng: Untuk Sarawak *at the time, when we did the audit because there are assigned contractor yang di sana untuk dibuat, tetapi tidak menyeluruh dia buat, only kawasan bandar, just a few only... [Disampuk]* Saya rasa sampai itu sebelum, mungkin sekarang dia pergi lagi, *now they have some communication with the state government regarding the building of the tower... [Disampuk]* Local government ya. SACOFA punya isu, ya.

Tuan Pengerusi: Ada lain?

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]: Banyak yang lain tetapi...

Tuan Pengerusi: Okeylah, saya rasa kita semua sebagai Jawatankuasa pun sudah tepu kepala ini. Perkara ini seperti yang disebutkan oleh Timbalan Pengerusi memang bukan menyakitkan hati, menyakitkan kepala juga. Ia melibatkan banyak juga jabatan lain, macam KPTG tadi disebut, macam peranan PMO itu, macam mana peranan KSU lama sebagai Pegawai Pengawal juga nampak macam boleh lepas tangan sahaja. Selepas itu soal penyambungan kontrak yang sepatutnya tidak berlaku kalau projek ini gagal dilaksanakan. Itu saya tanya tadi, dia gagal atau tidak? Datuk Anwari kata tidak memuaskan sahaja. Tidak cukup Datuk. Kalau tidak memuaskan maknanya diberi ruang untuk kontraknya disambung lagi. Kalau kata gagal dan disambung juga, itu satu kesalahan jugalah bagi kita.

Jadi cadangannya, kita panggil KSU masuk. Kita beritahu pada dia kita hendak tangguhkan *hearing* ini dan kita minta dia panggil KSU lama dengan Ketua PMO yang melaksanakan projek ini. Ini semua tahun 2011. Saya rasa kita fokus balik pada tahun 2011 itu. Bagaimana projek ini diwujudkan dan dirancang kerana itulah sumbernya kenapa banyak kecacatan projek ini berlaku.

Datuk Haji Anwari bin Suri: Tuan Pengerusi, KSU telah bersara.

Tuan Pengerusi: Tidak kiralah.

Datuk Haji Anwari bin Suri: Untuk makluman.

Tuan Pengerusi: Nama dia apa?

Datuk Haji Anwari bin Suri: Dato' Dr. Rosli bin Mohamad.

Tuan Pengerusi: Yang pegawai PMO itu?

Puan Carolina Muyang Lileng: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Tahu, tidak kisahlah, panggil juga.

Puan Carolina Muyang Lileng: Yusni.

Tuan Pengerusi: Yusni ya, okey.

Puan Carolina Muyang Lileng: Hilang, tidak dapat dikesan.

Tuan Pengerusi: Carilah, suruh polis cari.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Kita panggil KSU masuk, lepas itu kita beritahu dia kita tangguhkan dan kita minta dia datang sekali lagi pada hari yang lain dengan KSU lama dan pegawai PMO yang terlibat pada ketika itu. Boleh ya? Okey.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

[Saksi-saksi daripada Kementerian Pendidikan Malaysia mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]

■1310

Tuan Pengerusi: Tan Sri, selamat petang dan selamat datang ke Mesyuarat PAC kita pada petang ini. Sekali lagi saya minta maaf. Perkara yang dibawa pada hari ini sebenarnya banyak tidak berkenaan dengan Tan Sri sebab Tan Sri baru mengambil alih sebagai KSU kementerian pada tahun 2014, bukan?

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad [Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan]: Ya, 3 Jun 2013.

Tuan Pengerusi: Sebab kami tadi mengambil masa yang panjang mendengar taklimat dari Jabatan Audit Negara yang tidak sepatutnya panjang, tetapi banyak isu yang telah timbul yang menyebabkan kita rasa pada hari ini kita tangguhkan persidangan pada hari ini. Ini kerana kita hendak panggil Tan Sri untuk datang pada hari yang lain untuk menjawab isu yang berkenaan dengan penambahbaikan yang Tan Sri buat. Akan tetapi kerana timbul isu-isu lain seperti peranan KSU lama sebagai pegawai pengawal daripada segi perancangannya memang kalau saya sebutlah, tadi dalam mesyuarat saya kata sama ada dia tidak bertanggungjawab ataupun memang dia tidak tahulah.

Ini terus terang saya cakaplah kerana peranan dia sebagai pegawai pengawal kita anggap sebagai gagal. Juga kepada Ketua *Project Management Office* yang juga gagal untuk hendak melaksanakan projek ini dengan baik pada ketika itu dan juga kepada *Legal Officer* kementerian yang daripada segi kontrak nampak gaya tidak mantap dia punya *contract negotiation, contract terms* dia. Jadi kita hendak minta Tan Sri datang balik sekali lagi pada hari yang lain untuk memberi penerangan mengenai penambahbaikan yang akan dibuat, tetapi kita juga hendak KSU lama, Dato' apa Datuk?

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: Dato' Dr. Rosli.

Tuan Pengerusi: Dato' Dr. Rosli untuk dia datang sekali walaupun dia sudah bersara. Saya dimaklumkan dia sudah bersara, tetapi hendak dia datang juga. Jadi minta tolong Tan Sri kesan dia di mana untuk menjawab isu khusus kepada apa yang berlaku pada permulaan projek ini tahun 2011 dahulu. Selepas itu Ketua PMO pada ketika itu.

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: Tuan Pengerusi, Ketua PMO pada ketika itu Encik Yusni Afindi telah pun meletak jawatan.

Tuan Pengerusi: Tahu, tetapi kita hendak...

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: Hendak cuba kesanlah.

Tuan Pengerusi: Hendak cuba kesan dia juga.

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: Ya.

Tuan Pengerusi: Ini kerana banyak perkara yang beliau laksanakan sebagai Ketua PMO itu nampak seperti berat sebelah kepada syarikat pelaksana.

Jadi ini pun menimbulkan tanda tanya kepada kita juga sama ada beliau menjalankan tanggungjawab dia mengikut kepentingan kerajaan atau kepentingan syarikat.

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: Baik.

Tuan Pengerusi: Jadi, itu dua perkara yang kita minta Tan Sri uruskan supaya kita akan buat prosiding ini pada masa yang akan datang. Jadi saya mohon maaf kerana pertama, kami telah membuat Tan Sri menunggu di luar lama tadi.

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: Tidak mengapa.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi lebih baik kita buat perkara ini secara teliti dan kita panggil mereka yang terlibat, kita buat sekali gus dia punya prosiding PAC berkenaan dengan 1BestariNet ini. Jadi saya ucapkan terima kasih kerana kedatangan Tan Sri dan pegawai-pegawai pada hari ini dan kita jumpa lagi pada hari yang lain.

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ada soalan tadi. Kami dimaklumkan secara tidak rasmi bahawa syarikat YTL diberikan sambungan kontrak bernilai RM1 bilion lebih baru-baru ini. Adakah perkara ini betul?

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: Betul.

Tuan Pengerusi: Betul?

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: Betul.

Tuan Pengerusi: Sudah *disign*?

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: Kontrak belum *sign*.

Tuan Pengerusi: Belum *sign*.

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: Ini kerana pada ketika ini pegawai-pegawai saya sedang memurnikan draf kontrak yang baru, mengambil kira kelemahan dalam kontrak yang lama. Jadi saya tidak hendak draf ini merupakan satu *operational matter*, tetapi kita *conduct lab* satu hingga dua minggu. Ahli-ahli bengkel ini bukan sahaja daripada Kementerian Pendidikan Malaysia. Kita melibatkan daripada kementerian lain yang berkaitan seperti SKMM, MAMPU dan sebagainya supaya kita hendak memperketatkan semua klausa kontrak ini. Kita tidak hendak *repeat* balik kelemahan *for example, 4 megabytes per second best effort*. Apa maksud *best effort*? Kalau *best effort* maksudnya tidak capai pun tidak apa. Tidak ada juga klausa yang membenarkan kerajaan untuk mengenakan denda. So perkara-perkara ini memang pada kami tidak wajar dan tidak sepatutnya berlaku. Sesebuah kontrak kerajaan mesti melindungi dan memelihara kepentingan kerajaan *but at the same time being fair to the vendor or the contractor*.

Dalam kes ini izinkan saya, masa Tuan Pengerusi tadi *mentioned that the Legal Officer of ministry* daripada segi kontrak yang tidak mantap. *Legal Officer* memang dalam ministry kita sudah *discuss this matter even in the Exit Conference*. *Legal Officer* sebenarnya telah menyediakan *legal opinion* secara bertulis dan telah majukan kepada KSU dan juga *the team*. Akan tetapi katanya KSU *and the team* telah mengetepikan *legal opinion* tersebut.

Penasihat Undang-Undang (PUU) ada bersama saya pada hari ini, Puan Fazidah sekiranya hendak memberikan keterangan yang lebih. Beliau ada bukti-bukti berkaitan.

Tuan Pengerusi: Akan datanglah. Akan tetapi puan ini *Legal Officer* masa itukah?

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: *She is the same Legal Officer.*

Tuan Pengerusi: *Same Legal Officer. Okay.*

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: *Yes.*

Tuan Pengerusi: *That is new information for us pasal the main issue also is about 1BestariNet ini the contract has been extended to the vendor even though they did not perform in the first contract. That is also another question that we will be looking at.*

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: *We will explain.*


Tuan Pengerusi: Baik Tan Sri, jadi kalau tidak ada apa-apa lagi saya tangguhkan mesyuarat ini. Saya ucapkan terima kasih Tan Sri.

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: Terima kasih. *Thank you.*

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.19 petang.]

Bil.22

**Rabu
8 April 2015**



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Mengenai:

Prosedur Kawalan Penyewaan Tanah Persekutuan

- **Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar**
 - **Ketua Pengarah Tanah dan Galian**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KETIGA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK JAWATANKUASA 2, TINGKAT 1, BLOK A
PARLIMEN MALAYSIA
RABU, 8 APRIL 2015**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai] - *Pengerusi*
YB. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]
YB. Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]
YB. Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]
YB. Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]
YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]
YB. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]
YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]

Tidak Hadir [*Dengan Maaf*]

YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] - Timbalan Pengerusi
YB. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]
YB. Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]
YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]
YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

URUS SETIA

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha (Perundangan dan Prosiding)]
Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi [Pegawai Khas Pengerusi Jawatankuasa]
Puan Siti Rohani binti Roslan [Penolong Pegawai Teknologi Maklumat]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub [Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan]
Encik Zulkipli bin Abdullah [Pengarah Audit Audit Khas dan Penyelidikan]
Ir. Md. Wahid bin Mohd Nor [Pengarah Audit Audit Khas dan Penyelidikan (Bahagian Pengurusan Air)]
Tuan Haji Y. Hamdan bin Mohd. Dom [Timbalan Pengarah Audit Khas dan Penyelidikan (Bahagian Pengauditan ICT)]
Puan Carolina Muyang Lileng [Ketua Penolong Pengarah Audit Khas dan Penyelidikan (Bahagian Pengauditan ICT)]
Cik Raftah binti Ibrahim [Timbalan Pengarah Audit Kerajaan Persekutuan Kewangan (Bahagian II)]

samb/-

HADIR BERSAMA *(samb/-)***Jabatan Audit Negara** *(samb/-)*

Puan Nor Sabariah binti Abdul Wahab [Timbalan Pengarah Audit Kerajaan Persekutuan Pelbagai Kementerian/Jabatan II (Bahagian I)]
Puan Suzana binti Mohamad Azman [Penolong Juruaudit Audit Kerajaan Persekutuan Pelbagai Kementerian/Jabatan II (Bahagian I)]
Puan Hamidah binti Razlah [Penolong Juruaudit Audit Kerajaan Persekutuan Pelbagai Kementerian/Jabatan II (Bahagian I)]
Encik Zakaria bin Md. Alip [Audit Kerajaan Persekutuan Pelbagai Kementerian/Jabatan II (Bahagian I)]

Kementerian Kewangan

Cik Noorshaizan binti Mohd Saidin [Penolong Setiausaha]

Jabatan Perkhidmatan Awam

Encik Ali Badaruddin bin Abdul Kadir [Timbalan Pengarah Kanan (Bahagian Perkhidmatan)]

Jabatan Akauntan Negara

Puan Noraini binti Alias [Timbalan Pengarah]
Puan Maslina binti Kamarudin [Ketua Penolong Pengarah Kanan]

Unit Perancang Ekonomi

Encik Mohamad Razif bin Haji Abdul Mubin [Pengarah Seksyen Ekonomi Alam Sekitar dan Sumber Asli]

Pejabat Ketua Pengarah dan Galian

Dato' Sri Zoal Azha bin Yusof [Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar]
Dato' Dr. Mohd Ali bin Mohamad Nor [Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar]
Encik Idris bin Yussof [Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat JPS]
Dato' Sri Azemi bin Kasim [Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian]
Datin Junaidah binti Kamarruddin [Setiausaha Bahagian Kanan NRE]
Dato' Haji Haron bin Haji Abdul Kader [Pengarah Bahagian]
Encik Faridz Gohim bin Abdullah [Penasihat Undang-undang NRE]
Encik Suhaimi bin Mamat [Setiausaha Bahagian Sumber Air, Saliran dan Hidrologi]
Encik Abdul Ghani bin Sulaiman [Ketua Unit Audit Dalam NRE]
Puan Rosidah binti Khamis [Setiausaha Bahagian, Bahagian Tanah, Ukur dan Pemetaan]
Encik Saad bin Nazir [Pengarah Bahagian Penguat kuasa dan Hasil Persekutuan]
Encik Anesh A/L Ganason [Ketua Penolong Pengarah Bahagian Harta Tanah Persekutuan]
Puan Kamarina binti Mohd Zain [Pegawai Teknologi Maklumat, Bahagian Pengurusan ICT]

LAPORAN PROSIDING**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL KEDUA****Rabu, 8 April 2015****Bilik Jawatankuasa 2, Tingkat 1, Blok A, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.36 petang***[Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed
mempengerusikan Mesyuarat]*

Tuan Pengerusi: Selamat pagi saya ucapkan kepada Ahli-ahli Jawatankuasa PAC serta wakil-wakil dari Jabatan Ketua Audit Negara dan wakil-wakil kementerian. Pada hari ini kita akan mengadakan prosiding untuk memanggil Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Ketua Pengarah Tanah dan Galian bagi mendengar penjelasan berkenaan dengan prosedur kawalan penyewaan tanah Persekutuan. Sebenarnya, ini lebih kepada pengurusan tanah Jabatan Persekutuan yang sebenarnya timbul dalam prosiding-prosiding lain yang telah kita adakan sebelum ini.

Jadi, perkara hari ini tidak melibatkan LKAN secara langsung tetapi kita meminta LKAN kalau ada input-inputnya daripada penyiasatan yang lepas, boleh kita mengutarakan soalan tersebut kepada kementerian. Jadi, saya selaku Pengerusi PAC telah menulis surat kepada KSU Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan JKPTG untuk menyediakan penjelasan kepada PAC terhadap beberapa isu. Pertama adalah mengenai isu tanah Kerajaan Persekutuan yang di bawah kawal selia JKPTG yang disewa kepada syarikat pembinaan PFI Sdn Bhd, milik Kementerian Kewangan.

Kedua, penjelasan mengenai sistem berkomputer JKPTG bagi tujuan pengekodan tanah Persekutuan. Ketiga adalah status menara Menara 1BRIS untuk 1BestariNet milik Kementerian Pendidikan Malaysia. Isu ini timbul semasa kita ada prosiding 1BestariNet hari itu. Selepas itu, kelulusan tanah JKPTG untuk *walkway* di Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur, berserta projek-projek mega lain milik Kerajaan Persekutuan. Ini timbul semasa kita panggil kementerian— saya ada panggil Datuk Bandar itu hari, Kementerian Wilayah Persekutuan.

Selepas itu, penjelasan mengenai tanah terbiar milik Kerajaan Persekutuan di negeri dan di luar negara serta tanah yang dimiliki untuk MRT, LRT dan KTMB. Selepas itu, penjelasan mengenai tanah Persekutuan yang digazet untuk empangan. Ini timbul daripada—

Datuk Haji Anwari yang bawakan perkara ini. Jadi, tanpa melengahkan masa lagi saya rasa kalau boleh kita dapatkan sedikit *background* dari Jabatan Audit.

■1140

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub [Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan]: *Bismillaahi Rahmaani Rahiim, assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, Pengerusi PAC dan Ahli-ahli Yang Berhormat selaku Ahli-ahli PAC. Terlebih dahulu saya *just* hendak maklum secara kasarnya ekoran sebagaimana yang dinyatakan oleh Tuan Pengerusi tadi berkenaan dengan isu-isu yang ada dalam Jabatan Audit yang berkaitan dengan penyewaan tanah ini, ada dua sebenarnya.

Pertama, berkenaan dengan Yang Berhormat sebut tadi berkaitan dengan BestariNet. So, yang kedua berkaitan dengan – kita ada menjalankan pengajian pengurusan operasi empangan yang telah dilaporkan dalam LKAN tahun 2011. Akan tetapi PAC tidak memanggil untuk kita bincang berkaitan tersebut. Bagi yang BestariNet, saya rasa apa yang telah dibincangkan pada dua minggu lepas iaitu pada 17 hari bulan yang mana telah dibangkitkan berkaitan dengan penyewaan pencawang.

Kalau kita tengok di sini KPM, isunya berkaitan dengan penyewaan tapak bagi pembinaan pencawang yang mana KPM telah memohon pandangan dan ulasan JPPH mengenai kadar sewaan bulanan yang wajar diberikan kepada kontraktor. So, JPPH dalam surat mengesyorkan kadar sewa bulanan berjumlah RM1,200 bagi setiap tapak. KPM telah membuat tuntutan bayaran sewaan tertunggak berjumlah RM32.27 juta setelah perkara ini dibangkitkan, isu ini dibangkitkan.

Kontraktor enggan membayar peruntukan tersebut kerana pada asalnya kementerian hanya mengenakan RM1,000 bagi keseluruhan tapak. Apa yang mungkin kita boleh tunjuk di sini, cuba tengok pada klausa empat. Okey, kalau mengikut Pesuruhjaya Tanah Persekutuan telah mengeluarkan Garis Panduan Pengurusan Penyewaan Tanah Persekutuan oleh Kementerian dan Jabatan Pengguna bagi ruang bangunan yang berkuat kuasa mulai 24 April 2013.

Garis panduan ini telah meletakkan kadar penyewaan mana-mana ruang bangunan termasuk kawasan lingkungannya, kadar sewaan hendaklah ditentukan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Pengurusan, pungutan hasil dan penyelenggaraan akaun deposit hendaklah – fokus kita kepada nombor dua tadilah. Kadar sewaan hendaklah ditentukan dan nilai oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta. So, *next...*

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Saya hendak tanya dulu, di situ. Maknanya Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) ini hanya mengeluarkan surat berkaitan dengan garis panduan pada 24 April 2013. Bermakna sebelum 24 April 2013 itu tidak ada panduan bagi jabatan kerajaan dalam urusan penyewaan ataupun penggunaan harta kerajaan, tidak ada?

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Boleh tanya dia nanti.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Okey, okey. *[Ketawa]*

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Okey, bagi kes ini apa yang sebenarnya berlaku di mana kadar sewaan yang dikenakan adalah RM1,000 per tapak. Sekarang ini ia tidak selari dengan keputusan yang dibuat oleh JPPH yang pada asalnya meletakkan kadar sewa RM1,200 per tapak. Apa yang dikenakan adalah RM1,000 keseluruhan tapak. Itu saja isunya. Kemungkinan kita boleh persoalkan asas yang digunakan oleh pihak JPPH dalam menentukan kadar.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Harta, nilainya berapa?

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: RM1,200 yang mula-mula.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: RM1,200 sebulan?

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Sebulan per tapak.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Sebulan per tapak untuk keseluruhan?

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Ya.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Akan tetapi KPTG *overruled*, menurunkan kepada RM1,000 setahun.

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Setahun, keseluruhan tapak.

Puan Carolina Muyang Lileng [Ketua Penolong Pengarah Audit Khas dan Penyelidikan (Bahagian Pengauditan ICT)]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Untuk keseluruhan. So, dia kata ya. Lanjutan daripada itu kementerian pun keluarkan tuntutan dengan jumlah berdasarkan kepada amaun tadi *and then* kontraktor pun bayar dia punya amaun itu iaitu sebanyak RM2,000 lebih. *Sorry, I am too fast.* Dia bayar sebanyak ini. *[Sambil rujuk slaid]* Pada 30 Jun 2014 ini dia bayar, sebanyak cagaran berserta dengan sewaan lah RM2,166.67 iaitu dari tempoh 1 Mei 2012 sehingga 30 Jun. *Plus* wang cagaran. So, dia bayar ini. Akan tetapi bila kami pergi mengaudit, kami nampak ada percanggahan di antara keputusan jawatankuasa mesyuarat tadi, keputusan mesyuarat dengan surat tersebut.

Kita pun tulis surat kepada KPTG dan minta penjelasan. Bila dia jawab kami punya surat, dia kata memang RM1,000 setahun setapak. Dia ada kesilapan di situ. Kementerian yang

buat itu – *also do their part, they also write in to KPTG* minta penjelasan balik. Dia kata keputusan itu adalah RM1,000 setahun bagi setiapak. Jadi, dia buat tuntutan tetapi kontraktor enggan membayar. Sehingga hari ini masih lagi – *the latest one that we have, this is the* tuntutan yang dibuat oleh kementerian tetapi belum ada keputusan lagi. Mungkin ada keputusan yang terbaru, kita belum mendapat maklum balas lagi.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *How did it arrived until RM2,166.67 ini?*

Puan Carolina Muyang Lileng: Dia ada tempohnya, ada tempohnya.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Agaknya dua tahun berapa bulan? Dua tahun satu bulan?

[Ketawa]

Tuan Pengerusi: Sebab itu soalan yang akan ditanya semasa Kementerian Pendidikan Malaysia datang balik nanti mengenai tanah ini, adakah kontraktor menggunakan *tower* ini untuk dia punya ...sendiri? Kalau dia gunakan maknanya ini satu keraguan besar lah yang akan timbul fasal KPTG kata ini macam tanah punya kerajaan. Jadi maknanya *minimal caj* la kan. Akan tetapi sekarang ini kalau dia caj .. caj daripada kementerian, tapi kontraktor pakai untuk dia punya *own personal use*, itu sudah melanggar lah.

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Maksudnya di sini penggunaannya bukan hanya untuk sekolah sahaja. Untuk *business* dia pun dia guna.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Itu memang penemuan Audit? *Then*, okey lah.

Tuan Pengerusi: *That's why* keraguan timbul juga kepada KPTG ini sama ada dia buat benda ini *both Board* atau tidak. Atau sudah ada pakat-pakat?

■1150

Pasal kalau betul lah orang kata digunakan untuk kegunaan komersial. Jadi, mereka patut *charge* lebih.

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Cuma Tuan Pengerusi, sebenarnya kalau boleh tanya juga, kerana saya dengar keputusan terbaru adalah akan dikenakan RM120 per tapak, per year. Turun lagi, keputusan terbaru.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: KPTG punya hal.

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Saya pun pelik. Itu, *just* kita dengar.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *Source* dia ialah perjanjian kontraktor dengan KPM waktu 1BestariNet. Okey, apa *source* itu kata?

[Berbincang sesama sendiri]

Puan Carolina Muyang Lileng: *The first slide*, Yang Berhormat. Untuk makluman Tuan Pengerusi, sebenarnya dalam kontrak itu ia tidak ada menyebutkan berkenaan dengan sewaan.

Cuma yang- *look at the first slide* itu, yang kita tengok klausa 27, *because* alasan kontraktor tidak mahu bayar, *because the 27.7 and also 27.10*. Yang seterusnya.

But, when we read this contract it doesn't mean- I mean, memang tidak ada tapi kerajaan hanya memberi pertimbangan kebenaran dan kelulusan untuk mendirikan dan membina 1BRIS ini di kawasan sekolah, itu sahaja. *The second one, it says that* klausa 27.10, kontrak 1BestariNet antaranya menyatakan semua kos untuk pemasangan penyelenggaraan dan pengurusan adalah di bawah tanggungjawab pihak kontraktor. *The word 'rental'* itu sahaja yang tidak disebut. *That is the one that is questioned by the contractor*.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Kalau kita- ya.

Puan Carolina Muyang Lileng: *But*, kita dimaklumkan bahawa PUU pun ada sebut- *I think, there's something on the PUU's note that she also did something on this. [Disampuk]* Apa dia?

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Daripada PUU mengatakan sepatutnya dikenakan bayaran walaupun pandangan kontraktor percuma.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Saya hendak jadi *lawyer* pula ni. Okey, 27.7 kontrak itu tapi dia ada surat on 28 Februari 2012. *On the number three, surat itu would have supersede* kontrak sebab- betul tidak? Surat itu *would have superseded the contract* kan? Oleh sebab surat itu kata KPM telah bersetuju dengan cadangan pihak kontraktor untuk memasang struktur 1BRIS di sekolah-sekolah seluruh Malaysia dengan menyenaraikan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh kontraktor. Antaranya, pemasangan perlu di proses secara sewaan.

Puan Carolina Muyang Lileng: Yes. Ada.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Okey. Surat ini, lepas *clause* ni ke, lepas *agreement*?

Puan Carolina Muyang Lileng: Yes. So, dia buat tuntutan lah. Senaraikan dia punya peraturan, itu ada.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Okey, ada surat penerimaan daripada kontraktor tidak? Ada terima surat balasan daripada kontraktor tidak? *After 28 Februari 2012* itu, bila KPM hantar surat pada kontraktor. Apa jawapan kontraktor? Dia setuju ataupun tidak?

Tuan Haji Y. Hamdan bin Mohd. Dom [Timbalan Pengarah Audit Khas dan Penyelidikan (Bahagian Pengauditan ICT)]: Mengenai mesyuarat yang dihadiri dengan kontraktor pada Julai 2013, di mana mereka berbincang bersama dalam mesyuarat itu.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi soalan Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, dia kata sama ada kontraktor ada atau tidak *indication* bahawa dia terima, tidak terima?

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Carolina Muyang Lileng: *So far, we don't have any of the letters from them. So, sini tiada. Cuma dalam mesyuarat ini dia ada sebut yang kontraktor itu kata dalam dia punya perbincangan mesyuarat, iaitu mesyuarat perjanjian penyewaan, one of the minutes he says that the contractor itu, syarikat menyatakan bahawa melalui pemahaman dia dan persetujuan yang dicapai melalui terma dan yang termaktub di dalam dokumen kontrak ialah meletakkan struktur 1BRIS sahaja. Then after that, the syarikat hanya bertanggungjawab terhadap kos melibatkan pemasangan, that is the klausa tadilah.*

So, melalui perbincangan awal, pihak syarikat memaklumkan bahawa tidak akan menerima kontrak itu sekiranya tidak dibenarkan untuk mendirikan struktur 1BRIS secara percuma. So, seolah-olah dia ada perjanjian di situ. Then, pihak syarikat memaklumkan bahawa kemudahan capaian 1BestariNet hendaklah merangkumi seluruh kawasan sekolah dan capaian tersebut hanya akan diperolehi melalui struktur 1BRIS yang didirikan oleh pihak syarikat. So, itu yang dalam minit dia itu. *We don't have any letter yang mengatakan dia tidak setuju atau setuju. We don't have that.*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: No. 8 tadi ke? No. 8 itu, apa minit mesyuarat kata itu?

Puan Carolina Muyang Lileng: Yang minit mesyuarat ini. Yang saya sebut tadi syarikat mengatakan bahawa melalui pemahaman dan persetujuan yang dicapai, 1BRIS ini termaktub dalam dokumen kontrak ialah peletakan struktur 1BRIS di kawasan sekolah adalah secara percuma.

Syarikat hanya bertanggungjawab terhadap kos yang melibatkan pemasangan, penyelenggaraan dan pengurusan 1BRIS. Selain daripada kos tersebut adalah di bawah tanggungjawab pihak kerajaan. Selain itu, kerajaan juga bertanggungjawab untuk memberi pertimbangan kebenaran dan kelulusan untuk mendirikan dan membina peralatan 1BRIS bagi membolehkan pihak syarikat membekalkan perkhidmatan tersebut. Melalui perbincangan. Ya, itu yang tadi saya ada *mention* itu. Akan tetapi pada awal...

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Siapa *chair meeting* no. 8? Siapa *chair*?

Puan Carolina Muyang Lileng: *Chair meeting* ini adalah pengerusi dia, En. Shahid-din bin Mohd. Khatib, KPM.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Apa jawatan dia?

Puan Carolina Muyang Lileng: Kita tidak ada jawatan di sini. Maaf. Dalam minit tidak ada *mention* jawatan nanti kena *check* balik.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Dalam minit itu adakah dia bersetuju dengan kontraktor? Apa keputusan minitnya? Apa keputusan mesyuaratnya?.

Puan Carolina Muyang Lileng: *Actually*, keputusan minitnya tidak ada keputusan yang mengatakan ada kesimpulan. Di sini ia kata perbezaan tafsiran mengenai klausa dalam penyediaan tapak 1BRIS di antara KPM dengan syarikat YTL masih wujud berdasarkan arahan KPM. *Because*, di sini ada juga dari PUU ada juga menyatakan bahawa dia memaklumkan bahawa walaupun di dalam dokumen kontrak perjanjian tidak menyebut mengenai sewaan tapak tetapi perlu mengambil kira peraturan dan garis panduan sedia ada untuk penggunaan tapak tersebut. *Then*, pihak PMO juga memaklumkan bahawa asas kepada projek ini adalah KPM hanya membeli perkhidmatan sahaja, segala urusan yang berkaitan dengan peralatan peranti dan struktur adalah di bawah tanggungjawab syarikat. KPM membenarkan pihak syarikat untuk menggunakan tapak sekolah dan ianya tertakluk kepada peraturan pihak PBT di lokasi yang terlibat.

Dalam dokumen kontrak 1BRIS tidak diterangkan secara terperinci memandangkan KPM hanya membeli perkhidmatan. Segala urusan yang melibatkan menara 1BRIS ini adalah di bawah pihak syarikat dan dikendalikan oleh BPPA untuk penggunaan tapak. Pihak syarikat juga telah dimaklumkan bahawa 1BRIS adalah perkara yang berasingan dengan kontrak perkhidmatan dan perlu mematuhi peraturan sedia ada.

Tuan Pengerusi: *You* buka mikrofon atau tidak?

Puan Carolina Muyang Lileng: Apa dia?

Tuan Pengerusi: *You* buka mikrofon atau tidak bila *you* cakap?

Puan Carolina Muyang Lileng: *Sorry*, maafkan saya. Tiada mikrofon tapi sini dekat.

Tuan Pengerusi: *You* datang depan, biar rekod dalam mikrofon. Saya pun ada dua surat ini daripada dua surat yang berasingan. Satu, daripada Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran Malaysia, Dato' Rosli bin Mohamed kepada YTL *Communication* Sdn Bhd, untuk perhatian Puan Yasmin binti Mahmud. Jadi, tajuk surat, Cadangan Pemasangan Struktur 1BRIS Di Sekolah-sekolah Bagi Pelaksanaan Projek 1BestariNet Di Sekolah-sekolah Seluruh Malaysia.

Surat ini bertarikh 28 Februari 2012. Dalam surat ini ada menyebut mengenai syarat-syarat yang diberikan kepada YTL untuk hendak menjalankan projek ini. Di sini saya hendak merujuk kepada (ii).5. Ditulis sini adalah penyewaan tapak ini adalah untuk tujuan pemasangan struktur 1BRIS sahaja. Selepas itu, seperti yang disebut oleh Puan Carolina Muyang Lileng tadi, penyewa belum dapat kelulusan lesen, permit perniagaan dan pelan pembangunan dari pihak berkuasa tempatan. Jadi, pasang *tower* sahaja, tidak sebut langsung mengenai hendak guna *tower* itu untuk apa kan?

■1200

Selepas itu di sini dia "Kata kadar sewaan adalah mengikut nilai yang diberikan oleh pihak Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta". Kemudian, di tulis di sini "Penyewa tidak dibenarkan memberikan sewaan kecil kepada pihak ketiga". Dia tidak sebut fasal penyewa itu sendiri hendak menggunakan tower itu. Selepas itu yang lain ini dia kata "Kegagalan puan memberikan maklum balas dalam tempoh yang diberikan boleh mengakibatkan kelulusan ditarik balik atau dibatalkan". Maknanya sebenarnya surat ini dibagi tujuh hari sahaja untuk YTL jawab. Tahun 2012 ya. YTL jawab melalui surat dia 27 April 2014. Dua tahun selepas itu baru dia jawab.

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Yang ini bangkit selepas isu sudah timbul.

Tuan Pengerusi: Selepas Jabatan Audit sudah bangkit mengenai isu ini baru dia jawab, dia masih katalah walaupun dalam syarat-syarat perjanjian 1BestariNet jelas menyatakan bahawa kami berhak dan dibenarkan membina struktur 1BRIS di kawasan sekolah tanpa apa-apa bayaran. Akan tetapi dia orang setuju hendak bayar mengikut surat ini.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Dia *refer* surat itu kah?

Tuan Pengerusi: Dia *refer* surat yang inilah.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Dia *refer* surat...

Tuan Pengerusi: Tidak, tidak dia *refer* surat lain. Dia *refer* surat daripada Tuan Haji Shahiddin bin Mohd Khatib, Setiausaha Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset.

Puan Carolina Muiyang Lileng: *I think that one is the letter rental* Tuan Pengerusi, berkenaan dengan yang *RM1,000 per year* untuk...

Tuan Pengerusi: Ya lah, maknanya *this issue* kalau ikut surat ini, surat yang awal oleh Dato' Rosli, Kementerian Pendidikan patut sudah batalkan kontrak ini.

Puan Carolina Muiyang Lileng: Ya.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Maknanya kementerian atau KSU ini dia tidak *pursue*...

Tuan Pengerusi: Dia tidak *pursue*.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Selepas notis itu.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Yang Berhormat itulah kita tidak tahu. Saya tengok isu dia, dua. Pertama, isu sewa. Kedua, isu menyalahgunakan tapak itu untuk perniagaan dia.

Tuan Pengerusi: Tidak, itu *silent*, dia tidak sebut. Dia cuma sebut tidak boleh sewa pada orang ketiga. Tidak sebut dia gunakan eksklusif untuk dia, untuk *network* dia.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Okey, isu pertama dulu. Isu pertama ini kalau kontrak kata tidak perlu bayar, cuma sama ada surat yang 28 Februari yang Tuan Pengerusi baca itu,

dia jawab tidak surat itu? Kedua, adakah dia bersetuju sebab ini arahan daripada Kementerian. Perjanjian tidak menyatakan. Itu saya kata kecuali surat ini dia *supersede* perjanjian awal, baru kita ada *local standi* untuk *question*. Sekarang ini kalau dia tidak hendak bayar pun apa hak kita kalau *agreement* itu kata macam itu.

Tuan Pengerusi: Mungkin itu kelemahan di Kementerian Pendidikan sendiri. Akan tetapi surat daripada KSU ini dia sudah *define* tanggungjawab kementerian dan YTL *to further*. Maknanya kata kalau tidak – ada beberapa syarat ini. Ada 15 perkara yang telah dirujuk kepada pihak YTL untuk dilaksanakan. Kalau tidak dia kata dia boleh tarik balik. Dia boleh batalkan kontrak ini.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Itulah... itu arahan daripada dia, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya lah. Oleh sebab itu saya kata tadi *link* dia sebenarnya begini. Kementerian Pendidikan ada masalah dengan tidak memperincikan kontrak ini dengan baik. Maknanya dia tidak *cover the loophole* di mana YTL sendiri boleh pakai *tower* itu untuk dia punya kegunaan sendiri. Fasal dia *sign* surat ini dengan YTL Communications yang kalau YTL Communications sendiri menjalankan *business YES* itu, maknanya dia tidak melanggar syarat itu dengan menyewa kepada pihak ketiga. Akan tetapi Kementerian Pendidikan patut *cover* benda ini. Memang untuk melindungi kepentingan kerajaan, memang kerajaan kena *cover loophole* itu.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Tuan Pengerusi, kita balik pada *point 27.7*. Kontrak itu kata “Kontrak 1BestariNet menyatakan kerajaan akan memberi pertimbangan, kebenaran, kelulusan untuk mendirikan, membina dan atau memasang sebarang perkakasan atau peralatan 1BRIS ini yang diperlukan dalam kawasan tapak pengguna 1BestariNet”. Jadi, walaupun dia kata tidak boleh hendak – dia tidak ada kata *silent*, kata dia tidak boleh *outsource* pada orang lain, dia sendiri tidak boleh guna selain daripada pengguna 1BestariNet.

Tuan Pengerusi: 1BestariNet, okeylah...

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Itu *source* dia, sudah *clear define*. Berniaga lain sahaja dia tidak bolehlah. Oleh sebab itu saya kata itu satu. Kedua, sama ada kita terlepas pandang dari segi sewaan atau tidak. So, kalau kita sudah *sign agreement* memang tidak ada sewa, sekarang ini kita hendak *charge* dia sewa dia tidak hendak bayar, itu masalah kitalah pula. Kita *negligent* lah *in away*. Kita tinggalkan benda-benda yang penting.

Tuan Pengerusi: Kementerian Pendidikan lah kata begitu. Akan tetapi soalnya sekarang ini masa perundingan yang dibuat semua ini, adakah wakil JKPTG dilibatkan dalam mesyuarat tersebut?

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *AG, Legal advisor.*

Tuan Pengerusi: *Legal advisor* memang adalah. Akan tetapi adakah JKPTG dilibatkan dalam perundingan ini? Ada tidak mesyuarat yang dibuat hendak bincangkan fasal kontrak ini dan juga penggunaan tanah ini.

Tuan Haji Y. Hamdan bin Mohd Dom: Saya rujuk pada minit mesyuarat perbincangan penyewaan tapak ini ada kehadiran daripada wakil JKPTG, dalam minit mesyuarat ada.

Tuan Pengerusi: Maknanya wakil JKPTG, kalau dia tahulah benda ini, kadar sewa itu sepatutnya dikekalkan. Dia tidak tegas. Okeylah, jadi hendak simpulkan benda ini Jabatan Audit punya *findings* kata *tower* ini pakai untuk 1BestariNet dan *other commercial use*, betul?

Encik Zulkipli bin Abdullah [Pengarah Audit Khas dan Penyelidikan]: Dia begini Tuan Pengerusi. Kes pertama ialah *tower* ini menjadi milik YTL, bukan sekolah. Bererti *belongs to them* di dalam tanah sekolah. Bererti kalau *it's not belongs to the school* dia kena bayarlah sewa, itu satu.

Kedua, isunya yang saya nampak di sini ialah setiap sewa hendaklah di *value* oleh JPH dan telah pun di *value* sebanyak RM1,200 untuk satu tapak. Akan tetapi kemungkinan apabila kita panggil JKPTG nanti atas mandat apa yang membolehkan beliau menurunkan harga sewa. Okey, itu yang kedua.

Ketiga, kenapa dia boleh *overrule* JPH kerana dalam peraturannya ialah mesti mengikut *figure* itu. Telah dinyatakan bahawa penggunaannya hanyalah *purely* untuk 1Bestari. Akan tetapi seolah-olah Pejabat Tanah tidak mengetahui bahawa bangunan itu tidak digunakan untuk 1BestariNet sahaja. Digunakan untuk *for your info*, mungkin ialah untuk sistem yang dijual di pasaran.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Yes.

Encik Zulkipli bin Abdullah: Yes. So, itu keadaan dia.

Tuan Pengerusi: Maknanya dia tidak pantau pun sama ada syarat-syarat untuk penyewaan itu dipatuhi oleh YTL atau tidaklah. Okey.

Tuan Haji Y. Hamdan bin Mohd Dom: Cuma di sini Tuan Pengerusi, bila kita pergi sekolah, data *slow* kita bertanya kenapa *slow* ini, mereka mengatakan bahawa kemungkinan diluar pakai. Akan tetapi mereka tidak bagi bukti secara saintifiklah sebab guru-guru mengeluh *slow*, kita kata kemungkinan di kongsi sama rangkaian ini. *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi: Tidak itu andaian, itu andaian. Akan tetapi itu nanti masa kita panggil Kementerian Pendidikan, kita akan halusi dengan lebih mendalamlah. Okey, saya tidak hendak panjang sangat isu ini fasal apa yang penting kita fokus pada soalan-soalan yang hendak

ditujukan. Jadi, empat soalan tadi itu boleh ditujukan kepada JKPTG nanti. Okey, *next one*.
[Merujuk slaid pembentangan]

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Satu lagi berkaitan dengan pengurusan operasi empangan, yang mana yang telah kita laksanakan. Macam saya kata tadi tahun 2011 dan tidak di bincang lagi dalam PAC. [Merujuk slaid pembentangan]

■1210

Di bawah kajian ini sebenarnya— Cuba pergi kepada slaid yang mula-mula itu. Slaid 2. Kajian pengurusan operasi empangan, itu tujuan sebagai tebatan banjir, pengairan dan bekalan air. Sehingga pada tahun 2011, terdapat 16 buah empangan yang beroperasi di bawah selenggaraan JPS.

Balik pada slaid 10 tadi. So, yang berkaitan dengan JKPTG ini adalah berkaitan dengan apa yang kita bangkit berkenaan pemilikan dan pewartaan tanah di kawasan empangan. Maknanya, kerajaan telah membayar pampasan untuk ambil alih tanah bagi kesemua 16 empangan, namun hanya 5 empangan yang mempunyai maklumat pampasan. Maksudnya, kita tidak tahu berapa sebenarnya dia belanja bagi 11 empangan lain. Jadi, bagi 5 empangan itu, sejumlah— Sebelum, sebelum, yang tadi. [Merujuk slaid] Sebelum. Sejumlah RM158 juta yang telah dibayar kerajaan bagi 5 empangan. Maklumat bagi empangan lain kita tidak tahu. Akan tetapi sehingga 31 Disember 2011, hanya 3 daripada 16 empangan telah ditukar hak milik kepada Pesuruhjaya Persekutuan iaitu— Maksudnya yang sebanyak 13 empangan lagi masih tidak tahu statusnya.

Tuan Pengerusi: Pampasan sudah bayar?

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Sudah.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi tidak ada maklumat?

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Ya.

Tuan Pengerusi: Selepas itu tidak wartakan dia punya tanah itu?

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Belum warta. Cuba lihat, *next*. Maksudnya, dia kena warta, dua warta. Satu untuk kawasan tanah dan yang kedua, kawasan larangan. So, cuba lihat *table*. Ini kedudukan empangan-empangan dan statusnya sama ada sudah warta atau belum warta. Itu sahaja *line* yang kita hendak tanya.

Tuan Pengerusi: Sistem pendaftaran tanah itu? KPTG?

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Tidak ada.

Tuan Pengerusi: Itu Audit belum buat apa-apa iniliah?

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Tidak ada.

Tuan Pengerusi: Belum buat apa-apa ini ya.

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Sebenarnya ada di peringkat negeri.

Tuan Pengerusi: Di negerilah.

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Cuma satu lagi Tuan Pengerusi, kalau ada masa, kita boleh tanya berkaitan dengan bawah sistem akruan. Akruan nanti, apakah persiapan kita dalam hendak menguruskan aset-aset kerajaan, terutamanya tanah, apabila sistem akruan itu nanti. Perkara-perkara yang kita boleh bertanya berkaitan status pengumpulan data aset tanah di Pejabat Ketua Pengarah Tanah dan Galian, terutama data-data mengenai tanah milik Kerajaan Persekutuan, termasuk tanah-tanah di luar negara macam Tuan Pengerusi sebut tadi dan status penilaian aset oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH). Ini mungkin lebih menjurus kepada JPPH, status. Akan tetapi ia *relate* dengan JKPTG untuk hendak nilai, untuk kita masukkan dalam senarai *asset, value* itu dan juga isu dan cabaran dalam teknologi kami dalam proses pengumpulan data aset. Itu sahaja kalau Tuan Pengerusi, *area* yang kita hendak tanya JKPTG nantilah. Itu sahaja Tuan Pengerusi.

Puan Noraini binti Alias [Timbalan Pengarah, Jabatan Akauntan Negara]: Tuan Pengerusi, boleh saya beri sedikit penambah maklumat. Oleh sebab saya dari Jabatan Akauntan Negara. Memang kita kumpul data sekarang untuk tanah, aset dan juga liabiliti. Setiap bulan memang kita ambil data-data daripada kementerian untuk kita kumpulkan dalam *dashboard* di PEMANDU. Untuk makluman semua, untuk *accrual accounting*, kalau tanah itu ia ada nilai *at cost*, kita ambil *at cost* dan yang tiada itu baru kita minta kementerian hantar pada JPPH untuk buat penilaian dan dia buat *value at deem cost*. So, bagi harta-harta tanah di luar negara, kita mintalah macam, contohnya tanah Kementerian Luar Negeri, MITI, ada *a few* yang ada tanah luar negara. Memang kita kata cari dahulu fail yang lama-lama, *if they have the cost*, ambil *cost*. Kalau tidak, keputusan kami di AG, kita kata guna *private valuation* di *overseas*. Oleh sebab JPPH memberi maklum balas kepada kami, dia hanya boleh pergi buat *valuation* di Singapore, yang tanah Kastam di Singapore. Lain-lain itu maknanya kena ambil sendiri punya *valuation*.

Untuk makluman semua juga, kita memang sentiasa ada mesyuarat dengan JPPH dan JKPTG. *Every two months*, jabatan kami buat Mesyuarat Kumpulan Kerja Kementerian di mana kita panggil JPPH dan JKPTG untuk menyatakan status tanah. So, JPPH *right now* memang tengah buat *valuation* dan hari itu kalau ikut maklumat yang diberi, *by March* sepatutnya *last month* dia sudah habis buat *valuation* semua data yang dihantar untuk *valuation*. *There are about 37,000 plus* tanah untuk dinilai.

Untuk KPTG pula, KPTG ini hanya iktiraf tanah di bawah Akta Tanah yang didaftarkan di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. *So, there are issues pending* macam tanah kementerian tidak sama dengan KPTG. Memang kita minta penyelarasan, tetapi— Kita memang *monitor*, yang saya sudah dapat 24 kementerian...

Tuan Pengerusi: Dia ada *double counting* tidak?

Puan Noraini binti Alias: Dia kena selaras.

Tuan Pengerusi: Macam tadi *you* kata mungkin ada, ada yang tidak ada tetapi *double counting*?

Puan Noraini binti Alias: Itu *ongoing exercise* kementerian dengan JKPTG. *So*, JKPTG *only* iktiraf tanah yang ada geran sahaja, yang didaftarkan di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. *So*, *any issues* itu memang tengah dikendalikan oleh JKPTG dan kementerian. Itu sebagai maklumat Tuan Pengerusi dan Ahli PAC semua.

Tuan Pengerusi: *Okay, so good info*. Akan tetapi *for record*, kita tetap akan tanya mereka, apa mereka punya perancangan.

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Sebenarnya berkaitan dengan isu pendaftaran tanah tadi, sebenarnya ia ada kita jalankan di peringkat negeri. Akan tetapi oleh sebab saya lihat tajuk yang kita bincang ini berkaitan dengan penyewaan tanah, kita cari isu-isu yang berkaitan dengan penyewaan tanah sahaja yang kita bentang.

Tuan Pengerusi: Okey. Hari ini saya hendak *open* sahaja sebab kita pun tidak tahu apa KPTG buat dan elok juga kalau kita tahu.

Puan Noraini binti Alias: Tuan Pengerusi, kalau ikut *accrual accounting*, kalau sewa tanah ini, *at first*, dia mesti ada perjanjian antara penyewa dan juga orang yang punyai tanah. *So*, kalau isu tadi, berbalik kepada yang *first case* tadi, ada tidak Kementerian Pendidikan ada perjanjian sewa tanah dengan YTL tadi.

Tuan Pengerusi: Tidak. Untuk maklumat Puan, sebenarnya benda ini semasa Tan Sri Madinah datang hari itu pun, soalan pertama yang saya tanya pada dia adalah mengenai kontrak. Jadi, dia pun cakap, *legal advisor* punya *opinion* dan cadangan ditolak oleh KSU ketika itu. *So, one of the things that should be in the agreement was the rental agreement* dan sebagainya. Tidak ada.

Puan Noraini binti Alias: Saya nampak memang *agreement* itu *loose*. Kalau kita baca *agreement* itu, ia memang memberi kebenaran untuk menggunakan tanah dia...

Tuan Pengerusi: Itu sebab menimbulkan keraguan di pihak PAC sama ada, ada tidak *collusion* antara pegawai kementerian dengan pihak YTL ini dalam melaksanakan projek ini, terutama dari segi kontrak. *Purposely done to make it vague.*

Puan Noraini binti Alias: *Agreement* akan cakap sewaan tersebut *how much* tetapi di sini tidak disebut mengenai sewaan.

Tuan Pengerusi: Okey, ada apa-apa hendak tambah lagi? Kalau tidak ada, boleh kita panggil. Sebelum saya lupa, sekejap lagi dalam pukul 12.30 tengah hari, delegasi PAC daripada negara Bhutan akan masuk bersama-sama kita untuk hendak melihat perjalanan PAC kita.

■1220

[Saksi-saksi dari Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi: Selamat pagi saya ucapkan kepada Dato' Sri Zoal Azha bin Yusof, selaku Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, juga Dato' Dr. Mohd Ali bin Mohamad Nor, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber dan Asli dan Alam Sekitar dan Dato' Sri Azemi bin Kasim, Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian.

Jadi Dato', pada hari ini tujuan kita panggil Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar khusus untuk membincangkan isu mengenai KPTG sahaja. Isu daripada KPTG ini timbul daripada *hearing* yang lain yang kita telah laksanakan selama dua tahun. Jadi, PAC berpendapat bahawa eloklah juga KPTG dilibatkan dan memberikan keterangan mengenai isu-isu yang berkaitan. Jadi ini juga akan memberikan kita peluang di PAC untuk hendak mengetahui juga apakah peranan sebenar PTG ini untuk memastikan bahawa pengurusan di PTG ini mantap dan juga memberikan sedikit penerangan dan juga apabila perkara ini dibukukan dalam laporan kita nanti, rakyat pun akan tahu apa fungsi PTG.

Jadi, saya minta maaf tadi lambat untuk memulakan prosiding tadi kerana kita pun hendak mendapatkan kuorum tadi, ada usul dalam Dewan yang panas yang menyebabkan Ahli-ahli kita tadi tidak dapat hadir lebih awal. Akan tetapi untuk memendekkan masa, saya hendak minta Dato' untuk menjawab secara khusus. Nanti saya akan *list down the issues so senang, you can just go straight into the answers and at the same time you can give your general comment as we go along.* Saya bercakap bahasa Inggeris ini kerana sekejap lagi jam

12.30 tengah hari, wakil PAC dari Negara Bhutan akan bersama-sama kita untuk mendengar prosiding ini juga. Jadi pada ketika itu, eloklah juga kalau kita bercakap dalam bahasa orang putih untuk mereka faham prosiding kita pada hari ini.

Jadi, tajuk prosiding kita pada hari ini sebenarnya adalah kepada prosedur kawalan penyewaan tanah persekutuan. Akan tetapi macam saya kata tadi kita boleh lebarkan topiknya kepada pengurusan tanah Persekutuan di bawah PTG. Saya rasa dia ada berkaitan juga dengan perkara-perkara yang saya akan sebutkan di sini. Jadi, saya ingin mulakan dengan soalan-soalan yang *direct* yang langsung kepada Dato' mengenai isu ini.

Isu pertama yang kita hendak tahu adalah mengenai status tanah persekutuan di bawah kawal selia KPTG yang disewa kepada syarikat pembinaan PFI Sdn. Bhd. milik Kementerian Kewangan. Ini timbul daripada prosiding kita tempoh hari mengenai syarikat Pembinaan PFI. Biar saya *list* kan dahulu, Dato' boleh tulis sahaja dan selepas itu Dato' terus cakap sahaja.

Kedua, adalah mengenai status penyewaan Menara 1BRIS untuk program 1BestariNet, Projek 1BistariNet milik Kementerian Pendidikan Malaysia. Ada isu mengenai kadar sewa yang Jabatan Audit Negara berpendapat bahawa tidak berpatutan. Selepas itu ketiga, adalah mengenai kelulusan tanah KPTG untuk projek-projek *walkway* seperti yang ada di Jalan Bukit Bintang Kuala Lumpur dan juga untuk projek-projek mega yang lain milik Kerajaan Persekutuan. Isu ini timbul semasa kita memanggil Kementerian Wilayah Persekutuan, mereka memberikan taklimat mengenai hasil mereka dan timbul isu ini apabila ditanyakan soalan mengenai bangunan yang terletak di atas *walkway* di depan Pavilion itu. Macam mana bangunan tetap boleh didirikan di atas *walkway* dan juga sewaan tanah-tanah lain sepanjang Bintang *Walk* itulah. Adakah itu merupakan *one-off event* ataupun satu perkara yang lazim dibuat untuk disewakan kepada orang lain. Nampaknya di situ sahaja boleh, tempat lain tidak boleh.

Selepas itu, hendak mendapatkan sedikit penjelasan mengenai tanah terbiar milik kerajaan di dalam negeri dan di luar negara. Ini kita pun memang tidak ada maklumat langsung mengenai apakah jumlah tanah terbiar dan sebagainya. Tanah yang tidak ada geran dan sebagainya. Ia berkaitan juga dengan sistem berkomputer KPTG bagi tujuan merekodkan tanah persekutuan. Jadi, maknanya tanah yang ada milik dengan tanah yang tidak ada hak milik jadi maknanya tanah terbiar. Macam mana KPTG mengenal pasti, merekodkan dan mendaftarkan tanah-tanah tersebut.

Selepas itu, hendak minta penjelasan sedikit yang hendak diminta mengenai isu yang ditimbulkan dalam Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2011 dahulu iaitu penjelasan

mengenai tanah Kerajaan Persekutuan yang digazet untuk pembinaan empangan sebab ini pun ia ada dua isu. Isu pertama, mengenai tanah tersebut dibeli daripada siapa, dibayar kepada siapa? Selepas itu, adakah tanah ini digazet sebagai tanah persekutuan? Adakah tanah ini digazet sebagai tanah kawasan larangan seperti yang dikehendaki oleh kerajaan? Akhirnya, ini juga berkenaan dengan pendaftaran tanah ini.

Dalam kerajaan melaksanakan sistem akruan nanti. Kita hendak tahu juga bagaimana dan apakah langkah yang diambil oleh KPTG untuk soal pengumpulan aset? Soal di dalam dan juga di luar negara, penilaian aset tersebut, bagaimana dibuat dalam sistem akruan? Selepas itu, apakah isu dan cabaran yang dihadapi oleh KPTG dalam menguruskan tanah untuk sistem akruan ini, *accrual accounting*. Jadi, itu sahaja yang saya rasa yang boleh kita fokus, kalau ada soalan-soalan lain daripada Ahli-ahli PAC selepas ini saya rasa mereka boleh tanyalah secara langsung. Okey, saya minta Dato', *you just follow one by one*, senang untuk menjimatkan masa.

■1230

Dato' Sri Zoal Azha bin Yusof [Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar]: *Bismillaahir rahmaanir rahiim*, Yang Berhormat Tuan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara kerana memberi peluang kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dan juga JKPTG untuk memberi penjelasan dan juga memberi pencerahan kepada isu-isu yang disebut oleh Tuan Pengerusi tadi.

Kita juga berterima kasih kerana kita dimaklumkan tentang perkara-perkara yang hendak kita beri penjelasan pada hari ini. Cuma ada satu sahaja yang mungkin *we try to*—Sistem Akruan tadi, *it's quite*— okey.

Tuan Pengerusi: *That one I think we just want to know what you are planning to do?*

Dato' Sri Zoal Azha bin Yusof: Okey, terima kasih banyak Tuan Pengerusi. Izinkan saya menjemput Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Dato' Sri Azemi untuk terus memberi penjelasan dan jawapan kepada soalan-soalan yang telah disebut oleh Tuan Pengerusi tadi. Silakan.

Dato' Sri Azemi bin Kasim [Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian]: Terima kasih Dato' Sri, Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa PAC, izinkan saya menyentuh tentang perkara utama yang dbangkitkan oleh PAC mengenai prosedur kawalan kewangan, baru kita dapat sentuh perkara-perkara lain lah.

Pertama, untuk makluman semua, KPTG ini satu jabatan tapi ia ada satu Undang-undang Tubuh sendiri iaitu di bawah Akta Parlimen, Akta Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Jadi, saya ada dua topilah, sebagai Ketua Pengarah dan juga sebagai Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Jadi, semua tanah milik tanah Persekutuan ini didaftar atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Jadi, fungsi jabatan untuk menjaga di samping perundangan tanah, kita juga bertanggungjawab atas hartanah Akta Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Kita juga memohon hak milik tanah milik Persekutuan dan juga pengambilan balik tanah. Tugas jabatan ini bila kementerian hendak tanah lah. Kita menguruskan.

Selepas selesai, daftar atas nama PTG dan kita bertanggungjawab membayar cukai-cukai tanah bagi pihak Kerajaan Persekutuan. So, untuk prosedur ini, punca kuasa kita adalah Akta Pesuruhjaya Tanah Persekutuan yang membolehkan kita menyewa, memajak dan juga menjual, *dispose*. Kita juga ada kuasa untuk *dispose*. Tertakluk kepada kelulusan Kabinet. Ini kuasa-kuasa kita untuk memiliki dan melupuskan semua harta tanah milik Kerajaan Persekutuan terhad kepada PTP dan berkuasa untuk menyewa. Itu di bawah KTN kita ada kuasa sebagai tuan tanah, kita berkuasa untuk menyewa.

Menyewa ini ertinya tidak melebihi tiga tahun, itu sewaan. Kalau lebih tiga tahun, ia dipanggil pajakan. Pajakan mungkin kita ada kuasa lah mengenai pajakan ini. Akan tetapi tertakluk kepada keputusan Kabinet. Kalau COI kita ada *committee* yang ditubuhkan oleh Kabinet juga. *Next*, ini keputusan Jemaah Menteri pada 14 Jun yang menubuhkan jawatankuasa tetap bagi penyewaan ya.

Next, ini Ahli-ahli Jawatankuasa Penyewaan Suruhanjaya Persekutuan sebagai pengerusi dan ahli-ahlinya DBKL, Jabatan Penilaian, Kementerian Kewangan, Kementerian Wilayah Persekutuan, JPM, JKPTG dan juga urus setia bahagian harta tanah Persekutuan ya. Okey, ini perjawatan kita lah untuk makluman, jabatan yang menguruskan semua ini.

Next, kenapa kita menyewa tanah terutama untuk memantau dan kawal tanah. Jadi, kalau kita sewakan tanah kosong ini, kita boleh mencegah pencerobohan. Kedua, kita boleh memberi hasil yang maksimum kepada kerajaan sebab kita bayar cukai tanah tapi kalau tanah kosong, ertinya tidak ada apa hasil lah ya. Jadi, kita mendapat hasil. Okey Tuan Pengerusi.

[Delegasi PAC dari Bhutan menyertai Mesyuarat sebagai pemerhati]

Tuan Pengerusi: *I would like to welcome the delegation of the PAC from Bhutan which is headed by Mr. Choita Jamtsho. [Tepuk] I would like to welcome you today to our hearing. And this is a great opportunity for us to interact with you and so that you also can see our PAC in action today. So, I hope you will spend a bit of time with us to watch our proceedings. Which we*

will now speak in English, please. [Ketawa] One of the benefits to our Bhutan PAC colleagues and after this, I think we will seek your pleasure to have lunch with us. And later, we will have a little chat. So, if you excus us, allow me to continue with this proceedings. Thank you.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Terima kasih, ini *basic principal* untuk kita sewa tanah. Pertama, *to control* tanah ini dari di ceroboh. *That means, once kita rent it out, kita ada controllinglah. That means, penyewa akan memagar tanah itu. Kedua, untuk memberi hasil kepada governmentlah while kita sewa, kita collect rental* sebab kita kena bayar cukai tanah, *quite rent* kepada state. So, kalau tanah kosong kita bayar, rugilah, tidak ada *income to us*. So, kita sewakan dapat *income*.

So, sekarang kita lebih kurang dapat dekat RM20 juta setahun untuk sewa sahaja seluruh Malaysia. So, ketiga kita...

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Berapa Dato'? Tidak dengar tadi.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: *About RM30 million.*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *About RM30 million.*

Dato' Sri Azemi bin Kasim: *Per year yang kita collect lah ya.*

Tuan Pengerusi: *The rental of the government lands.*

Dato' Sri Azemi bin Kasim: *Federal land.*

Tuan Pengerusi: *It's about RM30 million every year?*

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Yes, lebih kurang ya. *About that three years. Termasuk leased, itu sewa, leased itu lagi lah ya, termasuk leased RM86 juta.*

Tuan Pengerusi: Fasal kita ada beratus-ratus ribu ekar tanah, tidak akan sewa baru 30...

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Yang kosong sahaja.

Tuan Pengerusi: Yang kosong sahaja. Okey, saya hendak tanya sikit. Macam tempat saya di Johor Bahru, tanah Hospital Permai di bawah kawal selia KPTG kan?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi di tempat saya itu ada orang sewa tanah, cebis-cebis tanah itu untuk sewa untuk kereta terpakai, ada sewa untuk restoran. Selepas itu boleh pula pecah-pecahkan tanah itu dia sewakan kepada orang lain pula. Dalam hal ini saya pun hairan juga, bila saya tanya pihak hospital, dia kata bukan kita, dia kata KPTG. Jadi, bila saya tengok tadi *list* Jawatankuasa Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, semua ketua-ketua jabatan di peringkat Pusat.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: Tidak ada di peringkat negeri. Jadi, macam mana perkara ini boleh berlaku di mana tanah-tanah ini disewakan kepada orang dan akhirnya, dia sewakan kepada orang lain pula.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Tuan Pengerusi, mengikut rekod kita, di Permai ini diberi sewa dengan kebenaran pengarah hospital dulu, bukan KPTG.

Tuan Pengerusi: Tanya pengarah hospital, dia kata KPTG yang...

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Tidak pernah, untuk rekod, kita tidak...

Tuan Pengerusi: Isu ini saya akan bawa fasal kawasan saya.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Sebab itu kita buat *enforcement*.

Tuan Pengerusi: Betul ya? Jadi, *statement* Dato' tadi kata penyewaan tanah di buat dengan kebenaran...

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Pengarah hospital.

Tuan Pengerusi: Pengarah hospital sendiri.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Yang dulu lah, yang dulu. Sebab itu kita buat *enforcement* dan runtuhkan. Ada sebahagian Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Jadi, kalau...

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Yang baru tidak ada permohonan.

Tuan Pengerusi: ...kalau *agreement* semua dibuat oleh siapa? Pengarah hospital kah?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Sepatutnya tuan tanah, KPTG. Yang dulu tidak ada...

Tuan Pengerusi: Dan tidak boleh disewa kepada orang ketiga ya?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Tidak boleh *sub-let*, kalau ikut perjanjian kita lah.

Tuan Pengerusi: *Sub-let* ya? *Confirm* ya?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Tertakluk kepada kebenaran PTP lah.

Tuan Pengerusi: Dato' cakap macam ini saya *confirm* ya?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: Saya akan pergi semula nanti. Ini hal Pulai lah, hal kawasan saya yang saya rasa pelik fasal tanah Hospital Permai ini dipakai untuk tujuan tersebut.

Dato' Sri Zaal Azha bin Yusof: Tuan Pengerusi, sedikit sebagai penjelasan. Pada hakikat sebenarnya syarat-syarat penyewaan itu memang dinyatakan dengan jelas. Tidak boleh disewa kecil, dipajak kecil kepada— pemegang yang kita luluskan penyewaan itu.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi pemantauan tidak dibuat lah.

Dato' Sri Zaal Azha bin Yusof: So, kalau...

Tuan Pengerusi: Itu isu nya. *You* sewa, lepas itu *you* tidak pantau dan *you renew* saja sewa itu. Jadi, sekarang ini kalau *you* tidak pantau, orang itu dia sewa dan terus sewa lah. Jadi, ketirisan sewa ini berlaku di peringkat bawah-bawah ini kan?

Dato' Sri Zoal Azha bin Yusof: Minta maaf, pantau kita pantau tapi cumanya apabila kita turun *on the ground* itu memang dinyatakan bahawa yang *operating the store* itu *owner* atau pun pemegang penyewaan...

Tuan Pengerusi: *I am their local* wakil rakyat, *then I know that they are not.*

Dato' Sri Zoal Azha bin Yusof: Yes.

■1240

Tuan Pengerusi: *I am the local* wakil rakyat *there, I know... So, that is why I think there is something wrong there* and ada ketirisan yang berlaku dan orang-orang yang sama juga menyewa, *after two years renew, renew* dan sebagainya.

Dato' Sri Zoal Azha bin Yusof: Saya dah cadangkan kepada KPTG, mungkin apa yang kita boleh buat, strategi yang kita boleh buat, kita turun ke padang tanya penyewa kecil itu. Kalau memang dia menyewa kecil, kita hendak *offer* dia, kita hendak batalkan penyewaan kepada yang sewa besar itu dan kita akan *offer* dia *at a better rate. So, that will be...*

Tuan Pengerusi: *The problem is* kadang-kadang dia Indonesia, bukan orang *local. I am giving you a feedback as a local* wakil rakyat, *it happens in my area and on a very famous piece of land which is* tanah Hospital Permai itu atas tanah hospital gila.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]: Jadi, maknanya boleh di *sublet* ya? *Directly or indirectly with consent.*

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Tidak dibenarkan. Dalam perjanjian sewa tidak dibenarkan.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Jadi, kalau dalam perjanjian sewa tidak dibenarkan *that's means*, tidak boleh langsung walaupun dengan izin pun tidak bolehlah.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Izin boleh.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Dengan izin boleh?

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: Bukan *absolute*, sebab apa *you PFI, you sublet* kan?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Ya.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Dalam perjanjian sewa itu kita sudah nyatakan tidak boleh dibina *permanent structure*. Tidak boleh. *Just temporary* sahaja sebab kita sewa *three years*

dan kita boleh bagi notis 30 hari untuk dikosongkan. Misalnya kita sewa setahun kementerian ada projek, kita akan bagi *termination clause* itu.

Tuan Pengerusi: Bintang *Walk* tadi itu memang *with your approval*?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Bintang *Walk* bukan, itu bawah PTG Kuala Lumpur, bukan bawah KPTG.

Tuan Pengerusi: *Confuse* kita. [Ketawa]

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Ini kerana PTG bukan bawah KPTG. PTG bawah *state*, kalau KL bawah JPM. KPTG bawah Jabatan Perdana Menteri, ada beza.

Tuan Pengerusi: Kalau KL di bawah siapa? Di bawah PAC negeri? Mana ada PAC Wilayah Persekutuan.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Ada, ada. PTG Wilayah Persekutuan ada.

Tuan Pengerusi: PAC Wilayah Persekutuan tidak ada. [Disampuk]

Dato' Sri Azemi bin Kasim: *State land* di bawah PTG.

Tuan Pengerusi: Tanah Persekutuan di bawah PAC Pusat, tanah negeri di bawah PAC negeri.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Ya. Ya. PTG Wilayah Persekutuan ada.

Tuan Pengerusi: Sekarang ini di bawah Kerajaan Persekutuan?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Di bawah Kerajaan Persekutuan.

Tuan Pengerusi: Maknanya, di bawah kawal selia PAC pusat.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Boleh. Boleh PAC pusat. *State* lain.

Datuk Seri Reezal Merican: PTG *under* Jabatan Perdana Menteri atau *under* Kementerian Wilayah Persekutuan?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: JPM.

Datuk Seri Reezal Merican: *Under* Jabatan Perdana Menteri kan?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: JPM.

Datuk Seri Reezal Merican: Yes.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Dulu Kementerian Wilayah Persekutuan, sekarang bawah Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi: Jadi, bukan bawah KPTG?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Bukan

Tuan Pengerusi: Wah, *confuse* juga. Saya pun tidak tahu sebelum ini dan kita pun tidak tahu sebelum ini. Sekarang ini ada pencerahan.

Dato' Sri Zaal Azha bin Yusof: Tuan Pengerusi, *this road reserve* ini *state land*. Kalau dalam konteks Wilayah Persekutuan ini ialah di bawah pihak berkuasa, *the land authority*.

Tuan Pengerusi: Itu ada masalah. Masa DBKL datang sini, kita tanya dia. Dia kata "*KPTG yang bagi kelulusan*".

Dato' Sri Azemi bin Kasim: PTG Wilayah Persekutuan yang...

Tuan Pengerusi: PTG Wilayah Persekutuan? Bukan bawah KPTG tetapi di bawah Jabatan Perdana Menteri. Maknanya di bawah Menteri?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Ya, di bawah JPM dan di bawah Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan. *Check by KSN*.

Tuan Pengerusi: Okey.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Exco tanah.

Tuan Pengerusi: Okey, Terima kasih atas pencerahan ini.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Kita teruskan. *Next*, mengenai pajakan status. Tuan Pengerusi, untuk perkara pertama status pajakan PFI. PFI ini syarikat milikan penuh oleh Kementerian Kewangan. Jemaah Menteri pada 1 Ogos 2002 telah bersetuju supaya sebahagian, beberapa bilangan tanah Kerajaan Persekutuan ini pajak pada PFI oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan untuk tujuan membiayai projek pembangunan dan PFI kemudiannya boleh *sublease* balik semula kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Perkara ini diluluskan oleh Kabinet dan kita laksanakan keputusan Kabinet tersebut dan tanah-tanah yang terlibat kita telah pajakkan.

Tuan Pengerusi: *So, the question is whether this method is beneficial for the government or not?*

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Oleh sebab itulah melalui pajakan tersebut kerajaan mendapat *loan*, macam kita sandar tanah itulah, dapat *loan* dari KWSP. Itu urusan MoF bukan bawah KPTG.

Tuan Pengerusi: Saya tahu KPTG mengikut arahan dari Kerajaan Pusat. Soalan saya tadi adakah perkara ini menguntungkan kerajaan atau tidak?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Beruntunglah sebab kita *just charge* tanah bukan pada *charge value* sahaja.

Tuan Pengerusi: Ya. *Charge value* maknanya PTG boleh cari cara lain untuk hendak dapatkan pulangan lebih besar kepada tanah ini kalau tidak diambil bawah PFI inilah.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Ya.

Tuan Pengerusi: Okey.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: KPTG dapat apa Dato' dari sewaan tanah kepada PFI ini?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Tidak kita nominal tetapi dia *sublease* semula dan kementerian yang dapat faedah itu kena bayar sewaan kepada PFI untuk membayar balik *loan* itu. Macam kes Putrajaya juga. Tanah Putrajaya bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Kita pajak kepada Putrajaya Holdings, Putrajaya Holdings *sublease* pada kita balik dan kementerian yang menggunakan kena bayar sewaan sehingga tempoh *loan*. Bila habis tempoh pajakan, misalnya 15 tahun, semua jadi harta persekutuan tiada bayaran lagi.

Datuk Seri Reezal Merican: *But those land yang list to PFI*, ada juga yang digunakan balik untuk projek di atas tanah tersebut kan?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Memang *existing* memang ada projek, semua ada projek, bukan tanah kosong.

Datuk Seri Reezal Merican: Maknanya *all the land has been earmarked for development by PFI itself*.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Yes.

Tuan Pengerusi: Soalan saya, *is there a better way to use the land? So, you have just answered the question. Actually, we take the land and then we mortgage it and we used it for public purpose which is not maximizing the value of the land. Okey.*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Memang tanah itu dibangunkan sebagai projek. So, sama juga kalau tanah kerajaan, kerajaan dapatkan bajet dalaman buat pembangunan, itu satu. Ini macam Putrajaya PFI tetapi tanah itu bukan tanah kosong, kan?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Telah dibangunkan. Tapak sekolah, tapak MINDEF, kem tentera...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Maksud saya, tanah ini ada banyak alternatif. Sekarang ini kerajaan ambil tanah itu pun untuk *public purpose*. Padahal tanah itu, boleh digunakan untuk tujuan lain, untuk mendapat pulangan lebih. I faham apa you cakap, *it is just a financing mode but all I am saying is the land can be use for other purpose, for opportunity cost because if the land tidak dicagarkan maknanya dia tinggal sebagai tanah biasa sahaja. Akan tetapi it is still asset stock to us. Sekarang ini tanah itu telah dipajak dan ia menjadi sekuriti kepada pinjaman. Macam mana itu? Akan tetapi Dato' tidak tahu sama ada tanah ini bila dipajakkan pada Pembinaan PFI ini, adakah ia akan encumbered?*

Dato' Sri Azemi bin Kasim: *Encumbered.*

Tuan Pengerusi: *Encumbered ya?*

Dato' Sri Azemi bin Kasim: *That means kena jelaskan pinjaman itu.*

Tuan Pengerusi: *That is what I mean, under accrual accounting all of these will come out instead being our asset not is already asset without encumbrances, now it's become encumbered. So, that is why issue ini bagi saya, penting juga di teliti oleh PAC.*

Dato' Sri Azemi bin Kasim: *Ia dipajak selama 15 tahun, that mean selepas 15 tahun kita akan batalkan pajakan.*

Tuan Pengerusi: *Akan tetapi during that 15 years it is encumbered?*

Dato' Sri Azemi bin Kasim: *It is encumbered.*

Tuan Pengerusi: *It add on to the national debt.*

Dato' Sri Azemi bin Kasim: *Ya. Ya.*

Tuan Pengerusi: *Okey.*

[Ahli-ahli delegasi PAC dari Bhutan menjadi pemerhati dalam Mesyuarat Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi: *Do you want to stay and listen or you want they to show you around first? Then have lunch first? [Disampuk] You want to stay? [Ketawa] Please tell us when you want to leave because we might take some time here.*

Dato' Sri Azemi bin Kasim: *Yang Berhormat...*

Tuan Pengerusi: *Teruskan Dato.*

Dato' Sri Azemi bin Kasim: *Isu kedua, mengenai sistem berkomputer KPTG. Sistem yang kita bangunkan adalah sistem MYeTaPP atau Sistem Tanah Persekutuan dan Pusaka. Dia ada dua pengurusan utama, pengurusan tanah persekutuan dan pembahagian pusaka dalam sistem ini. Sistem ini telah dilaksanakan dan berjalan lancar dan sekarang kita ada beberapa perkara yang kita hendak upgrade.*

Kita upgrade, mungkin sebab itu beberapa kementerian kata berapa lagi maklumat belum lengkap, kita akan lengkapkan. Upgrading kita untuk memasukkan semua gambar GIS, semua gambar tapak-tapak tanah persekutuan ini kita masukkan.

■1250

Akan tetapi dari segi maklumat tanah, 100% completed sudah. Maklumat tentang nombor hak milik, cukai tanah, bila diperoleh, semua lengkap. Cuma sekarang yang tidak lengkap adalah gambar sahaja dan juga bangunan.

Tuan Pengerusi: *Tanah yang ada geran sahajalah?*

Dato' Sri Azemi bin Kasim: *Yang ada geran dan juga reserve, yang reserve kita masukkan juga.*

Tuan Pengerusi: Tanah di negeri?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Negeri yang *reserve* bawah Federal kita masukkan.

Tuan Pengerusi: *Reserve* bawah Federal pun masukkan juga ya?.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Yes, yes.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi yang status di negeri, KPTG Pusat, tidak tahulah ya? Sama ada dia orang melaksanakan sistem *database* ini di peringkat negeri juga.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: MyeTaPP ini ya. Kita *integrate* dengan kementerian-kementerian. Kementerian boleh akses maklumat tanah ini.

Tuan Pengerusi: Tidak, sekarang ini yang di peringkat negeri siapa yang buat?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Kita tidak ada. Kita peringkat Pusat sahaja.

Tuan Pengerusi: Oh, peringkat Pusat sahaja ya. Peringkat negeri terpulang pada tiap-tiap kerajaan negeri?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Negeri ada sistem e-Tanah yang kita bangunkan. Itu *different* sistem. [Disampuk] Cuma di seluruh Malaysia kita *manage* di ibu pejabatlah. *Belong to Federal Government*.

Tuan Pengerusi: KPTG *only the lands belonging to Federal Government*.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Yes, *Federal Government* sahaja.

Tuan Pengerusi: Okey, *the State Government lands*?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Itu di bawah sistem yang kita kata tadi...

Tuan Pengerusi: *Under which ministry*?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: ...sistem pendaftaran tanah berkomputer yang KPTG bangunkan.

Dato' Sri Zoal Azha bin Yusof: Kita.

Tuan Pengerusi: Maknanya, sistem ini tidak dibangunkan secara nasionallah, ia dibangunkan ikut negeri-negeri. Sistem rekod tanah di peringkat negeri.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Sebab kalau diikuti tanah di bawah negeri, kita bangun ikut negerilah. Sistem Pusat kita ada. Sistem dipanggil Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer. Telah dilaksanakan oleh negerilah. Sekarang kita gantikan lagi dengan e-Tanah. Kita sudah mulakan.

Dato' Sri Zoal Azha bin Yusof: Tuan Pengerusi, sedikit sebagai penjelasan. Memandangkan *stand* tanah ini adalah di bawah State List and the Federal Constitution, so kita praktis *torrent* sistem, di mana tanah-tanah yang ada hak milik itu kita *register* di pejabat-pejabat tanah. So, yang ini sistem itu, sistem yang berasingan yang kita—diuruskan oleh PTG-

PTG negeri dan juga pentadbir-pentadbir tanah di peringkat negeri. Cuma yang sistem MyeTaPP ini adalah untuk kita menguruskan tanah-tanah Persekutuan *plus the reserve land*. Ya.

Tuan Pengerusi: Negeri itu, *you don't coordinate* lah?

Dato' Sri Zoal Azha bin Yusof: Cuma memandangkan kita ada *National Land Council, in terms of uniformity and harmonization of the land law* memang kita selaras di peringkat Majlis Tanah Negara.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi yang sistem e-Tanah itu dilaksanakan oleh tiap-tiap negerilah? Secara individulah, tidak di koordinatlah oleh agensi Pusat?

Dato' Sri Zoal Azha bin Yusof: Yang sistem e-Tanah itu memang kita sudah laksanakan projek perintis di Pulau Pinang dan juga di Negeri Sembilan dan Melaka. Itu memang kita bantu *statelah* daripada segi ini.

Tuan Pengerusi: Siapa agensi yang...

Dato' Sri Zoal Azha bin Yusof: KPTG.

Tuan Pengerusi: KPTG jugalah.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Kita bangunkah dan *funded by the Federal Government*.

Tuan Pengerusi: *Just as a general comment*, bagaimana pelaksanaan sistem e-Tanah tersebut?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Mungkin saya jemput Dato' Haron adalah Pengarah e-Tanah.

Dato' Haji Haron bin Haji Abdul Kader [Pengarah Bahagian, Pejabat Ketua Pengarah dan Galian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sistem e-Tanah kita telah laksanakan di Pulau Pinang. Secara 100% sistem e-Tanah ini di Pulau Pinang menggunakan pengurusan tanah, urus niaga hari-hari menggunakan sistem ini. Tidak ada lagi sistem lain. So, kita baru sahaja *live* di Melaka dan Negeri Sembilan akan *live*. So, kita sudah tiga negeri. *Next is* Kuala Lumpur. So, tujuan kita mengadakan sistem ini ialah supaya ada satu sistem yang seragam di seluruh negara.

Walau bagaimanapun oleh sebab tanah ini adalah di bawah *constitution*, adalah di bawah perlembagaan kita di bawah negeri, jadi ada perbezaan-perbezaan. Kita terpaksa *customize* mengikut peraturan-peraturan tanah negeri. Akan tetapi secara dasarnya adalah sama. Misal kata, kalau Tuan Pengerusi tengoklah pada masa dahululah, sekarang ataupun negeri-negeri yang masih belum laksanakan sistem e-Tanah ini, kalau Tuan Pengerusi pergi satu daerah, prosedur dia berbeza dengan daerah yang lain. Akan tetapi di bawah sistem e-

Tanah, Tuan Pengerusi pergi ke daerah mana pun cara dia adalah sama. Rakyat tidak lagi perlu pergi dari satu tingkat ke satu tingkat, dari satu kaunter ke satu kaunter tetapi hanya menggunakan satu kaunter sahaja yang kita panggil *single point of contact* (SPOC). Itu adalah yang kita buat melalui sistem inilah Tuan Pengerusi.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: *Chairman, Chairman.*

Tuan Pengerusi: Cara dulu itu ada banyak orang yang hak pemilik tanah yang pergi pejabat tanah hendak *check* dia punya status tanah, dia terperanjat bahawa tanah dia telah di *transfer* ke hak milik pada orang lain. Adakah perkara ini berlaku masa sistem e-Tanah ini ataupun macam mana?

Dato' Haji Haron bin Haji Abdul Kader: Kita cuba atasi segala kelemahan yang ada di bawah SPTB itu, termasuklah masalah-masalah data yang memang wujud di bawah sistem yang lama.

Tuan Pengerusi: Memang ada pendaftaran bertindihlah ini? Pemilik asal tidak tahu bahawa ada orang lain sudah daftar tanah atas nama orang lainlah.

Dato' Sri Zol Azha bin Yusof: Kes, kes yang kita teliti itu kebanyakannya kes yang *forging of documents*.

Tuan Pengerusi: Dato', *so that is under the old system, manual system* lah?

Dato' Haji Haron bin Haji Abdul Kader: Ya, *manual system*.

Tuan Pengerusi: *Under e-Tanah, it shouldn't happen anymore*lah.

Dato' Haji Haron bin Haji Abdul Kader: Sebab dahulu sistem fail ini, fail hilang, fail hancur, sekarang kita *digitalkan all the data* ini.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: *Chairman, as far as I am aware, this e-computerization has been around for many years already. In my own constituency Tumpat, the district offices have already been applying this. Unless this is another new system that has been recently introduced.*

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Ya, yang lama adalah dipanggil sistem pendaftaran tanah berkomputer, itu sedang berjalan. Kita sedang *upgrade* dan sistem itu cuma satu, pendaftaran sahaja yang berkomputer. Sekarang kita hendak semua, *the whole system* pejabat tanah kita hendak komputerkan di bawah e-Tanahlah.

Tuan Pengerusi: Sistem e-Tanah ini sudah lama sebenarnya laksana.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Baru lagi.

Dato' Sri Zoal Azha bin Yusof: Yang itu untuk model pendaftaran sahaja. *Because* tahun ini *different system*. Sebagai contohnya, hasil *different system*, jadi ia tidak ada *integration*. So, that is why hopefully at the end of the day kita boleh inilah.

Dato' Haji Haron bin Haji Abdul Kader: Tuan Pengerusi, sistem yang ada sekarang di seluruh negara selain daripada sistem tanah, ia ada dua sistem utama iaitu sistem pendaftaran tanah berkomputer dan satu lagi sistem hasil tanah berkomputer. Malangnya dua-dua sistem ini tidak bercakap antara satu sama lain. Ini yang menyebabkan banyak masalah-masalah yang berlaku dalam tanah.

Tuan Pengerusi: MAMPU tidak mampukah hendak *integrate*? [Ketawa]

Dato' Haji Haron bin Haji Abdul Kader: Sekarang ini dalam sistem e-Tanah kita *integrate* semua sembilan-sembilan modul utama urusan tanah dalam KTN itu kita *integrate* kan sebagai satu data sahaja. Maksudnya, kita akan ada satu *database* sahaja. Tidak lagi sembilan data ataupun 10 data.

Tuan Pengerusi: Kenapa pakai ini? Adakah pakai sistem yang *of the shelves* macam SAP dengan *Oracle* kah atau sistem yang dibangunkan sendiri?

Dato' Haji Haron bin Haji Abdul Kader: *Oracle, Oracle*.

Tuan Pengerusi: *Its also actually an internationally...*

Dato' Haji Haron bin Haji Abdul Kader: Itu teknologi yang ada sekarang.

Tuan Pengerusi: *...internationally known database* lah.

Dato' Haji Haron bin Haji Abdul Kader: *Yes, database is Oracle*.

Tuan Pengerusi: Kalau pakai sistem sendiri saya pun risau juga. [Ketawa] *Alright Dato'*.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Tuan Pengerusi, isu yang ketiga mengenai status menara 1BestariNet ini ya. Jabatan ini difahamkan bahawa perjanjian mengenai 1BestariNet antara Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pendidikan dengan YTL telah ditandatangani melibatkan 2,117 tapak untuk mendirikan...

Tuan Pengerusi: *Figure* yang kita ada tiga ribu lebih, mengikut surat KSU Kementerian Pendidikan. Ada tiga ribu lebih tapak yang diminta.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Ya, dia minta akan tetapi yang sudah dibangunkan adalah 2,117...

Tuan Pengerusi: Oh, 2,117.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: ...yang sudah dibuat menara. Mengikut rekod kita pun semasa perbincangan kementerian dengan YTL tidak melibatkan KPTG walaupun ia melibatkan tanah. Sepatutnya kena libatkan kita dari awal.

Tuan Pengerusi: Ada minit mesyuarat kata wakil KPTG hadir dalam perbincangan tersebut. Audit yang...

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Masa *concession*, perjanjian *concession*.

Tuan Pengerusi: Ha?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: *Concession* tidak ada.

Tuan Pengerusi: Masa *concession*?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Masa *concession* tidak ada, tidak melibatkan kita.

Tuan Pengerusi: Masa perbincangan *concession*?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Tidak ada kita.

Tuan Pengerusi: So, Audit. Mesyuarat apa yang wakil KPTG hadir?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Audit mungkin fasal sewa itulah, fasal sewa.

Tuan Pengerusi: Masa mesyuarat penyewaan?

Tuan Haji Y. Hamdan bin Mohd Dom: Penyewaan, yes.

Tuan Pengerusi: Okey.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Penyewaan ada. Ini termasuk dalam penyewaan kalau melibatkan premis. Oleh sebab ia melibatkan sekolah, kita beri kuasa pada kementerian untuk uruskan sendiri sewaanlah. Dia menentukan kadar dan sebagainya tetapi perjanjian mesti dengan persetujuan perjanjian tanah sewa. Ini belum dilaksanakanlah perjanjian sewa ini. Sebab itu kementerian merujuk sebab kalau mengikut penilaian, nilainya RM1,200 sebulan, setiap tapak. So, kementerian mencadangkan atas permintaan YTL untuk mengurangkan kadar ini.

Tuan Pengerusi: Kementerian Pendidikan yang cadang?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Ia dirujuk ke atas permohonan YTL lah, minta dikurangkan.

Tuan Pengerusi: Tidak, saya tidak faham. Hal tanah, patutnya KPTG lah tentukan.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Bukan, dia mohon kepada KPTG lah.

Tuan Pengerusi: KPTG setuju?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Kita sudah setuju RM1,000 setahun, setiap setapak.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi Audit ada cakap bahawa ada keputusan yang kata hanya RM1,000 untuk semua tapak.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Tidak, kita sudah keluarkan surat, maklumkan bukan semua tapak.

Tuan Pengerusi: Kenapa boleh jadi surat itu yang kata RM1,000...

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Mungkin salah faham.

Tuan Pengerusi: Salah faham?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Salah faham di kementerian, *maybelah*. Kita jelaskan...

Tuan Pengerusi: Saya tidak faham. PTG akan bertindak atas *recommendation valuation*kan, JPPH.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: Kalau JPPH sudah buat penilaian, adakah PTG boleh *overrule* JPPH punya *valuation*?

■1300

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Boleh. Sebagai tuan tanah, kita ada kuasa di bawah Akta PTP dan Kementerian Kewangan pun memberi surat...

Tuan Pengerusi: Walaupun perkara itu tidak mementingkan kepentingan kerajaan?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Ini kerana kita rujuk kepada klausa dalam perjanjian konsesi itu. Dalam perjanjian konsesi itu tidak menyebut sewaan. Dia kata "*Kerajaan mesti menyediakan tapak*". Oleh sebab itu kita ambil kira itulah. Kita tidak boleh kenakan sewa pun kalau ikut perjanjian konsesi.

Tuan Pengerusi: Itu isu yang kita tanya kepada Kementerian Pendidikan. Akan tetapi hari itu kita minta mereka balik, kita panggil balik KSU lama. Akan tetapi soalan saya begini, sekarang ini tidak adakah *check and balance* di antara jabatan kerajaan dengan kementerian, *especially* isu sewa tanah ini? Ini kerana kalau matlamat, *your objective is to get the best return for your assets, can't you object to ministry yang melaksanakan projek ini? If they says something which is not to the best interest of the government, can't you object because your objectives are in conflict here?*

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara][Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Soalan Yang Berhormat Telok Kemang tadi hendak tanya tetapi Yang Berbahagia Dato' boleh memilih untuk hendak jawab dengan menggunakan mikrofon atau tidak. Fahamlah bukan.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Tidak ada Tuan Pengerusi. Kita cuma *consider* surat daripada Kementerian Pendidikan untuk timbangkan kadar yang nominal dia kata. So, setelah kita baca...

Tuan Pengerusi: *I found it's strange that your objective is to maximize the revenue for government's land but you giving so easily to the ministry's request.*

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *Are you saying you got no right of refuser?*

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Ada. Kita ada Kuasa untuk *refuse*. Akan tetapi kita kena lihat juga perjanjian konsesi itu. Ini kerana dalam perjanjian konsesi tidak ada langsung dikatakan sewa, tidak ada sebut sewa. Dia kata kerajaan menyediakan tapak, sedia tapak sahaja. Oleh sebab itu *consider* juga...

Tuan Pengerusi: Kami dimaklumkan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan itu hari bahawa pandangan daripada pegawai undang-undang kementerian tidak diendahkan oleh KSU lama. Oleh sebab itu tidak ada *mentioned about rental of the tower site to the company*. So...

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Tuan Pengerusi, kadar itu bukan *final*. Kita belum *sign* perjanjian sewa dengan YTL tetapi kerajaan...

Tuan Pengerusi: Tidak apalah. Dengan pencerahan isu ini sekarang ini, PAC sudah tahulah apa masalahnya. PAC akan buat *recommendation* nya cuma yang soalan tadi itulah kita tanya, KPTG, PTG kenalah *fight for your objective which is the best interest of the government*. *Which is the best return for the assets*, bukan begitu?

Dato' Sri Zaal Azha bin Yusof: Tuan Pengerusi, boleh saya beri pandangan saya? Sebenarnya bagi tanah-tanah kita yang tidak dibangunkan, kita buat *acquisition*, kita mohon hak milik daripada kerajaan negeri, kita dapat tanah untuk projek-projek pembangunan, tetapi memandangkan peruntukan, jadi tanah-tanah kita itu tidak dibangunkan. Salah satu sebab kita sewa tanah-tanah kita ini adalah untuk elak dari setinggan-setinggan, orang teroka tanah kita, jadi kita sewa tanah kita. Pada hakikat sebenarnya bukan kita hendak *maximize the value* daripada penyewaan itu. Jadi kalau boleh ada cara-cara untuk kita kawal orang supaya tidak teroka tanah kita.

Bagi tapak sekolah, kita tahu bahawa memang pada hakikat sebenarnya kita tidak boleh sewa, *we cannot*. Oleh sebab itu bila diminta, dirayu oleh Kementerian Pendidikan supaya kita dikenakan nominal, *that is why* kita *consider* rayuan yang berkenaan itu dari segi pengurangan penyewaan.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: KPTG *decide* RM120 setahun atau kementerian? Kementerian?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Tidak. KPTG ikut Jawatankuasa Penyewaan KPTG. Bukan seorang, jawatankuasa yang meletakkan.

Datuk Seri Reezal Merican: Ini RM120, *is it going to be review* ataupun *will stay as it is?*

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Ini cadangan kita sahaja sebab perjanjian belum ditandatangani, belum *final*. Nanti kerajaan hendak naikkan lagi pun boleh, tidak ada masalah.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] ...KPTG as different from Ministry of Education, which interest is only on education and school probably. KPTG might also want to know more what are the other likely uses of this tower. It could be used for commercial purposes...*

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Komersial tidak boleh, kita tidak benarkan.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: *Is that very clear in the...*

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Kalau *this one*, it related to school sebab menara ini untuk memberi perkhidmatan kepada sekolah, untuk pelajar-pelajar.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *From our understanding, the utilization of that location, that tower is also for all the devices. So, I am using YES, I might be connecting from the school tower at this point of time. That commercial what?*

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Kita ada panggil YTL untuk beri penjelasan, dia kata untuk *just for school* dan guru-guru sahaja.

Datuk Seri Reezal Merican: Akan tetapi kita kena *ascertain* betul-betul, kita tidak boleh biarkan kalau *on the pretext* dia letakkan atas nama kononnya sekolah tetapi *then you find there will be large other areas of income that will be gain from that and then paying nominal of RM120, completely unfair.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *Actually even within the company report, I am quite sure they are using it for their other commercial purposes. This is actually stated in their reports.*

Dato' Dr Mohd Ali bin Mohamad Nor [Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar]: Tuan Pengerusi, saya ingat sebagai pengurus projek, MOE yang perlu pastikan menara itu *specific dedicated for school* dan bukannya untuk komersial. Akan tetapi dari segi KPTG, isu kita adalah tanah. Tanah di mana menara itu dibina. Jadi yang isu sekarang ini hal sewa tanah, seperti mana yang kita jelaskan. Akan tetapi bagaimana YTL hendak gunakan untuk *commercialize* dia punya itu, dia sudah melanggar *concession* dan *concession* itu yang *signing* adalah MOE.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, *I start* sedikit sahaja. Tidak, cuma kalau saya baca peringkat awal tadi, surat perjanjian tadi, perjanjian dia terang-terang menyatakan bahawa untuk 1BestariNet. Itu satu. Kedua, *the vacant area* ini *basically* dalam perjanjian itu tidak menyatakan sama ada kena...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu sekejap. *We would like to thank the delegation of Bhutan. Can you please have lunch first while we finish our proceeding? Thank you very much for listening in our proceeding.*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Tuan Pengerusi: Dato' kita tangguh sekejap, hendak ambil gambar.

[Sesi bergambar bersama delegasi PAC dari negara Bhutan]

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Hendak sambung soalan saya tadi. Dato', soalan saya tadi itu ialah kita faham bahawa tanah ini milik sekolah, kita memang tidak boleh *utilize* untuk benda lain daripada komersial. Jadi soal sewa itu bagi saya, *how much the* kadar sewa itu *very subjective*. Tambahan pula bila saya lihat *agreement* awal antara YTL dengan kerajaan, memang benda tu *vacant*, dia kosong, siapa yang patut kena sewa ataupun tidak. Cuma yang kita rasa kurang puas hati sedikit ini ialah kesempatan yang diambil oleh YTL, bila kita sudah beri sewa murah kepada dia.

Kedua, dia guna pula kesempatan itu untuk dia buat *other businesses*. Jadi, saya rasa ini mungkin KPTG *being the land owner, should impose to* kementerian ataupun kepada YTL. Sekiranya dia menyalahgunakan hak itu, kita patut ambil tindakan serta-merta.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Kita boleh *impose* dalam perjanjian sewa sahaja tetapi perjanjian sewa belum ditandatangani lagi sebab YTL tidak setuju dengan kadarnya walaupun ini...

Tuan Pengerusi: *The payment was done without the rental condition in there. So, the ministry has basically sign the agreement where they said not need to impose the rental. That is why there is a problem with the KPTG now because under the agreement between the ministry and the YTL, there is no clause for charging rental. [Disampuk]*

■1310

Tidak Dato', sebenarnya apabila kita dengar taklimat daripada Audit, *the first thing that cross our mind is, is there a collusion in this matter? That is the reason why we are calling you today on this issue*. Sama ada *collusion* itu berlaku di Kementerian Pendidikan, sama ada berlaku di KPTG. *Sorry*, saya kena nyatakan di sini sebab benda ini macam nampak sangat macam alpa pula. Hari itu semasa Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan datang, Tan Sri Madinah kata, apabila saya tanya tentang *the contract issue* ini, dia cakap— saya cakap PUU dia patut dipersoalkan. Dia kata PUU itu ada dalam mesyuarat dan dia buat *statement*, dia kata *recommendation* PUU untuk kontrak itu, *other rental* ini ditolak oleh KSU ketika itu. Jadi, ini yang timbul masalah ini. Saya faham di peringkat PTG ini, PTG hanya *go with the flow* lah.

Akan tetapi *all I'm saying is, shouldn't the PTG be more assertive* dalam hal ini atau tidak pun, dalam hal lain-lain lah. Itu sahaja Dato'.

Dato' Sri Zoal Azha bin Yusof: Saya ingat Tuan Pengerusi, kita ambil maklum pandangan Ahli-ahli PAC. Mungkin dalam perjanjian penyewaan apabila kita menyediakan— sehingga sekarang ini kita- *in fact, the concession agreement* dahulu pun tidak pernah dirujuk kepada kita. So, itu menjadi masalahnya.

Tuan Pengerusi: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Sri Zoal Azha bin Yusof: Walaupun ada pentafsiran yang mengatakan bahawa KPTG ini hanya *the custodian of the land*, yang ada *condition precedent is the owner*. Jadi, kementerian-kementerian yang berkenaan- mungkin itu sebabnya *concession* itu tidak dirujuk kepada KPTG. So, sekarang ini— mungkin *we have to...*

Tuan Pengerusi: Dulu *the value of the land, the commercial value of the land* tidak tinggi macam sekarang.

Dato' Sri Zoal Azha bin Yusof: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: *I think those days, 30 years ago, 15 years ago, betullah pandangan tersebut, that practice is okaylah, but nowadays, with the land especially in city areas, very expensive. There is a big opportunity cost that is lost by following the old way, kan? The PTG should be a player, should be a party to add in negotiation concerning rental of the land*, terima kasih.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Saya hendak tanya. Saya tahu ini bukan salah PTG tetapi saya hendak faham perkaitan antara Kementerian Kewangan dengan KPTG. Tanah ini dimiliki oleh Kementerian Pendidikan?

Dato' Sri Zoal Azha bin Yusof: Ya.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Diguna, bukan dimiliki.

Dato' Sri Zoal Azha bin Yusof: Diguna pakai.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Dimiliki oleh Pesuruhjaya Tanah Wilayah Persekutuan, diguna oleh kementerian.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Diguna?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Ya.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Adakah ini merupakan satu *legal relationship* antara MOE dengan KPTG ataupun hanya memang dimiliki oleh KPTG tetapi digunakan oleh MOE. Ada *legal relationship* ke...

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Ada.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: ...macam perjanjian kah antara kementerian, ada perjanjian kah atau tidak ada perjanjian?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Tidak ada, secara pentadbiran sahaja.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: So, secara *administrative* sahaja? So, memang tanah itu masih dimiliki oleh KPTG.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: *On behalf of the Federal Government.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *On the behalf of Federal Government. So, technicallylah, ini memang left hand, right hand sebab kedua-duanya kerajaan. Technically, KPTG can make claims against the Ministry of Education for abusing the land, on paperlah.*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *That why I said. Let's look at that- the land belongs to KPTG, it meant for school. As long as it remains as a school, I think KPTG will not disturb. Otherwise, if I want to go and build another building, I wouldn't have go back and ask the permission from KPTG. Am I right at that? As long as- for the school, I'm talking about the school. Akan tetapi sekiranya sekolah itu hendak diswastakan untuk apa sahaja pembangunan lain-lain, dia mesti dapat kelulusan daripada KPTG.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *So, technically if KPTG can sue- again left hand, right handlah, sue MOE for abusing the used of the land.*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *I would say that they have the rights sekiranya...*

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Melanggar syarat.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *...it meant for other things than education.*

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Ya.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *If, let's say we confirmed that...*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *YTL used it for commercial.*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *...YTL menggunakan untuk komersil, then I think they can go. Kalau tidak, dia memang tidak ada hak, in a waylah. Oleh sebab hak itu dia sudah bagi kepada sekolah...*

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Untuk kegunaan.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *...untuk kegunaan sekolah.*

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Kalau boleh buat sewaan, pajakan, kena *refer back to us* lah.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *I think the burden is more to MOE. MOE should...*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Dato', saya ada baca ini dalam Laporan Ketua Audit Negara, di sini *the latest one*. Pesuruhjaya Tanah Persekutuan telah mengeluarkan garis panduan pengurusan penyewaan tanah Persekutuan oleh kementerian dan Jabatan Pengguna bagi ruang bangunan, premis. Ini premis ya? Yang berkuat kuasa mulai 24 April 2013. Garis panduan ini telah menetapkan dasar penyewaan seperti berikut. Mana-mana ruang bangunan termasuk kawasan lingkungannya, kadar sewaan hendaklah ditentukan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta dan pengurusan pungutan hasil dan penyelenggaraan akaun deposit hendaklah diselenggarakan oleh KJP mengikut peraturan dan Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa. Ini dalam bangunan sahaja ataupun macam tanah juga?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Termasuk kalau sekolah sudah ada sekolah, hendak buat menara, itu dikira premis jugalah.

Tuan Pengerusi: Premis sahaja kan.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Premis tetapi...

Tuan Pengerusi: So, yang sewa tanah belum ada lagi garis panduan.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Ada, ada. Kalau tanah itu kosong memang *direct* di bawah KPTG uruskan.

Tuan Pengerusi: So, adakah kadar sewaan ditentukan oleh JPPH?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: JPPH semua, tanah kosong kepunyaan JPPH, premis pun JPPH. Akan tetapi kalau dia hendak kurangkan, dia kena rujuk kepada KPTG lah.

Tuan Pengerusi: Okey.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Minta kurangkan sewa.

Tuan Pengerusi: Apakah kuasa PTG untuk hendak mengurangkan sewa?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Mengurangkan sewa ini di bawah Akta Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, ada kuasa-kuasa kita dan kita kena rujuk kepada Kementerian Kewangan...

Tuan Pengerusi: Adakah perkara itu wajar pada pandangan Dato'?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Kita kena tengok— perlu, kadang-kadang kalau untuk tanaman *cash crop* misalnya, kalau ikut penilaian memang ikut komersial. Akan tetapi kita hendak menggalakkan *cash crop* ini, kita boleh kurangkan mengikut kadar tol negeri.

Tuan Pengerusi: So, sebab itu kuasa budi bicara diberikan kepada KPTG untuk *overule* JPPH punya...

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Oleh sebab jawatankuasa itu pun ada JPPH, ada kuasa penyewaan itu, wakil JPPH pun ada.

Dato' Sri Zoal Azha bin Yusof: Semasa mempertimbangkan rayuan.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Semasa membuat pertimbangan.

Tuan Pengerusi: Ia dibuat oleh ketua pengarah sendiri ataupun jawatankuasa itu?

Dato' Sri Zoal Azha bin Yusof: Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi: Jawatankuasa...

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Ketua pengarah sebagai pengerusi jawatankuasa, yang tadilah. JPPH, Kementerian Kewangan yang ada itu.

Tuan Pengerusi: Ia bukan kuasa ketua...

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Tidak walaupun...

Tuan Pengerusi: Bukan kuasa seseoranglah, kuasa *committee* lah.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Bukan *solely*...

Tuan Pengerusi: Isu ini ditimbulkan oleh Audit, jadi saya nak kena *clear* kan jugalah.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: *Next*, Tuan Pengerusi, mengenai perkara empat, *close-up walkway* di Bukit Bintang...

Tuan Pengerusi: Dato', ada lagi soalan mengenai BistariNet ini. Apakah prosedur mendirikan *tower* di tanah KPTG ini?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Selalunya...

Tuan Pengerusi: Kementerian minta?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Sekarang ini belum ada permohonan daripada KPTG, melalui kementerian sahaja. Kita tidak ada permohonan sewa daripada YTL lagi.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Akan tetapi sudah buat?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Sudah buat. Sepatutnya kena mendapatkan kelulusan kita dahulu dan kena kelulusan pihak berkuasa tempatan.

Tuan Pengerusi: Jadi, ada...

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Akan tetapi KPTG tidak selesaikan masalah setingan tadilah? Tadi kata hendak sewa tanah, hendak menyelesaikan masalah setingan, ini orang buat tapak...

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Sepatutnya ditandatangani perjanjian sewa dahulu, baru dibangunkan dan kena dapatkan kelulusan *local authority*. *I'm not sure*lah sama ada sekarang dapat kelulusan ataupun tidak.

Tuan Pengerusi: Maknanya, ini satu syarat yang tidak ditepatilah oleh...

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Ya.

Tuan Pengerusi: ...kementerian dalam memohon tapak untuk sewa inilah.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Selalunya pelan untuk *disubmit* ke *local authority* ditangani oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan sebagai tuan tanah. Setakat ini kita tidak adalah.

Tuan Pengerusi: *Very good* input yang kita hendak tanya Kementerian Pelajaran nanti. Kenapa mereka— ya lah, nampak macam alpa kah, relaks kah dalam pelaksanaan projek ini. Jadi, kadar sewa ditentukan kepada apa Dato'? *Market value*? Selalunya....

■1320

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Kalau ikut panduan kita *market value* kecuali kalau kementerian minta kurang, dia rujuk kepada KPTG lah.

Tuan Pengerusi: Apakah dasarnya kalau kementerian minta kurang? Adakah KPTG membuat keputusan berdasarkan kepada faktor-faktor tertentu ataupun *just* dia minta itu...

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Tidak ada alasan, kalau bagi kes ini berdasarkan *concession* itulah kita tengok, tidak ada kadar sewa yang ditetapkan. Akan tetapi bagi kes lain...

Tuan Pengerusi: Itu sebab...

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Ikut penggunaanlah, misalnya kadar untuk taska di bangunan kerajaan, ia kegunaan untuk jabatan kerajaan, itu kita boleh kurangkan. Kita tidak ikut pasaran.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi faktor-faktor penilaian itu atau *guideline* itu kenalah dibukukan supaya lain kali kalau Jabatan Audit hendak *check*...

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: Ia senang. Jadi, tidak nampak macam ada budi bicara begini kan. So, itu pandangan saya, tidak tahulah pandangan Ahli PAC yang lain macam mana. Akan tetapi perlu ada *guideline* yang tertera, yang akan dirujuk dalam menentukan...

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Pengurangan...

Tuan Pengerusi: Pengurangan nilai dan sebagainya.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Kita akan buat...

Tuan Pengerusi: Selalunya pengurangan nilai, ia tidak pernah lebih nilai. *[Ketawa]*

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Ya, ya. Okey, *next* Yang Berhormat.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Setakat ini ada atau tidak apa-apa tindakan mengenai dengan menyalahgunakan tanah?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Tidak ada, tindakan kalau menceroboh kita gunakan pejabat tanah untuk membuat *enforcement*. Banyak kita telah buat.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Ada *cases* kah?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Ya, ada. Misalnya tadi di kawasan Hospital Permai, kita biasa buat *enforcement* dan robohkan setinggi-tingginya. Kalau melanggar syarat kita. Kalau dia buat perjanjian sewa, melanggar surat pun kita akan robohkan atau kalau tidak bayar sewa, kita tuntutan dan kita bawa ke mahkamah.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Ya lah, penyewa yang menyalahgunakan tujuan untuk dia sewa itu misalnya, ada atau tidak tindakan?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Ada, ada. Macam tadilah, kalau ia untuk kegunaan sementara, dia buat bangunan kekal, kita robohkan, tidak boleh kekal sebab kita sewa sementara sahaja. Kalau dia buat misalnya dia sewa untuk tanaman... dia buat untuk lain, buat untuk tanam kelapa sawit misalnya, tidak bolehlah. Itu tanaman kekal. Kita memang sudah buat *enforcement* lah.

Dato' Sri Zoal Azha bin Yusof: Okey.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Okey, mengenai perkara lima, kita jelaskan mengenai *walkway* tadi bukan di bawah tanggungjawab KPTG sebab ia di bawah tanggungjawab PTG Wilayah Persekutuan ya. Mengenai MRT, LRT dan KTMB, MRT memang...

Tuan Pengerusi: Jadi, dalam hal ini kita kena panggil Menteri lah?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Ya.

Tuan Pengerusi: Jabatan...

Dato' Sri Azemi bin Kasim: PTG Wilayah Persekutuan.

Tuan Pengerusi: Jabatan Perdana Menteri lah?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Ya, PTG Wilayah Persekutuan.

Tuan Pengerusi: PTG Wilayah Persekutuan ya?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: MRT memang *federal* projek dan semua tanah yang terlibat dalam projek MRT diambil balik oleh KPTG untuk kegunaan *government*, kita bayar pampasan. Bagi mana-mana *structure* kita sedang proses untuk memohon hak milik atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan kita akan pajakkan kepada MRT, dalam proses sebab ini projek baru. Bagi LRT hampir semua stesen sudah ada hak milik di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan kita sudah pajak kepada Prasarana untuk LRT ya.

Bagi KTMB di bawah Akta Keretapi, semua harta KTMB diletak kepada Perbadanan Aset Keretapi. Jadi, bukan di bawah KPTG lagi. Dulu memang di bawah KPTG tetapi bila ditubuhkan Perbadanan Aset Keretapi, semua letak di bawah Perbadanan Aset Keretapi.

Tuan Pengerusi: Tempoh pajak Dato' berapa lama?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Tempoh pajak, *transfer* terus, ia buat *vesting*, bukan pajak.

[Disampuk]

Seorang Ahli: Letak hak terus.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Dipindahkan, dipindah milik.

Tuan Pengerusi: Pindah milik terus?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Yes, kepada Perbadanan Aset Keretapi.

Tuan Pengerusi: Untuk kereta api lah ya?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Akan tetapi untuk MRT ini ikut *concession*.

Tuan Pengerusi: MRT ikut *concession*, *that means...*

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Kalau 30 tahun, kita pajak 30 tahunlah.

Tuan Pengerusi: MRT berapa tahun, MRT?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: MRT belum *decide* lagi sebab belum siap.

Tuan Pengerusi: LRT?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: LRT, tidak silap 30 tahun *concession*.

Tuan Pengerusi: 30 tahun.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Macam *airport* pun 60 tahun.

Tuan Pengerusi: So, macam LRT itu dia bayar KPTG berapa?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Nominal saja, ikut keputusan Kabinet, nominal.

Tuan Pengerusi: Kerana dia...

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Sebab *government*..

Tuan Pengerusi: Oleh kerana ia merupakan syarikat kerajaan.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Ya, *fully owned by government*.

Tuan Pengerusi: Kalau dia sewakan, dia buat bangunan, dia jual, dia sewa kepada orang lain...

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Itu dia kena dapatkan kelulusan kitalah, keputusan Kabinet. So, *for commercial* kena pergi dekat Kabinet balik. Dia untuk stesen sahaja.

Tuan Pengerusi: So, *it is not...*

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Ruang bangunan di bawah itu dia boleh sewa, tidak ada masalah.

Tuan Pengerusi: Tidak, tentang itu boleh jadi kes *leakage* juga di sana.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Ya.

Tuan Pengerusi: Ini kerana *you should be charging market rates* kerana LRT gunakan tanah itu untuk *commercial*.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Sebab keputusan Kabinet kita nominal, kita *follow decision* Kabinet...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Bukan. Dalam sistem...

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Sebab yang dapat wang pun kerajaan juga tetapi sekurang-kurangnya kalau agensi itu menyalahgunakan tanah, ada akauntabiliti di mana mereka bayar sewa.

Tuan Pengerusi: Tidak, dia ada beza. Pertama, masuk *consolidated account* dan satu lagi tidak masuk.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Tidak masuk Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Jabatan Akauntan Negara akan ada pandangan fasal hal ini. Sekarang ini *we want more funds to go into the consolidated account*.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Yes.

Tuan Pengerusi: Kalau pergi Prasarana, dia tidak masuk *dalam consolidated account*, itu satu. Kedua, Prasarana ini asyik rugi sahaja. *[Ketawa]* So, kita hairan juga kenapa boleh rugi. Kita hendak bantu KPTG sebenarnya *to increase your revenue* juga. *Then it make sense, under accrual accounting it make sense because you will now have to report you punya...* Oh! Delegasi Bhutan sudah tidak ada lagi ya? Tidak payah cakap orang putih. *[Ketawa]* Dato' sendiri di bawah KPTG, lepas ini di bawah sistem akruan akan buat akaun ikut jabatan Dato'.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Ya.

Tuan Pengerusi: Betul atau tidak?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: Segala urusan Dato' akan dibuat atas dasar *mark to market*. Maknanya *market value* dan sebagainya. Jadi kalau kerja Dato' asyik bagi tanah digunakan untuk nominal *value...*

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Kita ikut keputusan Kabinet, *follow Kabinet decision*. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Saya tahu sebab itu kalau PAC hendak bantu, fasal dalam pelaksanaan *accrual accounting* nanti, *one of your KPI is* berapa banyak *you punya collection*. Kalau semua *collection you* nominal, Dato' punya *performance* atas dasar apa? *[Ketawa]*

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Tidak ada.

Tuan Pengerusi: Jadi *admin clerk* saja Dato', *sorry* Dato'.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: [Ketawa]

Tuan Pengerusi: Betul atau tidak? Jadi, untuk hendak bantu Dato' juga untuk penilaian *performance* Dato' sendiri juga. *It should be mark to market value*. Dari segi kerja yang Dato' buat, kalau tak, tidak adillah. Itu sahaja Dato', terima kasih.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Okey Tuan Pengerusi, mengenai tanah-tanah terbiar. Tanah terbiar ini bukan terbiar, *actually* tanah-tanah *Federal Government* yang masih kosong, belum ada bajet untuk bangunkan, bukan terbiar, ia kosong sahaja. Oleh sebab itu kita sewa kan tadi. Kita *manage* tanah terbiar ini sehingga dibangunkan. Jadi... kita sewakan dulu. Untuk dalam negeri kita ada rekod MyeTaPP tadi tetapi di luar negeri kita tidak ada lah, itu di bawah Wisma Putra. Akan tetapi hak milik kita simpan, yang kedutaan luar negeri. Simpan sahaja, kita tidak *manage*. So, kita dapat hasil dari sewa itu tadi lah, yang kita sewakan tadi. Seterusnya mengenai empangan. Empangan setakat ini yang...

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Dato' kalau berbalik pada yang tanah terbiar tadi itu, ada apa-apa sistem kita buat untuk masa depan tanah itu? Adakah kerajaan ada satu *master plan*, dia tahu tanah-tanah ini *belong to – meant for various* kementerian ataupun kita hanya tunggu sesiapa minat, tulis surat kepada kita minta swasta *and then* kita *go independently*. Adakah kita sudah ada *master plan* tadi Dato'?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Setakat ini sepatutnya *master plan* EPU kena buatlah bukan KPTG sebab ia *overall country*. Akan tetapi langkah sementara ini, kita sewa dan ada juga yang kita tukar guna. Misalnya polis tidak jadi projek, kita tukar untuk sekolah misalnya. Itu biasa kita buatlah atau mungkin ada *state* tanah yang kecil, kita serah kepada *state*. Itu langkah-langkah kita.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Kita kadang-kadang, kita tidak tengok depan.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Ya, ya.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Hari ini kita tengok tanah itu terbiar, ada orang masuk penswastaan, kita lulus *independently* dan 10 tahun akan datang kita perlu tanah. Kita sudah tidak ada tanah. Contohnya sekolah, hospital, akhirnya kita hendak kena pindah *the whole* hospital itu *to another* kawasan kerana hospital itu sudah tidak boleh *expand*. Sekolah sudah tidak boleh *expand*, pejabat kerajaan sudah tidak boleh *expand*. So, tidak boleh kah kerajaan buat – KPTG saya rasa lebih bertanggungjawab ke arah itulah sebab *you become the guardian*. *You should look at the total rather than leave it to independent* kementerian untuk buat keputusan secara sendiri ini.

Dato' Sri Zual Azha bin Yusof: Saya...

Tuan Pengerusi: *The question is whether you should be custodian or being guardian. Custodian dengan guardian itu ada dua makna yang berbeza. [Ketawa]*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Kita boleh sebab di bawah akta kita, Akta Pesuruhjaya Tanah Persekutuan memang kita boleh, akan tetapi kuasa kita terhad, sekarang terhad. Setakat kita *manage* sahaja tidak ada kuasa lain.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *You are just only administrator?*

Dato' Sri Azemi bin Kasim: *Administrator* saja.

Tuan Pengerusi: Kalau PAC mencadangkan peranan *you* ditukar dari *custodian* pergi *guardian* macam mana? *You* boleh setuju dengan apa yang kita cakap?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Kena dengan perjawatan... *[Ketawa]* Perjawatan kena tambah.

Dato' Sri Zual Azha bin Yusof: Oleh sebab itulah ada *legal interpretation* yang saya sebut tadi bahawa Kementerian/Jabatan Pengguna itu ada *condition precedent*. Kalau dia tidak benar sewa pajak pun KPTG tidak boleh sewa pajak.

■1330

Itu yang ada *legal opinion with regards to this*.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: So, mengenai empangan tadi mengikut rekod kita, empangan yang dibina dengan peruntukan Persekutuan, cuma Empangan Machap di Johor. Empangan Machap di wartakan di bawah Suruhanjaya Persekutuan. Empangan Bekok Semberong masih dalam tindakan pihak Persekutuan Negeri. Mengenai empangan Tuan Pengerusi, bahawa Empangan Machap telah di wartakan bawah kawalan Suruhanjaya Persekutuan. Empangan Bekok Semberong di Johor masih dalam pertimbangan pihak Persekutuan Negeri.

Tuan Pengerusi: Kenapa Dato'? Saya tidak faham. Kenapa negeri Johor ini susah sangat hendak keluaran gazet ini?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Sebab mungkin ada kemungkinan dianggap warta ini di bawah negeri. Mungkin *state reluctant* hendak bagi pada *Federal*. Wartakan.

Tuan Pengerusi: *It is a security area, it is a dam* kan?

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *Actually*, tanah pengambilan.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Tidak. Tidak. Kebanyakan tanah negeri. Pengambilan sikit sangat sahaja. *Dam* ini kebanyakan *state land*.

Tuan Pengerusi: Maknanya, wajarlah kalau PAC bersuara pasal hal ini.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Ya. Boleh.

Tuan Pengerusi: Pasal apa, macam mana pun *Federal funds*. Lepas itu, *Federal* yang jaga, bukan negeri jaga.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: *Federal* jaga bawah JPS.

Tuan Pengerusi: Okey. *Good*.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Satu sahaja sekarang di warta, yang lain belum.

Tuan Pengerusi: Jadi, kita boleh bawa isu ini juga nanti dengan kerajaan negeri.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: JPS sudah selesai dengan kerja-kerja ukur, kita akan *submit the rest*.

Tuan Pengerusi: Okey.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Akhir sekali, mengenai *accrual accounting* itu Tuan Pengerusi. Untuk tanah ukuran Jabatan Uji sahaja yang kita buat. Untuk yang lain, Jabatan Kementerian kena buat sendiri *accrual accounting*. Yang *accrual* kita, kita sudah buat.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi sekarang ini, proses untuk mengenal pasti tanah Persekutuan, *how advance?* Berapa banyak tanah yang dah dikenal pasti.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Berdasarkan MYeTaPP itu kita telah *complete*, sistem itu sudah boleh *identify*.

Tuan Pengerusi: 100% *you* dah kenal pasti semua tanah Persekutuan yang ada.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Sudah. Sudah.

Tuan Pengerusi: Walaupun secebis kecil ada dekat mana pun, *you* sudah tahu.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Kebanyakan kita sudah tahu Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Okey. Kita pegang *statement* Dato'.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Cuma Kementerian Pengguna kena *update record* dia. Misalnya, kalau dia sudah buat bangunan, kita tidak tahu. Dia kena masukkan berapa nilai bangunan dalam sistem, baru kita tahu.

Tuan Pengerusi: So, sekarang ini macam mana *you* hendak tahu?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Sekarang ini sebab itu kita *link* dengan Kementerian. Kementerian kena *update* sendiri.

Tuan Pengerusi: Kementerian.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Kementerian Pengguna kena *update*.

Tuan Pengerusi: So, kementerian banyak yang *slow*?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Ya. Ada yang tidak buat.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Tanah-tanah yang kita sudah buat pengambilan lama. Dah buat sekolah, dah buat hospital, dah buat lama. Akan tetapi *ownership* dia itu masih lagi *original owner*.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Ada, ada. *Original owner* tidak ada, mungkin *state land*.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *State land* tidak apa, maksud saya pengambilan.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Oh, tidak ada. *So far*, tiada.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Ada orang cerita, *wallahu'alam*. Betul atau tidak betul, yang tanah Jalan Duta ini.

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Itu bukan, itu cerita lain. Itu di *acquire* masa *British* dulu. Bukan bawah kita. Ada *technical error* sahaja. *Ownership* nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dah semua. Cuma dia *contest* dari segi teknikal.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Betul lah?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Betul tapi bukan nama dia lah. Dia tuntutan pampasan daripada *government*.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Nama, nama kitalah?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Tidak, semua nama PDP. Cuma dia masuk *caveat* sekarang lah.

Tuan Pengerusi: Tanah penyiaran yang RTM punya, yang dia letak *tower* dekat Kajang itu macam mana?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Itu tanah pengambilan.

Tuan Pengerusi: Ada tanah yang patutnya di *transfer* daripada zaman merdeka dulu, sebelum merdeka ke merdeka itu masih ada tidak tanah macam ini lagi?

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Tuan Pengerusi, itu dipanggil tanah rizab, *Federal reserve*. Yang *on merdeka day* dah jadi *Federal purpose*. Ia automatik jadi *Federal reserve*

Tuan Pengerusi: Jadi, *Federal* maknanya telah di rekod dalam sistem *you*. Okey, so, tidak ada tanah lagi yang terlepas daripada zaman sebelum merdeka.

Dato' Sri Zool Azha bin Yusof: Tuan Pengerusi, sikit. Sebagai penjelasan tanah-tanah yang *reserve* Persekutuan 163, 164 ini. Kalau ikut *legal-* walaupun tanah-tanah itu tidak ada *title* Persekutuan tapi sekiranya diguna pakai sebelum ataupun pada hari merdeka. Tanah-tanah itu jatuh sebagai tanah milik Kerajaan Persekutuan.

Tuan Pengerusi: Banyak benda kita dapat pencerahan hari ini Dato'. Terima kasih banyak-banyak. Ada apa-apa isu lain yang hendak dibawa oleh Ahli Jawatankuasa? Kami hendak maklum bahawa ini hari sebenarnya...

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Saya cuma- tapi kekal di sinilah.

Tuan Pengerusi: Tutuplah mikrofon.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Dato' Sri Azemi bin Kasim: Itu atas keputusan Kabinet.

Tuan Pengerusi: Tutup mikrofon.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Ya, *discounted value* kan? *Discounted value*.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Tuan Pengerusi: Jadi, Ada apa-apa isu lain hendak dibawa? Kalau tidak ada, saya ucapkan terima kasih Dato'. Sebenarnya, Dato' dipanggil ini bukan kerana *specific reason*. Akan tetapi hanyalah kerana sambilan hendak menjawab isu-isu berkenaan dengan kementerian lain. Akan tetapi pada hari ini kita dapat pencerahan yang banyak mengenai fungsi PTG yang amat berharga bagi kerja kami dalam PAC ini.

Jadi, saya ucapkan terima kasih. *Actually, we want you to be the guardian, not the custodian. So, that the change in the role.* Jadi, saya ucapkan terima kasih pada Dato'. *As usual, lunch is served as a reward for your co-operation today. [Ketawa]*

Dato' Sri Zoal Azha bin Yusof: Ya, Tuan Pengerusi izinkan saya untuk mengambil kesempatan terakhir ini untuk ucapkan jutaan terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Ahli PAC pada hari ini kerana memberi peluang kepada kami untuk memberi penjelasan dan pencerahan. So, semoga pengalaman kami- Saya ingat NRE ini semenjak saya jadi KSU, *this is the first time*. Jadi, *insha-Allah* kami banyak belajar hari ini dan juga sebahagian daripada inilah.

Tuan Pengerusi: Kita pun di PAC sekarang ini memang panggil kementerian-kementerian yang tidak pernah dipanggil. *[Ketawa]* Jadi, kita dapat pencerahan dan rakyat juga dapat pencerahan lepas laporan kita keluarkan nanti.

Dato' Sri Zoal Azha bin Yusof: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Dato'.

Dato' Sri Zoal Azha bin Yusof: Ya, sama.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.40 petang]



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING

**MESYUARAT JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

Mengenai:

Perkhidmatan 1BestariNet

- Kementerian Pendidikan

- Datuk Dr Rosli bin Mohamed
(Mantan KSU)
- Tan Sri Abd Ghaffar bin Mahmud
(Mantan KP Pelajaran Malaysia)
- En. Yusni Afindi bin Lukman
(Mantan Ketua Sekretariat Project Management
Office 1Bestarinet)

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2, BLOK A
BANGUNAN SEMENTARA, PARLIMEN MALAYSIA
SELASA, 16 JUN 2015 (PETANG)**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

Y.B. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai] - *Pengerusi*
Y.B. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] - *Timbalan Pengerusi*
Y.B. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]
Y.B. Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]
Y.B. Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]
Y.B. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]
Y.B. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]
Y.B. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]

Tidak Hadir [*Dengan Maaf*]

Y.B. Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]
Y.B. Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]
Y.B. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]
Y.B. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
Y.B. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]
Y.Bhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

URUS SETIA

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha (Perundangan dan Prosiding)]
Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi [Pegawai Khas Pengerusi Jawatankuasa]
Puan Siti Rohaini binti Roslan [Penolong Pegawai Teknologi Maklumat]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara

Encik Abdul Rashid bin Yaakub [Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan]
Puan Ruhana binti Mohamad Zam [Penolong Pengarah Sektor Pengurusan (Susulan Audit)]
Encik Ahmad bin Seli [Ketua Penolong Pengarah Sektor Pengurusan (Susulan Audit)]
Encik Y.Hamdan bin Mohd Dom [Timbalan Pengarah Sektor Audit Khas dan Penyelidikan (Pengauditan ICT)]
Puan Carolina Muyang Lileng [Ketua Penolong Pengarah I Sektor Audit Khas dan Penyelidikan (Pengauditan ICT)]

samb/-

HADIR BERSAMA *(samb/-)*

Jabatan Audit Negara *(samb/-)*

Encik Anuar Sidik bin Nordin [Pegawai Sektor Audit Khas Dan Penyelidikan Cawangan ICT 2 (Pengauditan ICT)]

Encik Mazri Nazip bin Bidi @ Bidin [Pegawai Sektor Audit Khas Dan Penyelidikan Cawangan ICT 2 (Pengauditan ICT)]

Jabatan Akauntan Negara

Puan Maslina binti Kamarudin [Ketua Penolong Pengarah Kanan]

Unit Perancang Ekonomi

Dr. Mohd. Gazali bin Abas [Pengarah Pembangunan Modal Insan]

Puan Selvi A/P Shanmugam [Ketua Penolong Pengarah Infrastruktur ICT (K-Ekonomi)]

Encik Nik Khairul Rizal bin Nik Aziz [Penolong Pengarah Infrastruktur (K-Ekonomi)]

Jabatan Perkhidmatan Awam

Encik Ali Badaruddin bin Abd Kadir [Timbalan Pengarah Kanan Bahagian Perkhidmatan (Unit Khas Laporan Ketua Audit Negara)]

Kementerian Kewangan

Encik Rosli bin Yaakub [Ketua Unit Bahagian Strategi Korporat Dan Komunikasi (Unit Parlimen Dan Kabinet)]

SAKSI

Kementerian Pendidikan Malaysia

Y.Bhg. Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad [Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia]

Y.Bhg. Dato' Dr. Rosli bin Mohamed [Mantan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia]

Y.Bhg. Tan Sri Abd. Ghaffar bin Mahmud [Mantan Ketua Pelajaran Malaysia]

Y.Bhg. Dato' Wan Khazanah binti Ismail [Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)]

Y.Bhg. Dato' Sri Khairil bin Awang [Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Dasar dan Pembangunan Pendidikan)]

Encik Yusni Afindi bin Lokman [Mantan Ketua Sekretariat Project Management Office 1BestariNet]

Encik Zaidi bin Yazid [Pengarah (Teknologi Pendidikan)]

Tuan Haji Mohd. Haliza bin Mohd. Adnan [Ketua Penolong Pengarah Sektor Pengurusan Aplikasi Pendidikan (Teknologi Pendidikan)]

Tuan Haji Shahid-din bin Mohd Khatib [Setiausaha Bahagian (Perolehan dan Pengurusan Aset)]

Tuan Haji Shamsuddin bin Hassan [Timbalan Pengarah Pembangunan Pendidikan Bestari (Teknologi Pendidikan)]

Encik Teoh Boon Hai [Ketua Penolong Pengarah Sektor Pembestarian Sekolah (Teknologi Pendidikan)]

samb/-

HADIR BERSAMA *(samb/-)*

Kementerian Pendidikan Malaysia *(samb/-)*

Tuan Haji Mokhtar bin Abdullah [Timbalan Setiausaha (Perolehan dan Pengurusan Aset)]

Encik A Rahman bin Omar [Timbalan Setiausaha Bahagian Sektor Dasar Keselamatan & Infra (Pengurusan Maklumat)]

Puan Nor Hayani binti Salam [Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Maklumat)]

Puan Fazidah binti Idris [Penasihat Undang-undang]

Puan Hafizatun binti Ramlan [Mantan Ketua Penolong Setiausaha Perolehan dan Pengurusan Maklumat]

Encik Mohd. Zaidi bin Mohd. Mustapa [Mantan Sekretariat Project Management Office 1BestariNet]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL KETIGA

Selasa, 16 Jun 2015

Bilik Jawatankuasa 2, Tingkat 1, Blok A, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.42 petang

*[Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed
mempengerusikan Mesyuarat]*

Tuan Pengerusi: Okey. Jadi, boleh kita mula. Selamat petang saya ucapkan kepada Tan Sri Madinah, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan yang telah sudi untuk kembali datang ke PAC selepas menghadiri prosiding PAC yang pertama pada, kalau tak salah saya, 17 Mac 2015 yang lepas. Di mana kita telah menanggungkan persidangan kerana kita hendak lebih dengar kepada apa yang berlaku kepada projek 1BestariNet ini sewaktu ia diwujudkan dan dirancang. Akan tetapi kita juga amat mengharap juga bahawa Tan Sri sebagai KSU sekarang ini akan menambah baik projek 1BestariNet ini supaya ia akan dapat berjalan dengan baik, dan mengurangkan kritikan dan perasaan tidak puas hati dalam pelaksanaan projek ini, di peringkat sekolah, di kalangan guru-guru, di kalangan ibu bapa dan sebagainya, supaya ia akan dapat berjalan seperti yang telah dirancang oleh kerajaan.

Jadi, pada hari ini juga kita mengalu-alukan kedatangan Dato' Dr. Rosli bin Mohamed, mantan Ketua Setiausaha, juga Tan Sri Abd. Ghaffar bin Mahmud, mantan Ketua Pengarah Pelajaran dan Encik Yusni Afindi bin Lokman, iaitu mantan Ketua Sekretariat Project Management Office 1BestariNet.

Jadi, sebelum kita mulakan prosiding ini, hendak tanya Jabatan Audit, ada apa-apa tambahan? Tak ada ya. Jadi kita berdasarkan kepada laporan yang telah dibentangkan oleh Jabatan Audit. Jadi tanpa melengahkan masa lagi, kalau tak ada apa-apa lagi tambahan, saya minta Tan Sri untuk – macam mana Tan Sri? Tan Sri hendak jelaskan penambahbaikan dahulu kah, selepas itu baru kita cerita tentang cerita lama, ataupun bagaimana? Tan Sri hendak ceritakan tentang penambahbaikan dahulu ya?

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad [Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia]: Izinkan saya. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi PAC, Ahli-ahli PAC, Datuk-Datuk dan tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Terima kasih kerana menjemput kami daripada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menghadiri sesi pada petang ini. Bersama saya ialah mantan Ketua Setiausaha KPM, Dato' Dr. Rosli bin Mohamed, mantan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Tan Sri Abd. Ghaffar bin Mahmud dan mantan Ketua PMO ICT iaitu Encik Yusni Afindi bin Lokman. Kita juga ada Encik Mohd. Zaidi bin Mohd. Mustapa yang dulunya juga daripada Sekretariat Project Management Office 1BestariNet.

Sebagaimana Tuan Pengerusi sedia maklum, selepas saya mengambil alih sebagai Ketua Setiausaha dan ada pelbagai kelemahan yang saya kesan daripada segi pemantauan pelaksanaan

projek 1BestariNet. Saya telah mengadakan pelbagai siri perbincangan *troubleshooting* di kementerian yang melibatkan semua bahagian berkaitan. Saya telah juga menjemput pihak-pihak lah, MAMPU dan sebagainya. Kita lihat bahawa pada ketika itu, Disember 2013, saya *assume the position of KSU in June 2013*. Pada Disember 2013, saya dapati bahawa PMO ICT ini diwujudkan secara sah di bawah kontrak 1BestariNet sebagai perantaraan antara kementerian dan juga pihak YTLC, untuk memastikan projek dilaksanakan secara berkesan dan mencapai apa yang termaktub dalam kontrak.

Hanya pada ketika itu saya dapati bahawa PMO ICT berpejabat di Sentul West, iaitu satu pejabat yang dimiliki oleh *vendor*. Sepatutnya ia tidak seharusnya begitu kerana PMO ICT sepatutnya memelihara kepentingan kerajaan. Maka saya telah membubarkan seluruh pasukan PMO ICT pada ketika itu dan telah menubuhkan satu struktur *governance* yang baru dengan kumpulan yang baru. Mereka beroperasi daripada Bahagian Teknologi Pendidikan di Bukit Kiara. So itu langkah pertama.

Selepas itu juga saya telah menubuhkan Jawatankuasa PEMANDU, Jawatankuasa Pelaksanaan, Jawatankuasa Teknikal dan sebagainya untuk memantau secara rapi pelaksanaan projek 1BestariNet.

Pada ketika ini Tuan Pengerusi, untuk makluman sebagaimana yang telah saya maklumkan, projek 1BestariNet ini berada dalam fasa pelaksanaan Interim 2. Fasa 1 Interim 2. Telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan untuk Fasa 2 yang akan bermula pada 1 Julai 2015. KPM sekarang sedang giat untuk memuktamadkan rundingan harga bersama dengan YTLC. Kita akan mengadakan mesyuarat mengikut apa yang termaktub dalam Pekeliling MAMPU dan juga Pekeliling Kewangan. Segalanya kita patuhi sekarang. Apa sahaja kelemahan yang kita kesan dalam pelaksanaan di bawah Fasa 1 telah ditambah baik dalam draf kontrak untuk Fasa 2. Juga daripada segi *connectivity* dan *bandwidth* yang tidak mencukupi pada ketika ini, kita *ramp up* untuk Fasa 2.

Jadi perkara ini akan melalui *due process* dan kita jangkakan akan dibawa untuk dimuktamadkan rundingan harga kepada MOF sebelum 30 Jun 2015. Tertakluk kepada keputusan MOF, satu surat setuju terima akan dikeluarkan kepada YTLC dengan harga serta skop perkhidmatan yang ditetapkan oleh pihak kerajaan.

■1450

Kita juga telah mengadakan beberapa siri rundingan dengan syarikat untuk memaklumkan apakah kelemahan-kelemahan yang kita kesan dalam kontrak fasa 1 dan mengapa kita perlu ketatkan klausa-klausa itu dan mereka telah bersetuju dan tidak membantah dari segi penambahbaikan itu.

Akan tetapi, saya difahamkan pada hari ini Tuan Pengerusi telah minta supaya mantan KSU dan mantan KPPM hadir untuk memberi penjelasan terhadap beberapa perkara yang tidak saya dapat menjawab ketika itu kerana bukan berlaku di bawah pengawasan saya. Jadi, itu sebab mereka berada di sini pada hari ini. Akan tetapi, selepas berkata demikian dan saya pun telah balik dan ada *pre-council* Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan saya Dato' Wan Khazanah yang juga ada bersama saya. Beliau merupakan Pengerusi Jawatankuasa Teknikal yang telah bermesyuarat. Kami dapati bahawa secara menyeluruh SOP telah dipatuhi. Mungkin PAC kata "*Bagaimana you boleh cakap macam itu sedangkan Audit telah kesan tiada value management lab dikendalikan, tidak mendapat kelulusan JTICT MAMPU.*"

Sebenarnya bila kita lihat balik dokumen-dokumen dan minit mesyuarat yang lampau, pegawai-pegawai ketika itu, pegawai di BPPA atau Bahagian Pengurusan dan Perolehan Aset Kementerian Pendidikan Malaysia, mereka beritahu saya dan juga pegawai-pegawai daripada Bahagian Pengurusan Maklumat (BPMKPM), mereka tidak sedar wujudnya pekeliling tentang *value management lab* iaitu pekeliling 2009. *So, they did not advise the KSU at that time that a VML was necessary but upon reading the circular, it was said that* bagi program dan projek bernilai RM50 juta ke atas, hendaklah menjalani VML.

Daripada pandangan mereka dan juga daripada *search, mostly related to* projek-projek fizikal. Jadi projek ICT jarang sekali. Itu yang saya dimaklumkanlah. Akan tetapi *we know better now that whatever it is even if it is below RM50 million, sekiranya wajar dan perlu, memang wajarlah because we want to ensure value for money, we want to ensure that we get the best. We must do the VML* yang kita buat sekarang sebagai satu praktis yang lazim kita buat di kementerian.

Kedua, bila Jabatan Audit tegur dan katakan projek 1BestariNet fasa satu tidak mendapat kelulusan JTICT, sebenarnya kalau diizinkan saya nak jemput Mr. Teoh. Pegawai kita daripada Bahagian Teknologi Pendidikan untuk membentangkan slaid yang akan menunjukkan bagaimana beberapa prosedur mesyuarat dengan MAMPU daripada mula mesyuarat penyelarasan yang dikendalikan, yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah MAMPU ketika itu Dato' Dr. Nor Aliah telah sedar mengenai projek 1BestariNet dan *was involved from the very beginning.*

So, it is not something to say its unilateral project by KPM dan KPM sahaja yang membuat keputusan sepenuhnya all the way. Akan tetapi, MAMPU *was actually in the know from the time* projek ini di *BCG study, recommended that this project should be continued after SchoolNet was a failure. SchoolNet was a fiberized project by TM. It was a failure and they said "Leave the option open to either be fiber or wireless".*

Itu yang dipenuhi dan dipatuhi dan telah dibawa juga kepada satu perbincangan oleh PEMANDU, Boston Consulting Group dan mereka telah – dan NKEA CCI di bawah KKMM dan didapati bahawa *the best way was to go for both* iaitu *fiber* ataupun *wireless* *because walaupun fiber is already in place through the vast network, seluruh negara sampai Sabah ke Sarawak. But to draw the last mile to the schools, nak tarik fiber itu will cost no less than RM4 billion at that time, from the estimation done by the ministry.*

Saya cakap ini bukan atas ini ya – semua ada dalam minit mesyuarat dan juga fakta-fakta. Jadi *upon that realization, kementerian telah bantangan dua kali kepada Mesyuarat Majlis Ekonomi Negara dan pada ketika itu tidak pun mencadangkan wireless ataupun fiber. It was open.* Akan tetapi mengatakan *but the school have to be connected and better than just being connected, the school have to be also using the Virtual Learning Environment (VLE).*

So, it must complement each other. Satu *connectivity with bandwidth, satu is the platform* yang untuk menyampaikan ilmu kepada sekolah-sekolah. *And that was EC agreed in 2011 in January and Mac of 2011.* Selepas mendapat kelulusan Majlis Ekonomi Negara, KPM bersama MAMPU, bersama KKMM

telah menubuhkan satu jawatankuasa teknikal untuk membina spesifikasi dan skop untuk kontrak 1BestariNet.

So, it was not KPM thing, it was done together. They have the minutes, they have all the people involve dan keputusan-keputusan mesyuarat. Selepas itu dilaksanakan satu open tender telah dilancarkan di mana 19 syarikat telco telah bid for the project. Akhirnya selepas evaluation by Jawatankuasa Teknikal Spesifikasi dan Harga, YTLC came up with the best bid and that no time in that spec, was it mention it should be wireless or it should be fiber. So, it was an open tender to the best bidder.

Itu semua ada dalam minit. Bila YTLC telah didapati yang paling munasabah dari segi harga dan ranking teknikal, perakuan itu telah dibawa ke Kementerian Kewangan. *So, that is the gist of the whole thing.* Akan tetapi kalau PAC nak tanya lebih lagi, bolehlah mantan-mantan – *I would like to clarify here the role of mantan KPPM. KPPM is never involve in drawing up specs or in the rundingan harga. KPPM is only involve in ensuring that apa sahaja yang kita telah wujudkan dari segi the virtual learning environment platform mesti digunakan sepenuhnya oleh guru-guru dan murid di sekolah. That is the professional part.*

He has no role in the tender process, in drawing the specs dan sebagainya except BTP sahajalah iaitu Bahagian Teknologi Pendidikan yang mesti ada kerana this is about ICT and education. So, mereka ada tetapi KPPM is not involve.

Tuan Pengerusi: Walaupun dia tak – Tan Sri tak *provide user requirement* sebagai...

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: *That is through BTP.*

Tuan Pengerusi: Akan tetapi Tan Sri tak pernah di *consult* langsung untuk memberikan pandangan mengenai *user requirement* memandangkan Tan Sri merupakan orang bertanggungjawab kepada guru-guru, murid-murid dan ibu bapa.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *Perhaps one request is for kementerian to provide us with some of the documents. So that kita boleh teliti sebelum kita buat, the BCG report...*

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: *Minutes of the meeting.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *Minutes kalau ada meetings, the tender document itself and the evaluation papers.*

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: *Yes. I think that Puan Fazidah, Penasihat Undang-undang, can that be done for PAC? Boleh ya? Kita compile dan kita beri. BPPA Tuan Haji Shahid-din mana? Mana Tuan Haji Shahid-din? We will furnish it Yang Berhormat.*

Tuan Pengerusi: *Okay. Any other questions?*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara.]

Tuan Pengerusi: *Time, dia hendak cepat. Dia ini tidak ada kerja Tan Sri. Dia suka buat kerja ini.*

[Ketawa]

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *Time frame, one week or two weeks?*

Tuan Pengerusi: *Dia baca semua. Every pages he will read. You trust me, mark my words.*

[Ketawa] *Dia dahulu tidak cukup sekolah, dia suka menelaah. [Ketawa]*

Tan Sri, saya hendak tanya, *I mean in interest of time*, saya tengok tadi jawapan daripada kementerian pun sekarang ini kalau ikut dia punya penyelesaiannya, banyak telah diselesaikan sudah. *I mean even though it is after the event punya corrections tetapi at least penambahbaikan is done.* Ada apa lagi yang dalam *this specification* yang belum? Ini sebab saya tengok semua hijau sahaja. Jabatan Audit sudah tengok? Semua yang kementerian jawab Jabatan Audit punya *query*, semua sudah dijawab, sudah ada penambahbaikan. Audit boleh terima ini? Soalan saya, Jabatan Audit terima ini? Ada apa yang hendak *dispute* lagi?

Encik Abdul Rashid bin Yaakub: Ada juga kita terima. Contoh yang tadi, kajian keperluan sekolah, dalam *dashboard* pun kita sudah tukar menjadi hijau. Maksudnya kita hendak – *It is because*

kementerian mengaku dia tidak buat dan tindakan buat lepas apa yang kita lapor itu sedang dibuat secara berterusan. Itu sahajalah Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Okeylah.

Encik Mohd. Zaidi bin Mohd. Mustapa: Yang Berhormat, saya kalau keluar gundah gulana ini, tidak terangkan. Sebenarnya, saya tidak nafikan dapatan daripada pihak audit. Cuma apabila dia berada secara dalam talian, pada awalnya memang kebanyakan sekolah, pemasangan untuk yang di awal pemasangan, memang sekolah akan lakukan. Itu kontraktor punya tanggungjawab. Kemudian selepas itu, mungkin timbul kekeliruan. Kontraktor dia takkan masuk sekolah, "*Ini kami buat kajian keperluan*". Dia tidak buat begitu. Kajian keperluan maksudnya dia akan berada sebelum dia berada di sekolah, telefon dahulu, semasa di sekolah membuat pemasangan dan kaji, selepas itu sekolah *check*. Kemudian selepas itu, dia sudah buat, tandatangan setuju. Mungkin ada kekeliruan pihak sekolah, tidak tahu bahawa itu adalah kajian keperluan yang dilakukan.

Tuan Pengerusi: Ini sama macam Tan Sri Dr. Madinah. Kali pertama pindah kementerian ini kena jawab isu sekuriti sekolah. Tidak ada maklumat diberikan kepada cikgu di sekolah, tidak ada panduan, dia *sign* sahaja dua *guards*. Sepatutnya beri empat *guards*, dua *guards* pun dia *sign* sebagai empat. Ini kelemahan besar dalam sistem ini. Kasihan Tan Sri Dr. Madinah masa mula-mula datang masuk. Daripada kementerian tidak ada masalah, masuk Kementerian Pendidikan ada masalah. [Ketawa]

Jadi untuk saya begini, kontrak itu pun patutnya ada dia punya *deliverable* dia, *milestone* dia bukan. Dalam hal ini *you* biar *loose*. Betul-betul *loose*. Fasal apa, kalau kontraktor boleh buat atau tidak buat tetapi tidak ada dia punya penandalah, *milestone* sudah buat belum. Mereka hendak kejar kontraktor hendak dia *fulfill* kontrak, dia kata sudah *fulfill*. I sudah *delivered* barang, *fulfill*. Oleh sebab itu isu kontrak ini pun, hari itu Dato' Dr. Rosli saya rasa ada satu komen yang saya buat semasa mesyuarat itu hari, saya tanya fasal siapa yang buat kontrak ini, siapa yang *negotiated* kontrak antara YTL dengan kementerian. Selepas itu saya ada sebut fasal – *Legal advisor* mana? *You* cakap *you* punya *recommendation* KSU tidak terima. Apa maksud *you*?

Puan Fazidah binti Idris [Penasihat Undang-undang, Kementerian Pendidikan Malaysia]: Yang Berhormat, saya Fazidah, saya Penasihat Undang-undang pada ketika itu. Semakan kali pertama saya telah buat pada 14 Mac 2012 apabila saya menerima draf tersebut.

Semasa semakan tersebut, memang saya tidak menerima lampiran-lampiran yang sepatutnya dilampirkan dalam perjanjian. Ini kerana saya difahamkan lampiran-lampiran tersebut sedang disediakan. Oleh itu, apa yang saya lakukan ialah kita membangkitkan isu-isu dan lampiran-lampiran yang tidak dikemukakan tersebut bagi tujuan membangkitkanlah apa-apa isu yang kita nampak berdasarkan daripada perbincangan dengan pegawai yang mengendalikan daripada Bahagian Pengurusan Perolehan Aset (BPPA) yang mengemukakan dokumen kepada kita. Apakah skop kontrak yang dihasratkan dan semasa itu kita bangkitkan isu-isu apakah sepatutnya klausa-klausa yang perlu diperuntukkan dalam

perjanjian ini. Saya juga maklumkan bahawa kita tidak menyemak lampiran-lampiran tersebut kerana lampiran tidak dikemukakan.

Kemudiannya, mereka telah mengembalikan dokumen tersebut untuk semakan kali kedua. Pada masa semakan kali kedua juga, Pejabat Penasihat Undang-undang mendapati – saya ada rekod Tuan Pengerusi, kalau hendak tengok macam mana saya punya *vetting* itu. Membangkitkan isu-isu yang hari itu kita *raised*. Kita dapati isu-isu yang dibangkitkan itu masih belum diselesaikan. Ini kerana pada ketika itu juga, saya dapati kebanyakan daripada dokumen yang sepatutnya jadi lampiran masih belum lagi disediakan. So dari situ saya kembalikan balik. *This is the process*.

Then semasa semakan kali ketiga, dalam membuat semakan, untuk *guide* saya juga, saya sentiasa merujuk kepada Jabatan Peguam Negara. Semasa semakan kali ketiga, Pejabat Penasihat Undang-undang membangkitkan dalam memo saya dan juga dalam dokumen kontrak tersebut. Antara isu yang saya bangkitkan secara spesifik memang saya ada nyatakan dalam memo berkenaan denda lewat, berkenaan latihan dan program kesedaran PMO, pecahan pembayaran dan juga jadual pelaksanaan yang tidak jelas. Pejabat saya berpandangan isu-isu di atas perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum perjanjian ini ditandatangani bagi mengelak kekaburan, ketidakjelasan dan percanggahan peruntukan perjanjian. Ini saya ambil daripada perkataan dalam memo saya.

Oleh itu kemudiannya, tindakan diambil oleh Bahagian Pengurusan Perolehan Aset dan selepas itu tidak dikemukakan kembali kepada Penasihat Undang-undang untuk pengesahan sebelum ditandatangani. So, saya tidak maklum sekiranya mereka ada membuat pindaan lanjut ataupun mereka sebenarnya telah mengikut apa pandangan-pandangan saya. Ini kerana saya dapati antara isu yang audit bangkitkan ialah berkenaan dengan ada pembayaran yang tidak diperuntukkan dalam jadual pembayaran. Dalam hal ini, perkara ini telah saya bangkitkan. Perkara tersebut saya tidak boleh masukkan sebab saya memang tidak mempunyai maklumat berapa pecahan harga dan sebagainya. Kita sudah bangkitkan, bahagian berkenaanlah perlu ambil tindakan.

Tuan Pengerusi: Dato' Dr. Rosli, apa jawapan Dato'?

Dato' Dr. Rosli bin Mohamed: Cuma Tuan Pengerusi, dalam melaksanakan tugas, saya bergantung penuh kepada input dan juga nasihat daripada pegawai-pegawai di kementerian semasa itulah. Seingat sayalah, kalau dokumen-dokumen kontrak, kalau ia belum dimuktamadkan dan belum dipersetujui pihak Penasihat Undang-undang, biasanya saya tidak tandatangi. Itu saya jelas. Saya tidak ada apa-apa kepentingan peribadi dalam perkara ini Yang Berhormat.

■1700

Tuan Pengerusi: Soal sekarang ini, kontrak itu mungkin dalam masa kontrak itu dikitar semula dalam kementerian, *after amendment, after amendment*. Akan tetapi soalnya sekarang ini *the final contract* itu ada tidak perkara-perkara yang amat penting itu dinyatakan dalam kontrak tersebut? Pegawai undang-undang kata ada yang perkara yang dia sudah maklum tetapi dia tidak tahu sama ada termaktub dalam kontrak atau tidak. Maknanya *the actual document plus the appendix*. Dalam isu ini audit telah bangkitkan ada *payment* untuk hari keluargalah yang tak termasuk dalam kontrak, ada lagi beberapa

bayaran lain. Jadi yang – kalau *the contract is bottom type cover all these* apa yang disebut oleh Penasihat Undang-undang, perkara ini YTL tidak boleh buat dan kerajaan boleh *claim* balik dengan YTL untuk apa-apa perbelanjaan yang telah dibuat. Ini sudah jadi satu kerugian juga kepada kerajaan, Dato'. Kita pandangan serius benda ini, Dato'.

Dato' Dr. Rosli bin Mohamed: Terima kasih Tuan Pengerusi. Secara spesifik, saya tidak dapat hendak *respond* sebab saya tidak ada dokumen tersebut untuk saya rujuk tetapi saya rasa kalau semasa saya bertugas, sekiranya pegawai-pegawai merasakan ataupun terdapat prosedur-prosedur yang tidak dipatuhi sepatut dibawa balik kepada KSU semasa itu supaya diperbetulkan. Saya memang terbuka Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Akhirnya *you were the* Pegawai Pengawal *at that time*.

Dato' Dr. Rosli bin Mohamed: Saya memang terbuka daripada segi pandangan daripada – sebab kalau isu-isu kewangan dan saya bergantung kepada pegawai-pegawai kewangan, isu-isu perolehan saya pun selalu buat semakan dengan bahagian-bahagian tersebut sebelum saya memutuskan sesuatu perkara. Terima kasih.

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: *Just to add on your last part*. Yang Berhormat kata pembayaran untuk hari keluarga dan sebagainya tidak sepatutnya. Kita sudah tuntutan balik dan YTLC telah membayar balik sebanyak RM157,000. *But the question here is that* macam bukan saya hendak *defend* mantan KSU, tetapi *I have said this many times to my officers even just now* masa *pre-council*.

Masa mereka angkat memo kepada kita, mereka akan nyatakan "*draf ini telah disemak dan dipersetujui oleh Pegawai Undang-undang*". *Now that thing will be that thick in any contract*. Bagi KSU hendak semak sehelai-sehelai memang mustahil. *That is why we have Desk Officer from PSU, KPSU write up to SUBT KSU*. *Now, it is common upon them, I mean* kita sebagai penjawat awam, amanah memang berat terhadap kita untuk *whatever we signed and we* perakukan, itu KSU *must be* amanahlah yang kita ini.

Jadi pada saya, saya tidak hendak cakap depan PAC tetapi saya tidak ada fakta, *I was not there that time but even PUU said*. Apa yang dia semak dan dia bagi ulasan, akhirnya kontrak yang ditandatangani itu tidak sama dengan yang dia semak, yang dia beri ulasan. *So to me now as KSU*, apabila saya hendak tandatangan, *that contract must have been bound and pre-sign by the contractor first before the KSU*. Ini kalau *you* bagi *a contract yang loose for example*, maknanya *people can take just your last destiny and so* benda-benda macam ini kita harus *aware*.

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: *Exactly, which I now have to do sometime* sampai terlewat malam. Minta maaf Yang Berhormat Dato' sampai *very late but we have to do it*. Bukan kita tidak percaya tetapi amanah itu sangat berat. KSU tidak mampu hendak semak setiap helaian tetapi dalam rundingan, dalam ini dengan YTLC yang saya buat sekarang, saya pastikan *every single item saya go through, but at the end when the contract is that thick, because it spells out whatever is in the main clause, KSU will*

not be able to do the technical. Berapa terabyte kah, megabyte kah for every – yang itu saya tidak mampu. Itu pegawai-pegawai saya. So that is the reality of the situation, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Beginilah Dato', kalau projek ini tidak ada masalah, *this wouldn't become an issue*. Apabila projek ini ada masalah, *then it's become an issue*. Jadi dalam laporan kita nanti Dato' Rosli kita – saya minta maaflah kita kena maklum fasal hal inilah walaupun Dato' kata Dato' sudah rujuk dengan pegawai-pegawai tetapi dalam laporan kita, kita kena maklum fasal hal inilah kelemahan pengurusan kontrak. Walaupun *the lost* dia berapa ratus ribulah katakan tadi Dato' kata YTL pun sudah bayar balik *but this is all after the fact*.

Akan tetapi *what we want to do is to tighten up at the front part*, macam apa yang Tan Sri Dr. Madinah buat sekaranglah. *The contract to be sign at the end of the month, go through again and again until you get it right. So, that after this implementation shouldn't be any problem, bukan. Well, the problem will arise to get the teachers to buy in* macam Tan Sri katalah. Akan tetapi, maknanya daripada segi *equipment*, daripada segi kontrak, daripada segi lain semua sudah licin. Tinggal hendak piat telinga cikgu sahaja supaya ikut cakap. *[Ketawa]*

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Yalah, betullah. Akan tetapi apabila sudah teratur itu ia jadi cantik. Jadi itulah saya bukan hendak tambah masa ini Dato' tetapi saya pun sudah tepu kepala ini. Kita, hendak kata kita hendak *let water under the bridge*, apa yang sudah berlaku pun kita tidak boleh buat begitu tetapi pada waktu yang sama kita mengalu-alukanlah penambahbaikan yang Dato' hendak buat memandangkan kerajaan sudah buat keputusan untuk hendak teruskan projek 1BestariNet dengan YTL dan saya rasa pun kalau hendak *cancel* pun *will cost few hundreds...*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi itu soalan yang terakhirlah bagi saya. Sebab saya dipanggil untuk melihat menara-menara yang didirikan saya hendak melawat sekolah-sekolah di kawasan saya untuk mengetahui setakat mana perkhidmatan yang dijanjikan itu dapat diberi kepada setiap sekolah. Kalau ada masalah, siapakah yang saya boleh berhubung?

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak melawat di kawasan Kepong kan?

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, kawasan Kepong sahajalah. Kalau hendak lawat di tempat-tempat lain itu susah sikit.

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: Okey, okey. Sekarang – dulu, Yang Berhormat kita selalu kata, *“Okay, deal with Mr. Teoh, Mr. ini”*. Sekarang saya *from the top down*, kalau hal kewangan semua ini KSU. Hal sekolah KPPM tidak ada ya, Ketua Pengarah Pelajaran ini Datuk Sri Dr. Khair dia di luar negara untuk mesyuarat di Geneva tetapi Dato' Sri Khairil, *please put up your hand*, Timbalan KPPM Dasar di mana di bawah dia adalah Bahagian Teknologi Pendidikan dan sebagainya. *He is the man*. Yang Berhormat cakap sahaja *what you want, when you want, how you want it, it will be done*.

Dr. Tan Seng Giaw: Dato' Khairil?

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: Dato' Sri Khairil. *After this he will give you his hand phone number. [Ketawa]*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Tan Seng Giaw: Biasanya...

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: Bagi apa?

Dr. Tan Seng Giaw: Biasanya dengan itu jabatan kerajaan, apabila diberi telefon itu sama ada *toll free* dan sebagainya, apabila kita telefon tidak ada jawapan pun.

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: Itu *toll free sir, this is not toll free. This is all the bosses. I can give you my hand phone also.*

Dr. Tan Seng Giaw: *You don't have, you don't have.*

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: Tuan Pengerusi, ada *my hand phone, he can share with you.*

Tuan Pengerusi: Akan tetapi tidak pernah telefon kan? *[Ketawa]*

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: Tidak pernah kacau.

Tuan Pengerusi: Tidak ada kacau, tidak ada kacau.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak boleh, tidak boleh kacau.

Tuan Pengerusi: Okey, tadi ada cadangan...

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: Tuan Pengerusi...

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Tuan Pengerusi, *just* tadi yang saya minta itu, pecahan-pecahan 10,000 buah sekolah ini yang mana – *you know the...*

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: Pencapaian.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Pencapaian dia semua, okey. Luar bandar, dalam bandar semua itulah kita minta.

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: *I think* Yang Berhormat, *we have to furnish you a few things.* Tadi Yang Berhormat Tony Pua minta minit-minit mesyuarat dan juga tender dokumen dan sebagainya, kita akan *furnish*. BPPA ya tuan haji. *Will furnish to secretariat* dalam tempoh *by Monday* kah? *Monday, next week.*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: Apa dia?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: Ya, *declassify first.* Kita kena *declassify the documents...*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: Tidak apa, kita *declassify* mana yang perlu *and* saya mohonlah walaupun *declassify* tetapi ia terhad Yang Berhormat. Terhad maknanya dia *not for circulation.*

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: Ya.

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: Kepada Yang Berhormat, ya. Kepada Yang Berhormat sahaja. *Okay, thank you.*

■1710

Tuan Pengerusi: Jadi itulah, tadi Yang Berhormat Petaling Jaya Utara minta, kalau hendak panggil YES atau tidak. Jadi hendak tanya Tan Sri Dr. Madinah, kalau hendak panggil YES ini, *yes or no?* [Ketawa] Hendak tanya Tan Sri, kalau hendak panggil YES, *company YES* itu, Tan Sri kata *yes or no?*

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: *I do not understand.*

Tuan Pengerusi: [Ketawa] Tak, *company YTL* yang menjalankan 1BestariNet ini, kan nama dia YES. Jadi itu saya tanya, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara tadi tanya saya, perlu panggil YES kah tidak?

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: Panggil *company* itu?

Tuan Pengerusi: Ya. Jadi saya tanya Tan Sri...

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: Tak, dia YTL sahaja.

Tuan Pengerusi: YTL?

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: Saya tak pernah panggil dia YES.

Tuan Pengerusi: [Ketawa]

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: *YES is dia punya commercial. We have nothing to do with the commercial part of YTL. Just YTL providing the 1BestariNet.*

Tuan Pengerusi: Itu satu perkara yang akan kita pertimbangkan. Akan tetapi untuk saya, saya rasa apa Tan Sri sudah buat penambahbaikan ini, saya harap ia akan melicinkan lagi pelaksanaan 1BestariNet pada masa akan datang.

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: *Insya-Allah but I think the biggest challenge Tuan Pengerusi, after we have put everything in place, is the teachers must be convinced. Bukan kita hendak paksa, we must convince them that this actually is the way to go. This will result in student outcome. Pencapaian itu, mereka akan reap hasil itu. Itu yang kita kena buktikan kepada mereka and that is the KPPM job and the whole professional wing. Not the KSU.*

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Tuan Pengerusi. Macam ini Tan Sri, sahaja hendak *share* sahaja. *What you said just now, masalah penerimaan cikgu ini, masa Menteri Pendidikan, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri himself went to Korea, I was with him. We visited the virtual lab semua itu. I was the one who asked the question, macam mana sambutan guru-guru di Korea tentang perubahan untuk pergi virtual learning. You know what was the answer from the Korean? The warga pendidik almost rioted on the street. So, biasalah ya. Memang menjadi tugas you all juga to change them, you know.*

Tuan Pengerusi: Itu sebab saya kata tadi, untuk saya, *the PAC can accept the project is going ahead but we cannot accept if anything goes wrong again. Dengan the teachers itu, if you have a problem there, we understand. Itu memang. Dekat kawasan saya memang banyak orang complaint. Last*

sekali, dalam hati pun saya cakap, "Apa salahnya?" Akan tetapi kalau cakap dekat dia macam itu, susah juga. *[Ketawa]*

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: *But* Tuan Pengerusi, apa segala teguran Jabatan Audit Negara, teguran PAC, kita telah memperketat klausa-klausa dalam kontrak. So setiap perkara yang kita nyatakan dalam kontrak mesti boleh diukur, mesti boleh dinilai dan mesti boleh dikenakan denda *because it's no more just licensing* tetapi *it's a service to be provided*. *Service denied means* kita akan potong.

Tuan Pengerusi: *From equipment contract, it becomes a service contract.*

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: Yes.

Tuan Pengerusi: Okay.

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: Thank you.

Tuan Pengerusi: Alright Tan Sri, kalau tak ada apa-apa soalan lagi, dengan ini saya tangguh lah Mesyuarat ini.

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Minta maaf lah tak ada *lunch to be served as your reward*. Ada minum, ada minum.

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: Tuan Pengerusi, *my only hope to PAC is that, you'll give us a balanced verdict*. Maksudnya, ya lah, apa yang berlaku telah berlaku, *and it was our fault also to a certain extent but we have done everything possible to recover and to do the best*, supaya tidak diulangi. *So I hope in your comments, you will give a balanced – for the Ministry.*

Tuan Pengerusi: Okay.

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: Thank you.

Tuan Pengerusi: Thank you Tan Sri.

Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: Jangan patahkan semangat kita dan guru-guru. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Tak ada. Saya pun banyak cikgu dalam kawasan sekolah saya.


Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Tan Sri.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.14 petang]



**DOKUMEN
PEMBENTANGAN**




**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PENGKAL KE-3 (PARLIMEN KE-13 BIL. 10/2015)**

**17 Mac 2015
(Selasa– 11.00 pagi)**

JABATAN AUDIT NEGARA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Perkhidmatan 1BESTARINET - RM663 Juta




LATAR BELAKANG

- Satu inisiatif KPM hasil dari makmal NKEA-CCI EPP6 diterajui PEMANDU menggantikan & menambah baik sistem rangkaian ICT di sekolah-sekolah berikutan perkhidmatan SchoolNet ditamatkan bulan Dis. 2010.
- Merupakan perkhidmatan rangkaian “End To End” (E2E) dan *Virtual Learning Environment* (VLE) di mana 10,000 buah sekolah seluruh Malaysia dilengkapi akses Internet berkelajuan tinggi dan platform pembelajaran maya yang mengaplikasikan jaringan Internet berkelajuan tinggi serta akses kepada penyelesaian pendidikan bersepadu bertaraf dunia.
- UPE, JPM dengan kerjasama pakar runding Boston Consulting Group melaksanakan Kajian Impak Projek SchoolNet & Peranan ICT dalam Pendidikan tahun 2010 dgn 22 cadangan penambahbaikan ICT;

2

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA




Perkhidmatan 1BESTARINET - RM663 Juta

LATAR BELAKANG (samb...)

- KPM melaksanakan *proof of concept* (POC) teknologi capaian Internet merangkumi *Asymmetric Digital Subscriber Line* (ADSL), *Fiber Optic*, *Wireless & Very Small Aperture Terminal* (VSAT) di 109 buah Sekolah Menengah Kebangsaan, Sekolah Berasrama Penuh (SBP/Sains), Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil & Sekolah Kurang Murid (Asli);
- KPM membentangkan cadangan pelaksanaan 1BestariNet kepada Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada mesyuaratnya Bil. 12/2011 bertarikh 28.3.2011 dan memutuskan projek ini dilaksanakan dengan segera melalui tender terbuka dengan mengambilkira komponen VLE untuk mempercepatkan pendekatan e-pembelajaran bersepadu yang lebih berkesan.

3

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



Perkhidmatan 1BESTARINET - RM663 Juta


LATAR BELAKANG (samb...)

- Pelaksanaan 1BestariNet menggunakan model 5 + 5 + 5 tahun dan mesti menyediakan peruntukan bagi menaik taraf dan peningkatan teknologi sekali setiap 5 tahun. Justifikasi dan tujuan perlanjutan akan mengambilkira elemen *Service Level Agreement* (SLA) yang diberikan oleh *Internet Service Provider* (ISP).
- Atas persetujuan UPE, anggaran peruntukan bagi tempoh:
 - 5 tahun pertama berjumlah RM347 juta setahun (RM1.735 billion);
 - 5 tahun kedua berjumlah RM295 juta setahun (RM1.475 billion);
 - 5 tahun ketiga berjumlah RM251 juta setahun (RM1.255 billion); atau
 - secara keseluruhannya RM4.465 billion bagi tempoh 15 tahun.

4

5

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



Perkhidmatan 1BESTARINET - RM663 Juta


LATAR BELAKANG (samb...)

- Lembaga Perolehan KPM telah memutuskan Projek 1BestariNet dilaksanakan dalam tempoh 15 tahun dengan harga RM4.08 bilion. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal ICT MAMPU(JTICT) Bil. 13/2011 pada 21.10.2011 telah mencadangkan tempoh kontrak dibuat selama 5 tahun dan perlu disemak setiap 2 - 3 tahun. JTICT MAMPU juga mencadangkan supaya 1BestariNet diintegrasikan dengan rangkaian ENet serta mengasingkan pembangunan infrastruktur dari pembangunan content 1BestariNet. Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 23.11.2011 telah memuktamadkan tender 1BestariNet bernilai RM663 juta bagi tempoh 2 tahun 6 bulan.

5

6

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



Perkhidmatan 1BESTARINET - RM663 Juta

LATAR BELAKANG (samb...)

- Syarikat YTL Communications Sdn. Bhd mendapat tawaran 1BestariNet melalui proses tender terbuka untuk menyediakan infrastruktur sambungan jalur lebar berserta VLE untuk 10,000 buah sekolah dalam tempoh 2 tahun 6 bulan bermula dari 13.12.2011 – 12.6.2014.
- Kontrak 1BestariNet bernilai RM663 juta ini ditandatangani pada 7.5.2012 dan No. Kontrak: KPM/41/2011/06/0003.


6

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Perkhidmatan 1BESTARINET - RM663 Juta


SKOP UTAMA 1BESTARINET

Bil	Item	Jumlah Kos RM
1	Capaian Lebar Jalur 50Mbps	1,008,208
2	Capaian Lebar Jalur 4 - 10Mbps	87,322,155
3	Capaian Lebar Jalur 2-4Mbps	5,289,657
4	Perkhidmatan Hosting Terurus	11,471,901
5	Perkhidmatan Keselamatan Terurus	20,003,382
6	Perkhidmatan Perkakasan dan Aplikasi Pemantauan 1BestariNet	10,000,000
7	Pengurusan Perubahan dan Sokongan ICT	2,999,994
8	Perkhidmatan Persekitaran Pembelajaran maya (VLE)	250,500,000
9	Pengurusan dan Penyenggaraan Aplikasi VLE	262,806,662
10	Project Management Office(PMO)	11,618,020
	Jumlah	663,000,000



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Perkhidmatan 1BESTARINET - RM663 Juta



SKOP PENGAUDITAN


Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap 1BestariNet. Pengauditan telah dijalankan di :

- Pejabat Pengurusan Program (PMO) 1BestariNet;
- Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP);
- Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset (BPPA);
- KPM, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN); dan
- 50 buah sekolah Kerajaan dan sekolah bantuan Kerajaan meliputi Zon Tengah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Selangor dan Perak, Zon Utara di Kedah dan Perlis, Zon Selatan di Melaka dan Johor, Zon Pantai Timur di Terengganu serta Zon Timur di Sabah dan Sarawak.

9

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Perkhidmatan 1BESTARINET - RM663 Juta



METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan

- menyemak fail, rekod, dokumen yang berkaitan dengan 1BestariNet;
- pemeriksaan fizikal terhadap rangkaian 1BestariNet;
- *walkthrough* sistem;
- lawatan Audit ke Pusat Data 1BestariNet di Sentul, Kuala Lumpur;
- temu bual dengan pegawai yang berkaitan di peringkat YTL Communications Sdn. Bhd., KPM dan sekolah; dan
- edaran borang soal selidik kepada pihak sekolah.

Exit Conference bersama Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan telah diadakan pada 8.8.2014 yang turut dihadiri oleh wakil Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan dan Peguam Negara.

10



PENEMUAN AUDIT

11

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Perkhidmatan 1BESTARINET - RM663 Juta



Penemuan Pencapaian Fizikal

- Penyambungan internet ke 4,176 tapak pengguna lewat disiapkan antara 12 - 439 hari dari tempoh pelaksanaan yang ditetapkan.
- Tiada lanjutan masa dan tidak dikenakan denda lewat sejumlah **RM2.40 juta**.


Maklum Balas KPM

- *KPM telah mengambil tindakan mengikut terma-terma kontrak iaitu telah mengeluarkan notis kelewatan pada 1.3.2013 dan 25.4.2014 untuk mendapatkan penjelasan kontraktor berkaitan kelewatan syarikat untuk merangkaikan sekolah-sekolah dengan 1BestariNet.*
- *Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) telah diadakan pada 10 September 2014 dan meminta supaya semakan semula denda dilaksanakan berdasarkan kadar kelewatan dari hari ke hari bukannya berdasarkan "floor rate". Mesyuarat Pengiraan Semula Denda Kelewatan Pemasangan 1BestariNet pada 8 Oktober 2014 bersetuju bahawa jumlah denda yang akan dikenakan adalah berjumlah RM2,402,334.89*

13

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Perkhidmatan 1BESTARINET - RM663 Juta



Penemuan *Virtual Learning Environment*

Tahap penggunaan VLE oleh guru, murid dan ibu bapa adalah sangat rendah iaitu antara 0.01% - 4.69%

Maklum Balas KPM

- *Tahap penggunaan VLE secara amnya masih pada tahap yang rendah. KPM merancang penggunaan VLE berdasarkan KPI YAB Menteri Pendidikan dan juga YBhg Datuk Dr Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia.*
- *Bagi meningkatkan penggunaan VLE di semua sekolah, PKG juga telah mengadakan bimbingan secara hand-holding kepada sekolah-sekolah ahli mereka untuk meningkatkan tahap penggunaan dan pembudayaan VLE di sekolah-sekolah tersebut.*

14

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Perkhidmatan 1BESTARINET - RM663 Juta




Penemuan Perkhidmatan Penyediaan Perkakasan Dan Aplikasi Pemantauan Bagi Perkhidmatan 1BestariNet

- Mini Network Operation Center (MNOC) tersebut tidak mempunyai tiga (3) daripada fungsi yang telah dinyatakan di dalam kontrak iaitu:
 - *Real Time Network Monitoring*
 - *Bandwidth and Network Monitoring*
 - *Performance and Availability Monitoring*
- MNOC tidak mempunyai fungsi sebagai Security Operation Center (SOC) iaitu tapisan kandungan dan pengurusan tampalan (antivirus dan sistem pengoperasian).

15

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Perkhidmatan 1BESTARINET - RM663 Juta




Maklum Balas KPM

- *Mulai Januari 2014, KPM telah mengarahkan pihak syarikat supaya memasang komputer pelayan cacti dan dikonfigurasi sedemikian rupa supaya KPM boleh memantau prestasi sesuatu talian tertentu secara real time. Selain itu, komputer pelayan iperf juga disediakan di Pusat Data 1BestariNet di Sentul untuk membolehkan KPM memantau kualiti perkhidmatan sesuatu talian dari lokasi 1BestariNet (sekolah) berkaitan peratusan packet lost, latency dan jitter. KPM akan melaksanakan satu sesi pemantauan kualiti perkhidmatan bersama MAMPU pada 4 - 8 Ogos 2014 di sekolah-sekolah di kawasan Bangi.*
- *Sebagai langkah penambahbaikan KPM telah mewujudkan beberapa dashboard lain menggunakan data sedia ada (KPI Dashboard, Cacti Speedtest Probe) untuk membolehkan KPM mengesan punca perkhidmatan 1BestariNet tidak dioptimumkan.*

16

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Perkhidmatan 1BESTARINET - RM663 Juta




Maklum Balas KPM

- *Skop kerja MNOC dan SOC adalah seperti dalam Kontrak iaitu berfungsi sebagai dashboard untuk memantau status mengemas kini virus pattern dan tampalan sistem operasi. MNOC dibangunkan bukan bertujuan untuk mengkonfigurasi polisi tapisan kandungan dan sistem pencegahan pencerobohan yang disediakan. Memandangkan KPM tidak berhasrat untuk melaksanakan fungsi SOC, komponen tersebut akan digugurkan daripada skop kerja dalam pelanjutan kontrak 1BestariNet setelah disahkan oleh Value Management Lab.*

17

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Perkhidmatan 1BESTARINET - RM663 Juta



Penemuan Lebar Jalur

- Tahap capaian kelajuan perkhidmatan lebar jalur di makmal komputer bagi 50 buah sekolah yang dilawati mendapati 41 daripada 46 buah sekolah adalah antara 0.2 - 3.62Mbps.
- Prestasi capaian kelajuan perkhidmatan lebar jalur tersebut adalah **rendah** untuk menampung penggunaan VLE sekiranya melibatkan antara 30 - 40 pengguna dalam satu masa.

Maklum Balas KPM

- *KPM telah menjadikan prestasi capaian internet bagi sekolah berteknologi 4G sebagai KPI YAB Menteri Pendidikan, KSU dan KPPM. Kaedah pemantauan capaian serta tahap capaian internet pada 4Mbps setiap satu sekolah tersebut telah ditetapkan dalam mesyuarat bersama PEMANDU dan PADU sejak Januari 2014. Setakat ini, semua sekolah berteknologi 4G didapati menepati SLA yang ditetapkan iaitu minimum 4 Mbps.*
- *Guru-guru telah diberikan latihan dan pendedahan pedagogi yang membolehkan mereka mengoptimumkan ketersediaan infrastruktur sekolah. Dengan saiz lebar jalur yang terhad (2 dan 4 Mbps) pedagogi yang diamalkan hendaklah menjurus kepada aktiviti kerja kumpulan yang berbeza pada sesuatu masa seperti blended learning. Semua guru terlatih, yang telah menjalankan latihan asas perguruan telah dilatih dengan pedagogi sedemikian.*

18

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Perkhidmatan 1BESTARINET (samb..)



Penemuan Tadbir Urus

- Tiada kelulusan teknikal JTICT oleh MAMPU dan KPM tidak melaksanakan *value management*.
- Jawatankuasa Pemandu Projek dan Jawatankuasa Teknikal Projek tidak diwujudkan di peringkat KPM.

Maklum Balas KPM

- *KPM telah mengemukakan kertas makluman kepada JTICT MAMPU berkaitan spesifikasi teknikal dan pelaksanaan 1BestariNet pada 3 Oktober 2011. Kementerian Kewangan memuktamadkan keputusan tender 1BestariNet berdasarkan Kertas Makluman JTICT MAMPU melalui surat MAMPU(S)BDIPICT700-7/19/17(42) bertarikh 4.11.2011.*
- *KPM tidak melaksanakan Value Management sebelum melaksanakan tender perolehan perkhidmatan 1BestariNet.*
- *Jawatan Kuasa Teknikal dan Jawatan Kuasa Pemandu Projek 1BestariNet telah ditubuhkan pada 13.12.2013.*

19

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



Perkhidmatan 1BESTARINET (samb..)


Penemuan Kajian Keperluan Sekolah
Tidak dilaksanakan sebelum penyambungan internet ke sekolah-sekolah.

Maklum Balas KPM

Kajian keperluan sekolah tidak dilaksanakan sepertimana dinyatakan dalam kontrak oleh kontraktor. Kontraktor telah melaksanakan Kajian Keperluan Sekolah di 430 daripada 1,600 sekolah yang berangkaian setempat (LAN). Bagi baki 8,289 sekolah yang tiada LAN, kontraktor hanya berjaya menyempurnakan kajian di 2,865 sekolah. Hanya 430 laporan bercetak diserahkan kepada KPM, satu hamparan elektronik (excel spread sheet) dan KPM dibekalkan dengan alamat URL (<https://edw.yes.my/yesmonytl/LoginSchoolInfo>) untuk mencapai kesemua 2,865 borang soal-selidik tersebut. Pihak YTLC dikehendaki menyempurnakan obligasi ini dalam tempoh interim sepertimana dimaklumkan dalam Exit Conference. Obligasi ini akan dimasukkan dalam kontrak bagi tempoh interim.

20

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA




Perkhidmatan 1BESTARINET (samb..)

Penemuan 1BestariNet Receiver Integrated System (1BRIS)

- Sewaan
 - Pada 14.1.2013, JPPH mengesyorkan kadar sewaan bulanan sejumlah RM1,200 bagi setiap tapak. KPM telah membuat tuntutan berdasarkan kadar tersebut bagi tempoh 11 bulan untuk 2445 tapak sejumlah RM32.25 juta, walaubagaimanapun kontraktor enggan membayar sewaan tersebut.
 - Pada 14.2.2014, Jawatankuasa Perlanjutan (Khas) Penyewaan dan Penguatkuasaan Harta Tanah Persekutuan bil. 1/2014 memutuskan kontraktor dikenakan kadar sewaan RM1,000 setahun bagi setiap tapak.
 - Pada 13.3.2014, Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) telah memaklumkan kadar sewaan tapak sebanyak RM1,000 setahun bagi pelaksanaan 1BestariNet bercanggah dengan keputusan mesyuarat terdahulu.
 - Kontraktor telah membayar sewaan sejumlah RM2,166.67 bagi tempoh 2 tahun 2 bulan.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Perkhidmatan 1BESTARINET (samb..)



21

Penemuan 1BestariNet Receiver Integrated System (1BRIS)

- Pihak Audit telah memohon penjelasan daripada PTP mengenai percanggahan kadar sewa yang ditetapkan dan dimaklumkan bahawa kadar sewaan tapak 1BRIS adalah RM1,000 setahun bagi setiap tapak. Harga sewaan RM1,000 setahun bagi setiap tapak 1BRIS di seluruh negara tidak munasabah.
- Kerajaan menanggung kos penggunaan elektrik menara 1BRIS sedangkan Kerajaan hanya membeli perkhidmatan 1BestariNet.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Perkhidmatan 1BESTARINET (samb..)




22

Maklum Balas KPM

- *Merujuk kepada surat yang diterima daripada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan bertarikh 13.3.2014, KPM hanya membuat semakan dengan pihak JKPTG melalui telefon pada 28.3.2014 bagi mengesahkan bahawa sewaan tapak adalah RM1,000 setahun bagi keseluruhan tapak 1BRIS.*
- *KPM mendapati berlaku kesilapan terhadap penafsiran terhadap surat JKPTG bertarikh 13.3.2014 berikutan cabutan minit mesyuarat JK Perlanjutan (Khas) Penyewaan dan Penguatkuasaan Harta Tanah Persekutuan Bll.1/2014 bertarikh 14.2.2014 tidak disertakan.*
- *KPM menerima cabutan minit daripada JKPTG melalui emel pada 24.6.2014. KPM akan menuntut kurangan pembayaran sewa tapak 1BRIS sebaik sahaja menerima keputusan muktamad daripada JKPTG.*

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Perkhidmatan 1BESTARINET (samb..)



23

Maklum Balas KPM

- Pegawai Pengawal telah bersetuju melalui Minit Bebas pada 15 Ogos 2014 untuk KPM menuntut kurangan pembayaran sewa tapak 1BRIS daripada kontraktor. Setakat 2 September 2014, tuntutan kurangan dibuat kepada 350 tapak milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) sahaja dengan jumlah RM843,416.66. Tidak semua 1BRIS didirikan di atas tapak sekolah milik PTP. KPM sedang menyemak status hak milik tapak tanah 1BRIS yang tidak jelas. Tuntutan sewa tidak akan dibuat bagi tapak bukan milik PTP.
- Kementerian berpendapat bahawa berdasarkan Arahan PTP Bil. 1/2013, sebarang permohonan rayuan terhadap kadar sewa hendaklah diputuskan oleh pihak PTP. KPM selaku Kementerian Pengguna hanya melaksanakan keputusan yang diberikan.
- Penggunaan tenaga elektrik bagi struktur 1BRIS dipersetujui oleh KPM untuk menggunakan peruntukan mengurus tahunan. Bagaimanapun, KPM mengakui pembinaan infrastruktur 1BRIS telah mengakibatkan kos elektrik di sekolah-sekolah terlibat meningkat antara RM150 – RM180 sebulan. Dasar ini akan dikaji semula dalam kontrak 1BestariNet akan datang.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Perkhidmatan 1BESTARINET (samb..)



24

Penemuan Perkhidmatan *Hosting* Terurus

- Perkhidmatan *hosting* tidak digunakan sepenuhnya.
- Penggunaan *hosting* yang rendah 31.3% merupakan satu pembaziran kepada Kerajaan yang telah membayar RM10.86 juta sehingga Disember 2013 bagi perkhidmatan tersebut selain menanggung kos perkhidmatan *hosting* KPM sedia ada di tempat lain.

Maklum Balas KPM

- Peruntukan *Hosting Terurus* iaitu komponen storan dan kapasiti pemprosesan adalah mencukupi untuk menampung keperluan aplikasi-aplikasi atas talian KPM. Dalam program National Blue Ocean Strategy (NBOS) yang dilaksanakan oleh JPA bersama KPM, pemindahan aplikasi atas talian ditangguhkan untuk mengelakkan keperluan migrasi aplikasi daripada tapak hosting asal ke Pusat Data 1BestariNet. Dalam program NBOS KPM dikehendaki untuk mengintegrasikan kesemua aplikasi atas talian di sekolah ke dalam Sistem Pengurusan Sekolah (SPS) agar guru dan warga sekolah lain tidak perlu untuk mengulangi kemasukan data dalam pelbagai aplikasi. Pengintegrasian data dijangka selesai dilaksanakan menjelang 30.9.2014.
- Bagi keperluan storan, KPM hanya menggunakan 31% daripada storan yang telah diperolehi. Pengurangan ini adalah akibat daripada pengintegrasian pangkalan-pangkalan data KPM dalam program NBOS.

25

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



Perkhidmatan 1BESTARINET (samb..)

Penemuan Perkhidmatan Pengurusan Keselamatan Terurus

- Perisian antivirus yang dibekalkan tidak digunakan sepenuhnya. Sehingga April 2014, hanya 27,462 (6.9%) daripada 400,000 lesen anti virus digunakan di sekolah-sekolah.
- Pengurusan perkhidmatan tapisan kandungan terhadap capaian internet dan pengurusan tampalan (*patch*) tidak memuaskan.
- Laman web terlarang telah dimuat turun kerana tapisan kandungan yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor adalah berbentuk "*blacklist*" dan bukan berbentuk "*whitelist*" seperti yang diminta oleh KPM.

26

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



Perkhidmatan 1BESTARINET (samb..)

Maklum Balas KPM

- *Peranti Virtual Desktop Infrastructure (VDI) Thin Client dan ChromeLab sebanyak 142,000 yang dilengkapi aplikasi antivirus bagi program pembekalan makmal komputer yang telah dilaksanakan pada tahun 2013 telah menyebabkan pengurangan penggunaan lesen antivirus.*
- *Memandangkan pelaksanaan keselamatan rangkaian merupakan perkara yang baru kepada kebanyakan pengguna, penguatkuasaan akan mengakibatkan ramal pengguna enggan menggunakan perkhidmatan yang disediakan. Oleh yang demikian, KPM telah melaksanakan sesi pengurusan perubahan untuk meningkatkan kesedaran keselamatan rangkaian di kalangan pengguna*


27

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Perkhidmatan 1BESTARINET (samb..)

Maklum Balas KPM

- *Bilangan komputer yang dipasang dengan sistem pengurusan tampalan adalah sama dengan bilangan komputer yang dipasang dengan antivirus. Walaubagaimanapun, pihak pembekal juga menyediakan sistem pengurusan cache di Pusat Data 1BestariNet yang berfungsi seakan-akan pengurusan tampalan kecuali menggunakan kaedah pull dan bukan push. Bagi makmal komputer VDI Thin Client dan ChromeLab, perkhidmatan tampalan juga tidak diperlukan kerana kedua-dua sistem tersebut melaksanakan pengemaskinian tampalan secara automatik.*
- *Kedua-dua perkhidmatan pengurusan tampalan dan antivirus telah digugurkan daripada Kontrak 1BestariNet dalam pelanjutan interim.*




28

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Perkhidmatan 1BESTARINET (samb..)

Maklum Balas KPM


- *Kelemahan teknologi internet untuk mengenal pasti teks sahaja memberi ruang kepada warga internet untuk muat naik gambar/grafik tetapi "tag" dengan label yang biasa. Ini telah mengakibatkan murid-murid tercapai bahan yang tidak sepatutnya.*
- *Sebagai langkah penambahbaikan, KPM telah mengubah polisi tapisan kandungan dari pendekatan "Black Listing" kepada "White Listing" bermula Februari. Kaedah ini juga melumpuhkan kebanyakan aplikasi proxy by-pass.*



29

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Perkhidmatan 1BESTARINET (samb..)



Penemuan Pejabat Pengurusan Program (PMO)


- Kadar tuntutan pembayaran utiliti, sewaan, bekalan dan bahan, penyenggaraan dan perkhidmatan lebih tinggi daripada kadar sebenar yang ditetapkan dalam kontrak. Perbezaan kadar tuntutan bagi setiap perkara tersebut di atas telah menyebabkan **perbelanjaan melebihi anggaran belanja mengurus yang ditetapkan di dalam kontrak** sejumlah RM157,940 bagi tempoh Mac hingga Disember 2012.

Kadar Sewaan Bulanan Dalam Kontrak	Kadar Sewaan Bulanan Dituntut oleh Kontraktor
RM30,000	RM32,000
	Pengiraan:
	$= \left[\left(\text{Kadar sewaan bulanan} \times 12 \text{ bulan bagi tahun } 2012 \right) + \left(\text{kadar sewaan bulanan} \times 1 \text{ bulan bagi tahun } 2011 \right) \right] / 12 \text{ bulan}$
	$= \left[\left(\text{RM}30,000 \times 12 \text{ bulan} \right) + \left(\text{RM}30,000 \times 1 \text{ bulan} \right) \right] / 12 \text{ bulan}$

30

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Perkhidmatan 1BESTARINET (samb..)



Maklum balas KPM


- KPM telah mengemukakan surat tuntutan bayaran balik kepada kontraktor bagi perkhidmatan PMO sejumlah RM157,940 melalui surat rujukan KP(BPPA)400-14/3/KPM/41/2011/06/0003 Jld 3(19) bertarikh 6 Ogos 2014. Kontraktor diberi tempoh 14 hari daripada tarikh surat untuk membuat pembayaran balik.*
- Sehingga 2 September 2014, KPM masih belum menerima bayaran balik daripada Syarikat dan KPM telah mengemukakan surat ulangan pada 2 September 2014. KPM akan mengeluarkan surat kepada bank untuk menguatkuasakan pemotongan bon pelaksanaan pada 10 September 2014.*

31

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Perkhidmatan 1BESTARINET (samb..)

▪ Pihak syarikat telah membalas surat tersebut pada 10 September 2014. Tuntutan bagi utiliti, sewaan, bekalan dan bahan penyelenggaraan dan perkhidmatan PMO dari bulan Mac 2012 hingga Disember 2012. Pihak syarikat berpendapat bahawa berdasarkan kontrak tidak berlakunya lebih bayaran sebanyak RM157,940.00 untuk projek 1BestariNet. Perincian justifikasi seperti dalam surat yang disertakan. Perkara ini diangkat ke JK Pemandu 1BestariNet untuk pertimbangan pada 14 Oktober 2014.




32

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Perkhidmatan 1BESTARINET (samb..)

Penemuan Perkhidmatan Pengurusan Perubahan dan Sokongan ICT (Change Management)

- Perbelanjaan Program Kesedaran dan Jati Diri sejumlah RM164,048 di Park Royal Penang Resort, Batu Feringhi, Pulau Pinang pada 19 - 21 Disember 2012 telah diluluskan tanpa dokumen sokongan yang lengkap
- Kos bagi 9 pegawai kontraktor telah ditanggung di bawah peruntukan pengurusan perubahan ini.
- Kos keseluruhan program turut melibatkan kos penginapan dan makan minum ahli keluarga peserta.
- Kadar sewa bilik hotel yang dikenakan adalah melebihi kelayakan pegawai Kerajaan yang telah ditetapkan di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2005



33

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Perkhidmatan 1BESTARINET (samb..)

**Maklum balas KPM**

- *KPM telah mengemukakan surat tuntutan bayaran balik kepada kontraktor bagi Program Jati Diri sejumlah RM70,331.22 melalui surat rujukan KP(BPPA)400-14/3/KPM/41/2011/06/0003 Jld 3(19) bertarikh 6 Ogos 2014. Kontraktor diberi tempoh 14 hari daripada tarikh surat untuk membuat pembayaran balik.*
- *Siasatan awal menunjukkan bahawa pakej ini diluluskan oleh pegawai PMO-ICT dan pakej tersebut memang tidak mematuhi kadar kelayakan pegawai serta tata cara kewangan. KPM telah mengeluarkan surat kepada Syarikat YTL Communications Sdn. Bhd. untuk menuntut kembali sebanyak RM70,306.29 untuk membiayai pegawai-pegawai mereka menghadiri program Jati Diri tersebut.*

34

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Perkhidmatan 1BESTARINET (samb..)

**Maklum balas KPM**

- *KPM telah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Dalaman melalui surat ruj.:KP(BPPA)(S)700-3/0204/0304/15 Jld.19.8 bertarikh 22 Ogos 2014 untuk mengenal pasti punca kegagalan kepatuhan kepada peraturan-peraturan kewangan serta Arahan Perbendaharaan sehingga berlakunya lebih bayaran tersebut.*
- *Pihak syarikat telah membalas surat tersebut pada 10 Oktober 2014. Tuntutan bagi Program Kesedaran dan Jati Diri Untuk Ahli-ahli MPO yang telah diadakan pada 19 hingga 21 Disember 2012 di Park Royal Penang Resort Batu Feringhi, Pulau Pinang. Pihak syarikat bersetuju untuk membuat pembayaran balik RM70,287.83*

35

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



Perkhidmatan 1BESTARINET (samb..)

Pusat Data 1BestariNet Di Sentul, Kuala Lumpur



- Perkakasan Server Bagi Perkhidmatan Hosting Terurus 1BestariNet



- Bilik Menempatkan Perkakasan Dan Aplikasi Pemantauan 1BestariNet

Lokasi Pemasangan Struktur 1BRIS



Struktur Menara 1BRIS

- Jenis Pemasangan Di Tapak Tanah, Tangki Air Dan Atas Bangunan

36

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



Perkhidmatan 1BESTARINET (samb..)


Makmal Komputer SK Putrajaya Presint 11(1)



- Pelajar Sedang Menggunakan VLE Dalam Pembelajaran



- Dashboard Individu Yang Dibangunkan Pelajar Dalam Aplikasi VLE



08 APRIL 2015
(RABU- 11.00 pagi)

1BESTARINET


JABATAN AUDIT NEGARA

2

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

21. Perkhidmatan 1BESTARINET (samb..)

Pusat Data 1BestariNet Di Sentul, Kuala Lumpur



- *Perkakasan Server Bagi Perkhidmatan Hosting Terurus 1BestariNet*



- *Bilik Menempatkan Perkakasan Dan Aplikasi Pemantauan 1BestariNet*

Lokasi Pemasangan Struktur 1BRIS




Struktur Menara 1BRIS

- *Jenis Pemasangan Di Tapak Tanah, Tangki Air Dan Atas Bangunan*

3

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Perkhidmatan 1BESTARINET




KRONOLOGI PENYEWAAN 1BESTARINET RECEIVER INTEGRATED SYSTEM 1BRIS)

1. Klausula 27.7 Kontrak 1BestariNet menyatakan Kerajaan akan memberi pertimbangan, kebenaran dan kelulusan untuk mendirikan, membina dan/atau memasang sebarang perkakasan atau peralatan 1BRIS yang diperlukan dalam kawasan tapak pengguna 1BestariNet berkenaan bagi membolehkan kontraktor membekalkan perkhidmatan tersebut.

4

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Perkhidmatan 1BESTARINET (SAMB...)



2. Klausula 27.10 Kontrak 1BestariNet antaranya menyatakan '..Semua kos untuk pemasangan, penyelenggaraan, pengurusan, adalah di bawah tanggungjawab pihak kontraktor'.
Bahagian Susulan Audit, Jabatan Audit Negara bersama-sama KPM telah memverifikasi kesahihan ujian kelajuan lebar jalur yang dilaksanakan melalui komputer pelayan *Cacti* di Pusat Data 1BestariNet pada 14 Januari 2015. Berdasarkan pemverifikasian yang telah dilaksanakan didapati kaedah pengujian kelajuan rangkaian yang sedang dilaksanakan dalam projek 1BestariNet sah dan boleh digunapakai sebagai ukuran kelajuan lebar jalur yang dibekalkan YTLC dalam perkhidmatan 1BestariNet.

Telah diaudit dan diperakui bahawa tindakan masih pada status "work in progress" dan akan terus dipantau sehingga selesai oleh Bahagian Audit Susulan, Jabatan Audit Negara

DAPATAN AUDIT NEGARA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

5.2-Pengurusan Projek – MNOC


3

Dalam Projek 1BestariNet Fasa 2 (1 Julai 2015 - 30 Jun 2018), KPM akan memperincikan skop kerja MNOC dan SOC supaya lebih jelas jenis perkhidmatan yang diperoleh, iaitu hanya tumpu kepada penyediaan kemudahan untuk pihak kerajaan memantau dan memverifikasi kerja-kerja *Network Operation Centre* dan *Security Operation Centre* syarikat YTL. Pemantauan dilaksanakan untuk memastikan pihak YTL menyediakan perkhidmatan yang dinyatakan dalam kontrak dan pemverifikasian bertujuan untuk mengesahkan kerja-kerja yang dilaksanakan untuk tujuan pembayaran.

4

Bagi tempoh interim 1 dan 2 (13 Jun 2014 hingga 30 Jun 2015), KPM tidak melaksanakan sebarang penambahbaikan tambahan kepada sistem pemantauan (MNOC). Dalam tempoh ini, KPM terus menggunakan sistem pemantauan tersebut tanpa sebarang bayaran kepada syarikat.

Terima Kasih



17 Mac 2015

**Taklimat Kepada Jawatankuasa
Kira-Kira Wang Negara (PAC) Penggal
Ketiga, Parlimen Ketiga Belas Bil. 26/2015**



**Laporan Audit Negara
Bagi Perkhidmatan 1BestariNet**

16 JUN 2015

DAPATAN AUDIT NEGARA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

5.1-Prestasi Projek-Pencapaian Fizikal

Mengikut syarat kontrak, tempoh penyambungan internet ke 10,268 tapak akhir pengguna iaitu satu BTP, 15 BTPN, 363 PKG, dan 9889 buah sekolah di seluruh negara dan sekolah-sekolah baru dengan kos sedia ada sehingga mencapai harga siling kontrak atau 10000 buah sekolah, yang mana tercapai dahulu adalah satu tahun 3 bulan bermula dari 13 Disember 2011 sehingga Mac 2013. Bagaimanapun, sehingga 30 Mac 2013, hanya sebanyak 6092 daripada 9889 buah sekolah yang disasarkan, satu BTP dan 218 daripada 363 buah PKG telah disambungkan internet menggunakan rangkaian YES. Sehingga tamat kontrak 1BestariNet pada 12 Jun 2014, jumlah tapak pengguna yang telah disambungkan dengan capaian 1BestariNet adalah sebanyak 9129 tapak. Didapati, tiada kelulusan lanjutan masa diberikan dan tiada denda lewat dikenakan kepada kontraktor oleh KPM walaupun telah melepasi tempoh pemasangan yang ditetapkan. Selain itu, tiada tindakan dari pihak KPM seperti yang tercatat dalam klausa 32.3 (i dan ii) Kontrak 1BestariNet dikenakan kepada pihak kontraktor tersebut atas kesalahan yang sama.

1

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) pada 10 September 2014 memutuskan supaya semakan semula denda dilaksanakan berdasarkan kadar kelewatan dari hari ke hari bukannya berdasarkan *floor rate*. Mesyuarat Pengiraan Semula Denda Kelewatan Pemasangan 1BestariNet pada 8 Oktober 2014 bersetuju bahawa jumlah denda yang akan dikenakan adalah sebanyak RM2,402,334.89. Jumlah denda ini telah diperakukan oleh Jawatankuasa Teknikal Projek 1BestariNet dan Jawatankuasa Pemandu Projek 1BestariNet

2

Pihak syarikat telah membayar denda tersebut melalui cek CIMB bernombor 222934 pada 12 Disember 2014. Resit penerimaan bayaran bernombor 13070114006355 telah dikeluarkan kepada pihak syarikat.

Telah diaudit dan diperakui
selesai oleh Bahagian Audit
Susulan, Jabatan Audit Negara

DAPATAN AUDIT NEGARA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

5.1-Prestasi Projek – Pencapaian Kewangan

Bayaran ke atas perkhidmatan lebar jalur 10Mbps bagi Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN) di seluruh Malaysia sejumlah RM0.32 juta tidak diperuntukkan dalam Lampiran B (Jadual Harga Kontrak) dan tiada sebarang kelulusan pelarasan nilai kontrak

Telah diaudit dan diperakui
selesai oleh Bahagian Audit
Susulan, Jabatan Audit Negara

1

KPM mengakui bahawa bayaran ke atas perkhidmatan lebar jalur 10Mbps bagi BTPN tercicir daripada Lampiran B (Jadual Harga Kontrak) walaupun item tersebut dinyatakan dalam Klausula 4.2(b).

KPM telah memaklumkan kepada Kementerian Kewangan berkaitan lapan (8) perubahan kepada perkhidmatan dan skop kerja termasuk perkhidmatan lebar jalur 10Mbps bagi Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN) sejumlah RM0.32 juta tanpa melibatkan perubahan kepada siling kontrak.

2

Mulai Disember 2013, KPM telah mengambil langkah pencegahan daripada berlakunya perubahan kepada perkhidmatan dan skop kerja kontrak.

Jawatankuasa Teknikal Projek 1BestariNet dan Jawatankuasa Pemandu Projek 1BestariNet telah ditubuhkan untuk memastikan semua perbelanjaan projek 1BestariNet adalah mengikut jadual pembayaran seperti dalam kontrak serta pindaan-pindaan yang telah dimaklumkan kepada Kementerian Kewangan.

3

Perbelanjaan projek 1BestariNet bagi tempoh 11 Disember 2011 sehingga 12 Jun 2014 masih berada di bawah siling projek iaitu RM665 juta.

DAPATAN AUDIT NEGARA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

5.2-Pengurusan Projek – Pematuhan Proses

Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2009 mengenai Garis Panduan Tatacara Memohon Kelulusan Teknikal Projek ICT Agensi Kerajaan menetapkan, permohonan projek ICT yang tidak melibatkan pembangunan sistem aplikasi bernilai RM3 juta atau lebih hendaklah mendapat kelulusan teknikal Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT) dan tidak melaksanakan Makmal Pengurusan Nilai. Didapati pihak KPM tidak mengemukakan permohonan kelulusan teknikal bagi pembangunan sistem aplikasi ini sebaliknya hanya mengemukakan kertas makluman kepada JTICT MAMPU pada 3 Oktober 2011 selepas proses perolehan 1BestariNet dilaksanakan. JTICT MAMPU hanya mengambil maklum dan perhatian disertai dengan ulasan kepada KPM melalui surat bertarikh 4 November 2011.

Telah diaudit dan diperakui
selesai oleh Bahagian Audit
Susulan, Jabatan Audit Negara

1

KPM telah melaksanakan Makmal Pengurusan Nilai (Kajian Nilai) bagi pelaksanaan 1BestariNet Fasa 2 mengikut Pekeliling Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Bilangan 3 Tahun 2009. Makmal tersebut diadakan pada 8 - 12 September 2014, 20, 21 dan 23 Oktober 2014 dan 10-12 November 2014.

Dapatan makmal telah dibentang kepada Pengurusan Tertinggi KPM. Setelah mempertimbang semua dapatan, KPM berpendapat bahawa pelaksanaan 1BestariNet perlu diteruskan mengikut kaedah sedia ada supaya tidak menjejaskan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), mengelakkan guru dan murid mengulangi lengkok pembelajaran serta pertambahan kos kepada kerajaan.

Ekoran itu, KPM telah melaksanakan Makmal Pengurusan Nilai Lanjutan untuk mempertimbang semula dapatan Makmal Pengurusan Nilai Siri 1 hingga Siri 3.

DAPATAN AUDIT NEGARA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

5.2-Pengurusan Projek – Pematuhan Proses

Selain Pekeliling Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Bil.3 Tahun 2009 bertarikh 29 Disember 2009 menetapkan supaya semua projek bernilai RM50 juta dan ke atas melalui proses value management. Juga didapati projek 1BestariNet tidak melalui proses value management.

Peraturan menetapkan setiap projek ICT hendaklah mempunyai struktur tadbir urus yang jelas terma rujukannya bagi memantau kemajuan pelaksanaan projek ICT. Struktur tadbir urus utama dalam pelaksanaan setiap projek ICT adalah pembentukan dua jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pemandu Projek dan Jawatankuasa Teknikal Projek serta satu pasukan projek. Didapati Jawatankuasa Pemandu Projek dan Jawatankuasa Teknikal Projek tidak diwujudkan bagi projek 1BestariNet, namun demikian telah diwujudkan setelah lawatan Audit dilaksanakan..

2

KPM telah mengadakan beberapa bengkel kerja bagi merancang pelaksanaan 1BestariNet Fasa 2. Bengkel-bengkel ini mengenal pasti penambahbaikan pelaksanaan dengan mengambil kira Laporan Ketua Audit Negara Siri 3 Tahun 2013, Kajian Keberkesanan Pelaksanaan 1BestariNet yang dilaksanakan oleh Bahagian Penyelidikan Dasar dan Perancangan Pendidikan serta dapatan Makmal Pengurusan Nilai Lanjutan.

3

KPM sedang menyediakan kertas cadangan penambahbaikan Projek 1BestariNet untuk dibentangkan kepada Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT) yang diurusetiaikan oleh MAMPU.

4

Setelah mendapat kelulusan semua pihak yang berkenaan, KPM akan memuktamadkan projek ini melalui Jawatankuasa Perolehan Menteri Kewangan.

Telah diaudit dan diperakui
selesai oleh Bahagian Audit
Susulan, Jabatan Audit Negara

DAPATAN AUDIT NEGARA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

5.2-Pengurusan Projek – Kesilapan Butiran Kontrak

Mengikut klausa 4.2(a)-(c), jumlah tapak pengguna iaitu Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP), Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN) dan Pusat Kegiatan Guru (PKG) yang perlu disediakan lebar jalur asas oleh kontraktor adalah sebanyak 384.

Bagaimanapun, didapati bilangan tapak pengguna adalah sebanyak 363 iaitu perbezaan sebanyak 21 tapak. Selain itu, sebanyak 13 Pusat Teknologi Pendidikan Bahagian (PTPB) juga tidak diambil kira dalam jumlah tapak pengguna. Oleh itu terdapat kekurangan sebanyak 34 tapak pengguna daripada jumlah sebenar.

Telah diaudit dan diperakui selesai oleh Bahagian Audit Susulan, Jabatan Audit Negara

1

KPM mengakui bahawa dalam skop kerja asal Kontrak, ada dinyatakan dengan jelas mengenai keperluan pemasangan di 368 PKG, 13 PTPB, dan 15 BTPN. Walau bagaimanapun, perkara ini tidak dinyatakan secara terperinci dalam Jadual Pelaksanaan dan Jadual Pembayaran.

Jawatankuasa Teknikal 1BestariNet telah meneliti penemuan JAN dan telah mengenal pasti 10 perkara yang perlu ditambah baik dalam tempoh pelanjutan interim Perjanjian Perkhidmatan 1BestariNet. Kesemua cadangan dan penambahbaikan tersebut telah diperakukan untuk dilaksanakan mengikut jadual oleh Jawatankuasa Pemandu 1BestariNet dalam Mesyuarat Bil. 5/2014 pada 12 Ogos 2014. Penambahbaikan yang diperakukan merangkumi keperluan untuk mengemas kini jadual pelaksanaan dan jadual pembayaran. Antaranya ialah membuat pindaan kepada kontrak dalam tempoh pelanjutan interim untuk memastikan semua BTPN, PTPB dan PKG yang tercicir dimasukkan ke dalam kontrak interim tersebut.

DAPATAN AUDIT NEGARA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

5.2-Pengurusan Projek – Kesilapan Butiran Kontrak

2

Walau bagaimanapun, cadangan tindakan pembetulan tidak dapat dilaksanakan kerana kelulusan Kementerian Kewangan berkaitan lanjutan kontrak dalam tempoh interim mensyaratkan KPM tidak dibenarkan menambah bilangan lokasi yang dirangkaikan melalui rangkaian 1BestariNet. Oleh yang demikian, cadangan tindakan pembetulan tersebut tidak dimasukkan dalam jadual pelaksanaan dalam tempoh interim.

Sebagai langkah pencegahan, KPM telah mengambil tindakan untuk memastikan tidak wujud percanggahan dalam kontrak KPM dengan mensyaratkan semua kontrak disemak dan disahkan oleh PUU sebelum ditandatangani oleh Pengurusan Tertinggi KPM.

Telah diaudit dan diperakui
selesai oleh Bahagian Audit
Susulan, Jabatan Audit Negara

DAPATAN AUDIT NEGARA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

5.2-Pengurusan Projek – Pembayaran Bagi Program Jati Diri

Didapati satu Program Kesedaran dan Jati Diri Untuk Ahli-ahli PMO yang telah diadakan pada 19 hingga 21 Disember 2012 di Park Royal Penang Resort, Batu Feringhi Beach, Pulau Pinang dengan perbelanjaan sejumlah RM164,048. Kontraktor program tersebut terdiri daripada 12 ahli PMO, 6 pegawai YTL dan 3 pegawai FrogAsia.

Didapati perbelanjaan program ini telah diluluskan oleh pegawai PMO tanpa dokumen sokongan yang lengkap. Kos bagi 9 pegawai kontraktor telah ditanggung di bawah peruntukan pengurusan perubahan ini.

Selain itu dokumen yang diluluskan oleh kontraktor dan PMO mengenai butiran kos keseluruhan program mendapati kos yang melibatkan ahli keluarga peserta seperti penginapan dan makan minum turut dibiayai sepenuhnya daripada program ini. Selain itu, kadar sewa bilik hotel yang dikenakan adalah melebihi kelayakan pegawai Kerajaan yang telah ditetapkan di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2005. Pihak Audit juga mendapati kos lain seperti pembelian t-shirt dan buah-buahan telah dibayar di bawah peruntukan tersebut

1

KPM telah mengemukakan surat tuntutan bayaran balik kepada kontraktor bagi Program Jati Diri sejumlah RM70,331.22 melalui surat rujukan KP(BPPA)400-14/3/KPM/41/2011/06/0003 Jld 3(19) bertarikh 6 Ogos 2014.

2

YTLC telah membayar tuntutan KPM pada 30 Oktober 2014 dan resit pembayaran ialah 13070114000332.

3

Jawatankuasa Siasatan Khas telah ditubuhkan oleh JPA untuk mengenal pasti punca isu-isu yang dikemukakan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Seramai 10 pegawai KPM telah dikenalpasti untuk dikenakan tindakan tatatertib.

Telah diaudit dan diperakui selesai
oleh Bahagian Audit Susulan,
Jabatan Audit Negara

DAPATAN AUDIT NEGARA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

5.2-Pengurusan Projek – Kajian Keperluan Sekolah

Didapati kajian keperluan sekolah tidak dilakukan bagi semua sekolah. Tiada maklumat kajian keperluan sekolah diambil oleh kontraktor dari sekolah. Akibat daripada ketiadaan kajian keperluan tersebut, infrastruktur sedia ada di sekolah tidak diambil kira sebelum pemasangan 1BestariNet. Selain itu, capaian internet di kesemua sekolah tidak merangkumi keseluruhan kawasan sekolah seperti mana yang dijanjikan dalam kontrak

Telah diaudit dan diperakui selesai oleh Bahagian Audit Susulan, Jabatan Audit Negara

1

Pihak kontraktor telah melaksanakan Kajian Keperluan Sekolah di 430 daripada 1,600 sekolah yang ada LAN. Laporan bercetak bagi 430 sekolah berkenaan telah diserahkan kepada KPM, Bagi baki 8,289 sekolah yang tiada LAN, kontraktor hanya berjaya menyempurnakan kajian di 2,865 sekolah yang dilaksanakan melalui kaedah dalam talian. KPM dibekalkan dengan alamat URL (<https://edw.yes.my/yesmonytl/Login-SchoolInfo>) untuk mencapai kesemua 2,865 borang soal-selidik tersebut.

Satu perbincangan dengan pihak YTLC berkenaan Jadual Kajian Keperluan Sekolah telah diadakan pada 7 Oktober 2014. Pihak YTLC dikehendaki menyempurnakan obligasi ini dalam tempoh interim seperti mana dimaklumkan dalam *Exit Conference* Audit Negara. Obligasi ini telah dimasukkan dalam kontrak bagi tempoh interim.

DAPATAN AUDIT NEGARA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

5.2-Pengurusan Projek – Kajian Keperluan Sekolah

2

KPM telah mengumpul maklumat status ketersediaan rangkaian setempat (LAN) dan integrasi LAN dengan talian 1BestariNet. Berdasarkan maklumat tersebut, syarikat perlu mengintegrasikan mana-mana sekolah yang belum diintegrasikan berdasarkan klausa 4.2 (j) dalam kontrak bagi tempoh interim.

Telah diaudit dan diperakui
selesai oleh Bahagian Audit
Susulan, Jabatan Audit Negara

DAPATAN AUDIT NEGARA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

5.2-Pengurusan Projek – Lebar Jalur (Bandwidth)

Didapati tahap capaian kelajuan perkhidmatan lebar jalur di makmal komputer bagi 50 buah sekolah yang dilawati mendapati 41 daripada 46 buah sekolah adalah antara 0.2Mbps hingga 3.62Mbps. Prestasi capaian kelajuan perkhidmatan lebar jalur tersebut adalah rendah untuk menampung penggunaan VLE sekiranya melibatkan antara 30 hingga 40 pengguna dalam satu masa.

Telah diaudit dan diperakui selesai oleh Bahagian Audit Susulan, Jabatan Audit Negara

1

KPM telah menggunakan perkhidmatan NFE Consulting Sdn Bhd (Syarikat yang digunakan oleh SKMM untuk melaksanakan pemantauan penguatkuasaan) bagi melaksanakan pengauditan ke atas rangkaian 1BestariNet pada Disember 2013. Hasil kajian menunjukkan bahawa rangkaian 1BestariNet menepati kualiti perkhidmatan (*Quality of Service*) sepertimana ditetapkan dalam kontrak 1BestariNet.

Setakat ini, semua sekolah berteknologi 4G didapati menepati Aras Perjanjian Perkhidmatan (SLA) dan Aras Jaminan Perkhidmatan (SLG) yang ditetapkan iaitu minimum 4 Mbps.

2

Dengan saiz lebar jalur yang terhad (2 dan 4 Mbps) pedagogi yang diamalkan hendaklah menjurus kepada aktiviti kerja kumpulan yang berbeza pada sesuatu masa seperti pendekatan *blended learning*. Semua guru terlatih, yang telah mengikuti latihan asas perguruan dilatih dengan pedagogi sedemikian.

VLD

Ada masalah dgn school net.

DAPATAN AUDIT NEGARA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

5.2-Pengurusan Projek – Lebar Jalur (Bandwidth)

3

KPM telah menjadikan prestasi capaian internet bagi sekolah berteknologi 4G sebagai KPI YAB Menteri Pendidikan, KSU dan KPPM. Kaedah pemantauan capaian serta tahap capaian internet pada 4Mbps setiap sekolah tersebut telah ditetapkan dalam mesyuarat bersama PEMANDU dan PADU sejak Januari 2014.

4

Bagi memastikan kualiti capaian ke semua sekolah menepati Aras Perjanjian Perkhidmatan (SLA) dan Aras Jaminan Perkhidmatan (SLG) KPM melaksanakan pemantauan proaktif terhadap kelajuan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar yang dibekalkan melalui komputer pelayan Cacti. Kaedah begini membolehkan KPM memantau kualiti perkhidmatan dan kelajuan talian ke setiap lokasi 1BestariNet.

Bermula 1 Oktober 2014, pemantauan prestasi talian internet 1BestariNet dilaksanakan oleh BTP dengan menggunakan Pekerja Sambilan Harian (PSH).

Telah diaudit dan diperakui
selesai oleh Bahagian Audit
Susulan, Jabatan Audit Negara

DAPATAN AUDIT NEGARA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

5.2-Pengurusan Projek – Lebar Jalur (Bandwidth)

5

KPM bersama Bahagian Audit Susulan telah melaksanakan pengauditan terhadap komputer pelayan *cacti* yang ditempatkan di Pusat Data YTLC untuk memastikan ukuran kelajuan lebar jalur dikalibrasi dengan tepat dan memberi ukuran kelajuan yang sah.

Telah diaudit dan diperakui
selesai oleh Bahagian Audit
Susulan, Jabatan Audit Negara

DAPATAN AUDIT NEGARA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

5.2-Pengurusan Projek – Teknologi Rangkaian

Bilangan Yes Zoom yang dibekalkan kepada sekolah sebanyak 3 unit dan 1 unit sebagai simpanan adalah tidak mencukupi untuk meliputi keseluruhan kawasan sekolah disebabkan jarak liputan wi-fi Yes Zoom hanya boleh dicapai dalam lingkungan 20 meter dan juga terdapat limitasi akses kepada 20 orang pengguna sahaja dalam satu masa. Keadaan yang sama juga dihadapi oleh sekolah-sekolah yang mengguna teknologi VSAT yang mana satu lebar jalur asas 2Mbps dikongsi oleh 20 buah sekolah. Bilangan “standard” Yes Dongles yang dibekalkan kepada setiap sekolah adalah sebanyak 20 unit dan pengagihan sebenar adalah berdasarkan bilangan guru di sekolah iaitu antara 5 hingga 25 Yes Dongles. Pengagihan ini bukan sahaja tidak mengikut spesifikasi standard pengagihan yang ditetapkan dalam perjanjian tetapi tidak mencukupi untuk menampung keperluan pengguna di sekolah-sekolah. Setakat ini, Yes Dongles yang dibekalkan hanya digunakan oleh guru-guru sahaja.

1

PKG telah melawat kesemua 8,885 sekolah yang telah dipasang dengan 1BestariNet untuk mengenal pasti sama ada rangkaian 1BestariNet telah diintegrasikan dengan LAN sekolah. Berdasarkan dapatan lawatan tersebut, KPM akan mengenakan tindakan undang-undang ke atas YTLC bagi kegagalan memenuhi obligasi kontrak. Lawatan tersebut dijangka selesai dilaksanakan sebelum 15 November 2014. PKG sedang melawat kesemua sekolah untuk mengumpul maklumat LAN sekolah dan dijangka siap pada 10 Oktober 2014.

Pihak YTLC didapati telah menyambung rangkaian LAN sedia ada kepada Zoom yang dibekalkan jika LAN masih berfungsi. Bagi LAN yang telah rosak, pihak syarikat tidak berbuat demikian kerana pihak sekolah memilih untuk menggunakan wi-fi Zoom tersebut untuk capaian internet.

Telah diaudit dan diperakui selesai oleh Bahagian Audit Susulan, Jabatan Audit Negara

DAPATAN AUDIT NEGARA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

5.2-Pengurusan Projek – Teknologi Rangkaian

Semakan lanjut Audit juga mendapati sehingga 8 April 2014, didapati 321 buah sekolah telah dipasang dengan lebar jalur berasaskan teknologi ADSL dan 530 buah sekolah telah dipasang dengan OCPE yang bercanggah dengan syarat kontrak dan tiada permohonan perubahan spesifikasi kontrak kepada Kementerian Kewangan Malaysia dilakukan. Penggunaan kedua-dua teknologi capaian tersebut adalah disebabkan sekolah tidak mempunyai peralatan VSAT serta tidak mendapat liputan 1BRIS.

Telah diaudit dan diperakui
selesai oleh Bahagian Audit
Susulan, Jabatan Audit Negara

2

YTLC dibenarkan untuk menggunakan teknologi ADSL dan OCPE untuk mengurangkan bilangan sekolah yang perlu dirangkaikan dengan teknologi VSAT berdasarkan klausa 4.2(f) yang membenarkan pihak syarikat meningkatkan bilangan sekolah tersebut dari 698 kepada 3300 (berdasarkan senarai sekolah VSAT yang diserahkan oleh PMO-ICT pada ketika itu).

3

KPM akan melaksanakan penambahbaikan bagi menetapkan keberhasilan yang dikehendaki untuk memastikan perkhidmatan yang diperoleh menepati keperluan KPM. Bagi pembekalan zoom 3+1 serta dongle yang terhad muatan capaian, KPM akan memastikan rangkaian yang dibekalkan perlu merangkumi keseluruhan kawasan sekolah dalam pelaksanaan perkhidmatan 1BestariNet Fasa 2. Agenda penambahbaikan ini telah dibincangkan dalam Makmal Pengurusan Nilai (2014), Bengkel Kajian Lanjut pada 27 - 30 Januari 2015 dan Bengkel Penambahbaikan (9 - 13 Mac 2015).

DAPATAN AUDIT NEGARA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

5.2-Pengurusan Projek – Sewaan Tapak 1BRIS

Daripada Minit Mesyuarat Perjanjian Penyewaan Tapak Bagi Sekolah-sekolah Seluruh Malaysia bertarikh 2 Julai 2013 didapati, pihak kontraktor enggan membayar sewaan tapak struktur 1BRIS kerana berpendapat bahawa persetujuan yang dicapai melalui terma yang termaktub dalam kontrak bagi peletakan struktur 1BRIS di kawasan sekolah adalah secara percuma berdasarkan Klausula 27.7 dan 27.10 Kontrak 1BestariNet. Bagaimanapun, klausula tersebut hanya menyentuh perihal kebenaran mendirikan dan keselamatan struktur 1BRIS yang dipertanggungjawabkan kepada Kerajaan, manakala kos mendirikan 1BRIS adalah merupakan tanggungjawab kontraktor. Menurut maklum balas Penasihat Undang-undang (PUU) KPM, walaupun di dalam dokumen kontrak perjanjian tidak menyebut mengenai sewaan tapak tetapi perlu mengambil kira peraturan dan garis panduan sedia ada untuk penggunaan tapak tersebut. Pihak PMO berpendapat KPM hanya membeli perkhidmatan, oleh itu segala urusan yang melibatkan menara 1BRIS adalah di bawah tanggungan pihak kontraktor.

1

Peruntukan berkaitan sewaan tapak mendirikan menara 1BRIS dalam premis kerajaan tidak dinyatakan secara spesifik dalam kontrak. Namun begitu masih tertakluk kepada Undang-Undang Kecil

Ekoran kepada pandangan Audit dan PUU, Pegawai Pengawal telah bersetuju melalui Minit Bebas pada 15 Ogos 2014 untuk KPM menuntut kurangkan pembayaran sewa tapak 1BRIS daripada kontraktor.

KPM telah membuat semakan dengan Pesuruh Tanah Persekutuan serta Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) untuk mendapatkan kadar sewaan tapak kerajaan.

Telah diaudit dan diperakui selesai oleh
Bahagian Audit Susulan, Jabatan Audit Negara

DAPATAN AUDIT NEGARA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

5.2-Pengurusan Projek – Sewaan Tapak 1BRIS

2

Tidak semua 1BRIS didirikan di atas tapak sekolah milik PTP. KPM sedang menyemak status hak milik tapak tanah 1BRIS yang tidak jelas. Tuntutan sewa tidak akan dibuat bagi tapak bukan milik PTP.

Berpandukan kadar yang ditetapkan JKPTG (JKPTG/SPHP/931/1/15-3 Jld 8 (60) bertarikh 13 Mac 2014, KPM telah mengemuka surat tuntutan sewaan untuk 350 tapak milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) sahaja dengan jumlah RM843,416.66.

Tuntutan bayaran (kedua) dibuat melalui surat ruj.: KP(BPPA)800-2/8/17/1Jld.7(17) bertarikh 14 Oktober 2014 bagi 911 tapak berjumlah RM2,199,166.66.

KPM berpendapat bahawa berdasarkan Arahan PTP Bil. 1/2013, sebarang permohonan rayuan terhadap kadar sewa hendaklah diputuskan oleh pihak PTP. KPM selaku Kementerian Pengguna hanya melaksanakan keputusan yang diberikan.

Telah diaudit dan diperakui
selesai oleh Bahagian Audit
Susulan, Jabatan Audit Negara

DAPATAN AUDIT NEGARA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

5.2-Pengurusan Projek -- Sewaan Tapak 1BRIS

3

KPM telah membuat tuntutan bayaran tunggakan sewa tapak bagi projek 1BestariNet (pertama) daripada syarikat YTL melalui surat ruj.: KP(BPPA)800-2/8/17/1Jld.7(1) bertarikh 3 September 2014. Tuntutan dibuat ke atas 350 tapak milik PTP berjumlah RM843,416.66.

Syarikat telah membuat rayuan supaya kadar sewaan dikekalkan sebanyak RM1000 setahun bagi semua tapak. JKPTG telah bersidang dan memutuskan bahawa sewa tapak 1BRIS bagi tanah di bawah pentadbiran PTP ialah RM120 setapak setahun.

Pihak syarikat telah mengemukakan bayaran sebanyak RM296,573.33 pada 16 Mac 2015 bagi pembayaran sewa tapak untuk 1,031 tapak 1BRIS dalam Fasa Pertama 1Bestarinet.

Telah diaudit dan diperakui
selesai oleh Bahagian Audit
Susulan, Jabatan Audit Negara

DAPATAN AUDIT NEGARA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

5.2-Pengurusan Projek – Caj Utiliti 1BRIS

Klausa 27.8 Kontrak 1BestariNet menetapkan bahawa semua caj-caj utiliti yang berkaitan dengan perkhidmatan 1BestariNet, CPE, peralatan serta 1BRIS seperti caj elektrik akan ditanggung oleh Kerajaan dalam tempoh kontrak. Klausa 27.10 Kontrak 1BestariNet pula menyatakan kontraktor hanya bertanggungjawab terhadap kos yang melibatkan pemasangan, penyenggaraan dan pengurusan 1BRIS. Selain daripada kos tersebut adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan. Didapati, caj utiliti dibayar oleh Kerajaan berdasarkan pendawaian elektrik 1BRIS yang disambung dan berkongsi dengan meter elektrik sekolah. Walaupun pihak Kerajaan terpaksa menanggung peningkatan caj elektrik, namun begitu, pihak sekolah tidak dapat mengesahkan jumlah sebenar penggunaan elektrik 1BRIS di sekolah kerana caj utiliti 1BRIS dicampur dengan caj utiliti sekolah.

1

Penggunaan tenaga elektrik bagi struktur 1BRIS dipersetujui oleh KPM untuk menggunakan peruntukan mengurus tahunan. Bagaimanapun, KPM mengakui pembinaan infrastruktur 1BRIS telah mengakibatkan kos elektrik di sekolah-sekolah terlibat meningkat antara RM150 - RM180 sebulan. Dasar ini akan dikaji semula dalam kontrak 1BestariNet pada masa akan datang.

2

Permohonan peruntukan tambahan perbelanjaan bil elektrik bagi 1BestariNet kepada Bahagian Kewangan KPM melalui memo KP(BTP-PENT)S/8800/50/25-10(36) bertarikh 27 Mei 2014. Berdasarkan waran peruntukan belanja mengurus (B.41) Tahun 2014, KPM mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk membiayai pelaksanaan aktiviti/program yang menyokong pengajaran dan pembelajaran.

Telah diaudit dan diperakui selesai oleh
Bahagian Audit Susulan, Jabatan Audit Negara

DAPATAN AUDIT NEGARA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

5.2-Pengurusan Projek – Caj Utiliti 1BRIS

3

Pengumuman Bajet Pendidikan dalam Pembentangan Bajet 2015 iaitu KPM menerima RM56 billion bagi membiayai pelbagai program pengajaran dan pembelajaran. Teks ucapan KSU sempena Perhimpunan KPM Bulan Disember 2014 berkaitan bajet KPM boleh dilayari melalui: http://www.moe.gov.my/cms/upload_files/articlefile/2014/articlefile_file_003719.pdf.

4

Bagi 1BestariNet Fasa 2, isu sewaan tapak telah diperbincangkan dan diputuskan supaya KPM perlu memastikan supaya dengan mensyaratkan bahawa tanggungan pihak YTLC ke atas caj utility tidak akan mengakibatkan Kerajaan menanggung caj lebar jalur yang lebih mahal sehingga merugikan kerajaan.

Telah diaudit dan diperakui
selesai oleh Bahagian Audit
Susulan, Jabatan Audit Negara

DAPATAN AUDIT NEGARA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

5.2-Pengurusan Projek – Anti Virus dan Pengurusan Tampalan

Klausa 4.4(d) Kontrak 1BestariNet menyatakan kontraktor hendaklah menyediakan perkhidmatan pengurusan tampalan bagi semua aplikasi yang dipasang dalam komputer yang didaftarkan dalam daftar harta modal kerajaan tertakluk kepada bilangan maksimum 400,000 lesen. Didapati, tiada maklumat bilangan lesen yang telah digunakan oleh sekolah-sekolah. Selain itu, komputer di sekolah-sekolah tidak dipasang dengan perisian pengurusan tampalan oleh pihak kontraktor. Pihak sekolah tidak mengetahui berkenaan perisian pengurusan tampalan ini.

Telah diaudit dan diperakui selesai oleh Bahagian Audit Susulan, Jabatan Audit Negara

1

Bilangan komputer yang dipasang dengan sistem pengurusan tampalan adalah sama dengan bilangan komputer yang dipasang dengan anti virus. Walau bagaimanapun, pihak pembekal juga menyediakan sistem pengurusan cache di Pusat Data 1BestariNet yang berfungsi seakan-akan pengurusan tampalan kecuali menggunakan kaedah pull dan bukan push. Bagi Makmal komputer VDI *Thin Client* dan *ChromeLab*, perkhidmatan tampalan juga tidak diperlukan kerana kedua-dua sistem tersebut melaksanakan pengemaskinian tampalan secara automatik. Kedua-dua perkhidmatan pengurusan tampalan dan antivirus telah digugurkan daripada Kontrak 1BestariNet dalam pelanjutan interim.

2

Kedua-dua perkhidmatan pengurusan tampalan dan antivirus telah digugurkan daripada Kontrak 1BestariNet dalam pelanjutan interim 1 dan 2 (13 Jun 2014 sehingga 30 Jun 2015).

DAPATAN AUDIT NEGARA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

5.2-Pengurusan Projek – Perkhidmatan Tapisan Kandungan

Mengikut Klausula 4.4(c) Kontrak 1BestariNet, kontraktor hendaklah menyediakan perkhidmatan tapisan kandungan bagi semua capaian dari rangkaian 1BestariNet ke internet. Didapati perkhidmatan ini tidak memuaskan kerana masih terdapat beberapa laman web terlarang. Ini disebabkan tapisan kandungan yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor adalah berbentuk blacklist dan bukan berbentuk whitelist seperti yang diminta oleh pihak KPM.

Telah diaudit dan diperakui
selesai oleh Bahagian Audit
Susulan, Jabatan Audit Negara

- 1 Kelemahan teknologi internet untuk mengenal pasti teks sahaja memberi ruang kepada warga internet untuk muat naik gambar/grafik yang tak senonoh tetapi tag dengan label yang biasa. Ini telah mengakibatkan murid-murid tercapai bahan yang tidak sepatutnya. Sebagai langkah penambahbaikan, KPM telah mengubah polisi tapisan kandungan dari pendekatan Black Listing kepada White Listing bermula Februari 2014. Kaedah ini juga melumpuhkan kebanyakan aplikasi proxy by-pass.
- 2 Sehingga kini hanya terdapat sebilangan kecil sahaja pengguna yang memohon untuk membenarkan penggunaan laman yang disekat dari semasa ke semasa untuk membolehkan mereka melaksanakan aktiviti sekolah yang tertentu.

5.2-Pengurusan Projek – Virtual Learning Environment

Pihak KPM telah membayar sejumlah RM250.50 juta bagi lesen VLE dan RM262.81 juta bagi penyenggaraan VLE sepanjang tempoh kontrak selama dua setengah tahun. Kos ini tidak termasuk isi kandungan VLE tersebut dan hanya merupakan kerangka sahaja. Segala objek pembelajaran dibangunkan oleh pengguna KPM sendiri. Bagi tempoh 1 hingga 31 Mac 2014 mendapati, penggunaan VLE di kalangan sekolah-sekolah seluruh negara adalah rendah iaitu antara 1,956 (19.5%) hingga 3,358 (33.5%) buah sekolah sahaja. Manakala penggunaan VLE berdasarkan login pelajar, guru dan ibu bapa di sekolah seluruh Malaysia adalah amat rendah seperti berikut: pelajar antara 0.17 hingga 0.63%; guru antara 0.57 hingga 4.69%; dan ibu bapa antara 0.01 hingga 0.03%. Pengiraan peratus penggunaan harian VLE adalah dibuat dengan andaian jumlah login harian pengguna adalah bersamaan dengan bilangan pengguna mengakses VLE. Peratusan ini berkemungkinan lebih rendah kerana jumlah login yang direkodkan di dalam sistem tidak mewakili jumlah pengguna sebenar mengakses ke VLE berikutan seorang pengguna boleh login ke VLE lebih dari sekali setiap hari.

1

Tahap penggunaan VLE secara amnya masih pada tahap yang rendah. KPM telah menyediakan perancangan penggunaan berdasarkan S-Curve bagi peningkatan penggunaan Aplikasi VLE. Bagi meningkatkan penggunaan VLE di semua sekolah, PKG juga telah mengadakan bimbingan secara *hand-holding* kepada sekolah-sekolah ahli mereka untuk meningkatkan tahap penggunaan dan pembudayaan VLE di sekolah-sekolah tersebut.

2

KPM telah melaksanakan bengkel/ latihan/ hand-holding berkaitan VLE kepada guru-guru/murid/pentadbir pada tahun 2014.

Telah diaudit dan diperakui
selesai oleh Bahagian Audit
Susulan, Jabatan Audit Negara

DAPATAN AUDIT NEGARA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

5.2-Pengurusan Projek – Virtual Learning Environment

Telah diaudit dan diperakui selesai oleh Bahagian Audit Susulan, Jabatan Audit Negara

3

Salah satu sasaran KPI KPM pada tahun 2015 adalah untuk mencapai 1 juta murid yang menggunakan VLE sekurang-kurangnya 30 minit setiap minggu persekolahan. KPM telah mewujudkan Dashboard Penggunaan FROG-VLE untuk pemantauan pematuhan KPI mengikut peringkat (nasional, negeri, PPD/PKG, sekolah) dan pada masa kini sedia untuk digunakan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab.

Selain itu, KPM telah memaklumkan pelaksanaan penggunaan VLE yang ditandatangani oleh pengurusan atasan kepada semua Pengarah Bahagian dan Pengarah Pendidikan Negeri pada 9 Januari 2015 melalui Surat Siaran Pelaksanaan Penggunaan Pelantar Persekitaran Pembelajaran Maya (VLE) 1BestariNet Kementerian Pendidikan Malaysia [Ruj: KP(BTP-PENT)8800/4/2 Jld.13(2) bertarikh 9 Januari 2015 melalui portal KPM: <http://www.moe.gov.my/v/surat-siaran-view?page=1&id=1024>.

DAPATAN AUDIT NEGARA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

5.2-Pengurusan Projek – Bayaran Perkhidmatan Penyediaan Kemudahan Bagi Operasi PMO

Mengikut Lampiran A6 SST Anggaran Belanja Mengurus PMO dalam Kontrak 1BestariNet, peruntukan perbelanjaan PMO bagi tempoh Disember 2011 sehingga Jun 2014 adalah sejumlah RM11.62 juta.

Didapati, pihak PMO hanya mula beroperasi pada bulan Mac 2012 dan tuntutan perbelanjaan PMO sejumlah RM607,440 bagi tempoh Mac hingga Disember 2012 telah dibayar oleh Kerajaan kepada kontraktor. Bagaimanapun, kadar tuntutan pembayaran utiliti, sewaan, bekalan dan bahan, penyenggaraan dan perkhidmatan lebih tinggi daripada kadar sebenar yang ditetapkan dalam kontrak. Perbezaan kadar tuntutan bagi setiap perkara tersebut di atas telah menyebabkan perbelanjaan melebihi peruntukan sejumlah RM157,940 bagi tempoh Mac hingga Disember 2012. Perbezaan ini berlaku kerana pihak kontraktor menjumlahkan peruntukan bulan Disember 2011 dengan peruntukan tahun 2012 iaitu 13 bulan dan seterusnya dibahagikan dengan 12 bulan.

1

Syarikat telah menyatakan pendapat bahawa tidak berlaku lebihan bayaran sebanyak RM157,940. Justifikasi syarikat adalah perkara tersebut telah mendapat kelulusan pembayaran oleh pihak PMO ketika itu. Perkara ini telah disiasat oleh JK Siasatan yang ditubuhkan dan pegawai yang terlibat telah dikenakan tindakan surcaj/ tatatertib.

2

KPM telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Pemandu 1Bestarinet untuk menyemak dan mengesahkan semua tuntutan yang dikemukakan oleh syarikat. Dari segi tuntutan terlebih bayar kepada syarikat, KPM telah membuat tuntutan bayaran balik dan menerima sebahagian bayaran daripada syarikat.

Telah diaudit dan diperakui selesai oleh Bahagian Audit Susulan, Jabatan Audit Negara

5.2-Pengurusan Projek – Bayaran Perkhidmatan Penyediaan Kemudahan Bagi Operasi PMO

Berdasarkan Kontrak 1BestariNet bagi tahun 2011, kadar pembayaran perkhidmatan kebajikan/kesihatan adalah sejumlah RM1,000 seorang sebulan manakala kadar bayaran perkhidmatan keselamatan dan kebersihan adalah sejumlah RM15,000 sebulan. Bagaimanapun, kadar perkhidmatan tersebut bagi tahun 2012 sehingga 2014 telah menurun dengan ketara iaitu RM100 (1,000%) seorang bagi perkhidmatan kebajikan/kesihatan dan RM800 (1,775%) sebulan bagi bayaran perkhidmatan kawalan keselamatan dan kebersihan. Asas penurunan kadar tersebut tidak dijelaskan.

1

JK Siasatan yang ditubuhkan dan pegawai yang terlibat telah dikenakan tindakan surcaj/ tatatertib.

2

KPM telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Pemandu 1Bestarinet untuk menyemak dan mengesahkan semua tuntutan yang dikemukakan oleh syarikat. Dari segi tuntutan terlebih bayar kepada syarikat, KPM telah membuat tuntutan bayaran balik dan menerima sebahagian bayaran daripada syarikat.

Telah diaudit dan diperakui
selesai oleh Bahagian Audit
Susulan, Jabatan Audit Negara

DAPATAN AUDIT NEGARA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

5.2-Pengurusan Projek – Perkhidmatan Hosting Terurus

Mengikut Klausula 4.3(b) Kontrak 1BestariNet, kontraktor hendaklah menyediakan prasarana ICT yang mempunyai keupayaan pemprosesan 1,000 core dan keupayaan storan sebanyak 300 Terra Bytes (TB) untuk menampung keperluan hosting semua aplikasi KPM. Didapati, KPM mempunyai lebih daripada 50 aplikasi. Namun demikian, tidak kesemua aplikasi berkenaan ditempatkan di dalam perkhidmatan hosting 1BestariNet. Sehingga Disember 2013, hanya 7 aplikasi dengan 93.77TB (31.3%) daripada 300TB kapasiti storan telah digunakan untuk aplikasi-aplikasi KPM.

Telah diaudit dan diperakui
selesai oleh Bahagian Audit
Susulan, Jabatan Audit Negara

1

Penggunaan kapasiti pemprosesan di tapak hosting pada masa kini ialah 976 core (97.6%) dan kapasiti yang digunakan ialah 161.8 TB (53.9%).

2

Peruntukan *Hosting Terurus* iaitu komponen storan dan kapasiti pemprosesan adalah mencukupi untuk menampung keperluan aplikasi-aplikasi atas talian KPM. Walau bagaimanapun, dalam program *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) yang dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bersama KPM, pemindahan aplikasi-aplikasi atas talian seperti Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM), Sistem Maklumat Murid (SMM), Sistem Maklumat Pengurusan Penyelidikan (EMiS) dan sebagainya yang berkaitan dengan pengurusan sekolah ditangguhkan untuk mengelakkan keperluan migrasi aplikasi berulang daripada tapak hosting asal ke Pusat Data 1BestariNet.

DAPATAN AUDIT NEGARA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

5.2-Pengurusan Projek – Perkhidmatan Hosting Terurus

3

Ini kerana dalam program NBOS KPM dikehendaki untuk mengintegrasikan kesemua aplikasi atas talian di sekolah ke dalam Sistem Pengurusan Sekolah (SPS) agar guru dan warga sekolah lain tidak perlu mengulangi kemasukan data dalam pelbagai aplikasi. Pengintegrasian data bagi SPS dengan EMiS, APDM dan Sistem Maklumat Guru (SMG) telah selesai dilaksanakan pada 30 September 2014. Bagi keperluan storan, KPM hanya menggunakan 31% daripada storan yang telah diperolehi semasa pengauditan dilaksanakan. Kekurangan penggunaan kapasiti storan ini adalah akibat daripada kelewatan pelaksanaan pengintegrasian pangkalan-pangkalan data KPM dalam program NBOS.

Telah diaudit dan diperakui
selesai oleh Bahagian Audit
Susulan, Jabatan Audit Negara

DAPATAN AUDIT NEGARA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

5.2-Pengurusan Projek – Perkhidmatan Hosting Terurus

4

Walau bagaimanapun, penggunaan kapasiti pemprosesan di tapak *hosting* pada masa kini telah meningkat, iaitu sebanyak 976 core (97.6%) dan kapasiti yang digunakan ialah 161.8 TB (53.9%) jika berbanding dengan 93.77TB (31.3%) pada Disember 2013. Peningkatan ini adalah hasil daripada kerja-kerja pengintegrasian pangkalan APDM dan EMiS ke dalam pangkalan data SPS secara dalaman oleh KPM sementara menunggu projek penambahbaikan SPS ditenderkan.

Sebagai langkah pencegahan, KPM telah mengadakan Makmal Pengurusan Nilai dan Bengkel Kajian Lanjut Pelaksanaan 1BestariNet Fasa 2 yang mencadangkan migrasi aplikasi KPM ke Pusat Data Enstek KPM dalam tempoh masa Fasa 2 1BestariNet dengan mengambil kira infrastruktur *hosting dan internet gateway* yang tinggi. Buat masa ini, Pusat Data Enstek KPM belum mempunyai infrastruktur *hosting dan internet gateway* yang mencukupi untuk menampung *hosting* aplikasi SPS dan EduwebTV.

Telah diaudit dan diperakui
selesai oleh Bahagian Audit
Susulan, Jabatan Audit Negara

DAPATAN AUDIT NEGARA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

5.2-Pengurusan Projek – Perkhidmatan Hosting Terurus

5

KPM belum dapat melaksanakan Projek Pusat Data Enstek kerana memerlukan masa untuk memohon peruntukan dan melaksanakan tender terbuka.

KPM telah membelanjakan sebanyak RM 11,471,901.00 bagi perkhidmatan *hosting* terurus bagi tempoh dua tahun enam bulan yang merangkumi kapasiti pemprosesan (1000 core) dan storan (300TB). Bagi tempoh interim KPM telah mengurangkan tempahan bagi perkhidmatan hosting terurus kepada hanya RM 1,219,414.00(setahun) yang merangkumi kapasiti pemprosesan 1000 core (967 core telah digunakan) dan storan sebanyak 200TB (sebanyak 161.9TB telah digunakan).

Telah diaudit dan diperakui
selesai oleh Bahagian Audit
Susulan, Jabatan Audit Negara

DAPATAN AUDIT NEGARA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

5.2-Pengurusan Projek – MNOC

Didapati, pihak kontraktor telah menyediakan MNOC bagi tujuan pemantauan pelaksanaan projek 1BestariNet. Bagaimanapun, MNOC tersebut tidak mempunyai 3 daripada fungsi yang telah dinyatakan di dalam kontrak iaitu Real Time Network Monitoring, Bandwidth and Network Monitoring dan Performance and Availability Monitoring. Selain itu, Klausula 4.6(c) Kontrak 1BestariNet, menghendaki MNOC yang disediakan mempunyai keupayaan untuk melaksanakan fungsi Security Operation Centre (SOC) iaitu tapisan kandungan dan pengurusan tampalan (antivirus dan sistem pengoperasian). Semakan Audit mendapati, MNOC tidak mempunyai kedua-dua fungsi tersebut.

Telah diaudit dan diperakui selesai oleh Bahagian Audit Susulan, Jabatan Audit Negara

1

Mulai Januari 2014, KPM telah mengarahkan pihak syarikat supaya memasang komputer pelayan *cacti* dan dikonfigurasi sedemikian rupa supaya KPM boleh memantau prestasi sesuatu talian tertentu *secara real time*. Selain itu, komputer pelayan iperf juga disediakan di Pusat Data 1BestariNet di Sentul untuk membolehkan KPM memantau kualiti perkhidmatan sesuatu talian dari lokasi 1BestariNet (sekolah) berkaitan peratusan *packet lost, latency* dan *jitter*.

2

Bahagian Susulan Audit, Jabatan Audit Negara bersama-sama KPM telah memverifikasi kesahihan ujian kelajuan lebar jalur yang dilaksanakan melalui komputer pelayan Cacti di Pusat Data 1BestariNet pada 14 Januari 2015. Berdasarkan pemverifikasian yang telah dilaksanakan didapati kaedah pengujian kelajuan rangkaian yang sedang dilaksanakan dalam projek 1BestariNet sah dan boleh digunapakai sebagai ukuran kelajuan lebar jalur yang dibekalkan YTLC dalam perkhidmatan 1BestariNet.

DAPATAN AUDIT NEGARA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

5.2-Pengurusan Projek – MNOC

Telah diaudit dan diperakui selesai oleh Bahagian Audit Susulan, Jabatan Audit Negara

3

Dalam Projek 1BestariNet Fasa 2 (1 Julai 2015 - 30 Jun 2018), KPM akan memperincikan skop kerja MNOC dan SOC supaya lebih jelas jenis perkhidmatan yang diperolehi, iaitu hanya tumpu kepada penyediaan kemudahan untuk pihak kerajaan memantau dan memverifikasi kerja-kerja *Network Operation Centre* dan *Security Operation Centre* syarikat YTL. Pemantauan dilaksanakan untuk memastikan pihak YTL menyediakan perkhidmatan yang dinyatakan dalam kontrak dan pemverifikasian bertujuan untuk mengesahkan kerja-kerja yang dilaksanakan untuk tujuan pembayaran.

4

Bagi tempoh interim 1 dan 2 (13 Jun 2014 hingga 30 Jun 2015), KPM tidak melaksanakan sebarang penambahbaikan tambahan kepada sistem pemantauan (MNOC). Dalam tempoh ini, KPM terus menggunakan sistem pemantauan tersebut tanpa sebarang bayaran kepada syarikat.

Terima Kasih



16 JUN 2015